

[Dokumen ini belum disemak]

**PARLIMEN KESEBELAS
PENGAL KETIGA
MESYUARAT PERTAMA**

Bil. 11	Rabu	24 Mei 2006
----------------	-------------	--------------------

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

USUL-USUL:

Rancangan Malaysia Kesembilan (2006-2010) (Halaman 24)

**MALAYSIA
DEWAN NEGARA**

Rabu, 24 Mei 2006

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, hari ini ialah hari Rabu, bermakna Kabinet bersidang dan Timbalan-timbalan Menteri dan Setiausaha-Setiausaha Parlimen akan menjawab bagi pihak kerajaan selaku pemerintah. Timbalan -Timbalan Menteri dan Setiausaha-Setiausaha Parlimen tetap akan menjawab sebagai pernyataan dasar dan pendirian kerajaan sebagai pemerintah. Mungkin ini adalah kesempatan untuk Timbalan-Timbalan Menteri dan Setiausaha-Setiausaha Parlimen menyerlah dalam peranan dan menjalankan tugas-tugas tersebut.

1. Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan usaha dan inisiatif yang akan segera diambil untuk menentukan faktor pengeluaran terpenting dalam sektor pertanian iaitu tanah tidak menjadi penghalang kepada pelaksanaan program pertanian. Adakah kerajaan-kerajaan negeri senada dengan Kerajaan Pusat untuk menjadikan sektor pertanian ketiga terpenting dalam penjana ekonomi negara. Apakah tindakan dan langkah yang sedang diambil untuk menyatukan dasar kerajaan negeri dengan matlamat RMK-9.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani telah mengambil satu pendekatan yang baru bagi mengatasi isu kekurangan tanah untuk pengeluaran agro makanan dengan mewujudkan Bank Tanah.

Tuan Yang di-Pertua: Ini dengar pun memberangsangkan. Kerajaan telah mengambil pendekatan yang baru.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Mula sahaja telah memberangsangkan.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar: Konsep Bank Tanah ini adalah berdasarkan model projek pertanian moden di Kluang, Johor di mana pihak kementerian akan memajukan tanah yang dibeli dari Kerajaan Persekutuan kepada pengusaha swasta yang akan memajukannya. Di samping itu kerjasama dari kerajaan-kerajaan negeri adalah amat kritikal bagi mencapai pertumbuhan yang diunjurkan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan kerana ia amat

memerlukan keluasan tanah tambahan dan isu tanah adalah di bawah bidang kuasa kerajaan-kerajaan negeri.

Tuan Yang di-Pertua, dasar dan pembangunan agro makanan yang dirancang oleh kerajaan-kerajaan negeri memang senada dengan aspirasi Kerajaan Persekutuan. Ini adalah kerana di dalam rancangan pembangunan agro makanan, dalam kesemua pelan pembangunan lima tahun termasuk Rancangan Malaysia Kesembilan, pendekatan *bottom up* dengan izin diamalkan. Setiap perancangan di peringkat daerah dan negeri akan disalurkan kepada kementerian ini.

Di samping itu, penyeragaman dasar dan strategi pembangunan agro makanan juga dibincangkan di mesyuarat di antara Menteri Pertanian Dan Industri Asas Tani dengan Ahli-ahli Exco Pertanian Negeri-negeri.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya juga bersetuju dengan Tuan Yang di-Pertua bahawa permulaan kepada jawapan itu amat memberangsangkan. Terima kasih di atas jawapan Timbalan Menteri. Saya ingin mengetahui setakat ini apakah pandangan dan juga pendapat *Exco-exco* Negeri dalam menyatukan aspirasi *federal*, aspirasi kerajaan RMK-9 dan aspirasi mereka sendiri di negeri-negeri.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, itupun pertanyaan yang baik.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Norraesah.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli *Exco* kerajaan-kerajaan negeri yang bertanggungjawab kepada pertanian menyokong penuh dasar yang akan dijalankan oleh Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan negeri mempunyai kuasa di bawah Perlembagaan Persekutuan Jadual Ke-9, senarai kedua – Kuasa melupuskan tanah adalah terletak kepada kerajaan negeri. Manakala kerajaan negeri sedar jika mempunyai tanah sahaja tetapi tidak mempunyai peruntukan

Tuan Yang di-Pertua: Yang baiknya tanah dia ada kuasa tetapi duit dia bergantung kepada persekutuan. Itu yang bagusnya.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar: Betul Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab itu Ahli-ahli *Exco* yang bertanggungjawab mengenai dengan pertanian di negeri-negeri telah memberi kerjasama yang cukup baik dalam mengenal pasti tanah-tanah yang terdapat di negeri-negeri yang boleh dibangunkan, dijadikan taman kekal pengeluaran makanan di mana kerajaan negeri menyediakan tanah dan kerajaan pusat menyediakan prasarana. Tanah-tanah ini pula akan ditawarkan kepada usahawan tani ataupun para pengusaha di mana mereka akan membangunkan kawasan ini dijadikan kawasan kekal untuk mengeluarkan makanan

Tuan Yang di-Pertua: Bolehkah Yang Berhormat memberi peluang kepada Tuan Ismail bin Kassim sekarang.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar: Baiklah.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Tuan Ismail bin Kassim.

Tuan Ismail bin Kassim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Apakah punca kelewatan yang dikenal pasti oleh pihak kementerian walaupun kerana di sesetengah negeri telah memberi kelulusan, pihak *Exco* telah memberi kelulusan supaya tanah-tanah yang digunakan untuk kegunaan pertanian ini

Tuan Yang di-Pertua: Kuat sedikit Yang Berhormat. Kuat sikit, kuat sikit.

Tuan Ismail bin Kassim: Apakah punca kelewatan yang dikenal pasti dalam kita hendak melaksanakan dasar ini walaupun ada sesetengah negeri telahpun memberi kelulusan bagi pihak *Exco* dan apakah tindakan bagi sesetengah negeri yang mempunyai kelulusan yang agak terhad ataupun saiz tanah yang kecil.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman, semua negeri-negeri telah pun menandatangani Memorandum Persefahaman dengan Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani untuk membangunkan taman kekal pengeluaran makanan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini setakat ini ada 28 projek taman kekal pengeluaran makanan yang telah dibangunkan melibatkan kawasan seluas 3,473 hektar dan nilai pengeluaran makanan sebanyak RM18.2 juta. Soalan Yang Berhormat mengenai dengan kelewatan membangunkan taman kekal pengeluaran makanan. Untuk makluman Dewan, sebahagian tanah yang ditawarkan kepada Kerajaan Persekutuan itu:

- i) lokasinya agak jauh;
- ii) tidak ada kemudahan asas;
- iii) kadang-kadang keadaan tanah itu berpayau ataupun berbukit, oleh sebab itulah memerlukan sedikit masa untuk menangani isu-isu yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Tetapi bila sudah menandatangani Memorandum Persefahaman itu bermakna kita boleh anggap fahamlah, ya?

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Ir. Hiang A Li.

Tuan Ir. Hiang A Li : Tuan Yang di-Pertua, dan juga Yang Berhormat, sejak tanah menjadi suatu masalah atau menghalang kepada pelaksanaan program pertanian, soalan tambahan saya adakah Kerajaan Pusat ingin mengambil alih sebahagian kuasa berkenaan dengan tanah supaya dapat dibangunkan dengan lebih cepat terutamanya untuk pertanian. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Walaupun pertanyaan ini melibatkan secara tidak langsung bidang kuasa Yang Berhormat, tetapi ia mempunyai implikasi yang lebih luas yang melibatkan kuasa-kuasa Perdana Menteri kerana dia melibatkan pindaan kepada perlembagaan.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, ini suatu soalan yang sensitif melibatkan bidang kuasa kerajaan-kerajaan negeri dan ia telah pun tercatat di dalam Perlembagaan Persekutuan – Jadual Kesembilan – Senarai Negeri di mana kuasa melupus tanah itu terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri.

Walau bagaimanapun di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM150 juta kepada Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani untuk tujuan kita membeli tanah untuk dijadikan sebagai Bank Tanah Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani dan akan dibangunkan sebagai kawasan pengeluaran makanan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, jadi Yang Berhormat Timbalan-timbalan Menteri dan Setiausaha-Setiausaha Parlimen kadang-kadang perlu berhati-hati, kadang-kadang ada pertanyaan yang dengan izin merupakan "*bobby track*".

2. **Dato' Omar bin Faudzar** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan mengapakah elaun tambahan untuk JKKK hanya diperuntukkan kepada pengerusi sahaja.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Dr. Tiki anak Lafe]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Terlebih dahulu ingin saya menarik perhatian Yang Berhormat bahawa penyelarasan kadar elaun yang diluluskan oleh kerajaan baru-baru ini adalah elaun Ketua Kampung dan bukannya Pengerusi JKK. Sehubungan dengan itu, suka saya memaklumkan bahawa pada masa ini terdapat Ketua-ketua Kampung di beberapa negeri tertentu turut memegang jawatan Pengerusi JKK.

Manakala di Kedah dan Pulau Pinang pula, Pengerusi JKK menjalankan fungsi dan juga peranan Ketua Kampung tetapi setakat ini pembayaran elaun oleh Kerajaan Persekutuan hanya dihadkan kepada Ketua-ketua Kampung sahaja. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Omar bin Faudzar. Satu sahaja pertanyaan tambahan, perkara kecil sahaja.

Dato' Omar bin Faudzar: Okey, saya hendak tahu, tidakkah tindakan yang kita bagi elaun kepada cuma Pengerusi JKK akan menjejaskan *the spirit of* 'kerja bersama saya bukan untuk saya'.

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: Terima kasih, Yang Berhormat. Sebaliknya tindakan untuk memberi elaun kepada Ketua-ketua Kampung ini adalah bagi tujuan untuk meningkatkan lagi spirit 'bekerja bersama saya'. Sekian.

3. Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan apakah langkah-langkah kerajaan bagi mengatasi kemelut penyakit kuku dan mulut (FMD). Adakah sistem kuarantin yang ada memadai. Memandangkan RMK-9 memperuntukkan kewangan bagi 5 Halal Hub serta Kawasan Lembah Lembu Daging, penyakit ini membantutkan usaha-usaha kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai Halal Hub Dunia.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar]: Tuan Yang di-Pertua, di antara langkah-langkah yang diambil bagi membendung dan seterusnya membasmi penyakit kuku dan mulut dalam negara menjelang tahun 2009 adalah:

- (i) pemvaksinan yang bertujuan untuk mengekalkan dan meningkatkan *immunity* ternakan;
- (ii) pengawalan pemindahan ternakan bertujuan menentukan ternakan yang sihat sahaja yang diniagakan dan dipindahkan dari negeri ke negeri;
- (iii) pengurusan kawalan masuk ternakan import bertujuan memastikan ternakan hidup yang diimport tidak mendatangkan risiko jangkitan penyakit kuku dan mulut kepada populasi ternakan tempatan;
- (iv) penyingkiran ternakan terjangkit bertujuan untuk mengurangkan pembawa *virus load*, dengan izin, dengan bilangan ternakan pembawa virus penyakit kuku dan mulut demi mengelakkan risiko jangkitan dan wabak seterusnya; dan
- (v) pengenalan tanda ternakan dan maklumat penyakit bertujuan untuk mewujudkan sistem pengenalan ternakan bagi mengawal pemindahan dan ,dengan izin, *back tracking*, dalam penyiasatan penyakit.

Tuan Yang di-Pertua, sistem kuarantin dan kawalan selia import ternakan yang sedia ada di Jabatan Perkhidmatan Haiwan adalah memadai. Prosedur kuarantin yang digunakan adalah mengambil kira prosedur-prosedur antarabangsa sebagaimana disyorkan oleh, dengan izin, *the World Organization for Animal Health* untuk mengawal penyakit berjangkit antara negara yang hendak diimport dan dieksport.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan, taraf stesen kuarantin di Rantau Panjang, Kelantan dan Padang Besar, Perlis akan ditingkatkan dan setengah kuarantin yang baru dan stesen kuarantin yang baru akan dibina di Pulau Indah, Selangor dan Kuantan, Pahang.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang, kalau Yang Berhormat beri peluang untuk Yang Berhormat kemukakan pertanyaan tambahan.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar: Tidak habis lagi jawapannya ini. Boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Boleh! Sedikit lagi. Yang Berhormat, kalau hendak jelaskan lagi. Yang Berhormat hendak habiskan dahulu, silakan.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar: Sedikit sahaja lagi, Tuan Yang di-Pertua. Langkah-langkah ini akan membantu kerajaan untuk meningkatkan pengeluaran makanan dan pengeksportan produk halal negara. Terima kasih.

Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Apakah pihak kementerian telah mengenal pasti punca berlakunya penyakit FMD ini dan supaya kita dapat mengambil langkah-langkah yang positif bagi mengelakkan ini berulang lagi di negara tercinta ini.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, penyakit ini sudah lama berada di negara kita. Penyakit ini bukan penyakit yang baru. Penyakit ini sebenarnya ada di negara-negara di Asia Tenggara. Jadi, langkah-langkah yang saya sebutkan tadi adalah sebahagian daripada tindakan kita untuk mengawal penyakit ini. Tindakan yang kita ambil, yang pertama saya kata pemvaksinan, maknanya kita terus menjalankan pemvaksinan...

Tuan Yang di-Pertua: Memang sebahagian besar daripada pertanyaan tambahan itu telah pun dijawab.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar: Telah pun dijawab. Maknanya kita pemvaksinan kepada semua ternakan.

Tuan Yang di-Pertua: Seperti biasa, saya rasa tidak perlu saya ingati, setiap pertanyaan boleh dijawab secara berhemah, berhelah ataupun tidak jawab langsung. Pendek atau panjang itu terserah, bagaimana kerajaan hendak persepsi yang diperolehi daripada jawapan.

4. Tuan Chiam Yong Tee minta Menteri Kesihatan menyatakan usaha-usaha yang telah diambil untuk mengatasi kesesakan di wad-wad hospital kerajaan di seluruh negara.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Datuk Lee Kah Choon]: Terima kasih, Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, kesesakan hospital didapati lebih banyak berlaku di hospital-hospital yang mempunyai perkhidmatan pakar, khususnya hospital negeri dan hospital daerah berpakar seperti Hospital Selayang, Hospital Putrajaya, Hospital Taiping dan sebagainya.

Wad-wad yang sesak kebiasaannya berlaku di Wad Perkhidmatan Akut, terutamanya Unit Rawatan Rapi (ICU), Unit Rawatan Rapi Neonatal (NICU) dan Unit Rawatan Jantung (CCU). Langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Kesihatan untuk mengatasi kesesakan di wad-wad di antaranya adalah:

- (i) dengan cara mengukuhkan perkhidmatan pakar di lebih banyak hospital-hospital daerah bagi mengurangkan tumpuan pesakit ke hospital negeri dengan mewujudkan jaringan perkhidmatan yang lebih efisien, di mana pasukan kepakaran dari hospital negeri akan melawat ke hospital daerah tanpa pakar untuk membuat prosedur-prosedur tertentu atau

- menjalankan rundingan susulan. Dengan langkah ini pesakit tidak lagi perlu ke hospital negeri untuk rawatan susulan mereka;
- (ii) dengan mewujudkan lebih banyak kemudahan perkhidmatan rawatan *ambulatory*. Inisiatif ini akan mengurangkan pergantungan perkhidmatan kepada penggunaan katil pesakit untuk rawatan pembedahan dan *endoscopy*, perubatan *kimoterapi* dan sebagainya. Perkhidmatan ini menumpukan rawatan dan pemulihan pasca, rawatan yang dapat dilakukan dalam tempoh kurang daripada 8 jam. Pesakit akan datang ke pusat *ambulatory* mengikut temu janji melalui rawatan dan kembali ke rumah mereka pada hari yang sama setelah disahkan sesuai berbuat demikian;
 - (iii) Kementerian Kesihatan telah mengkaji semula tempoh penggunaan katil pesakit bagi rawatan-rawatan tertentu dan memendekkannya ke tempoh yang bersesuaian dengan penanda aras yang digunakan di negara-negara lain sama ada di Asia mahupun di Eropah dan Amerika;

Lanjutan dari tempoh baru tersebut...

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang elok jika Yang Berhormat beri peluang untuk pertanyaan tambahan. Yang Berhormat Tuan Chiam Yong Tee, Yang Berhormat Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid dan Yang Berhormat Tuan Tay Puay Chuan.

Tuan Chiam Yong Tee: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah adakah sebarang pelan tindakan kecemasan untuk menghadapi berlakunya satu wabak penyakit di satu daerah, pada masa itu bilangan katil dan juga wad perlu ditambahkan dengan notis yang singkat. Jadi, sekiranya ada...

Tuan Yang di-Pertua: Tidak perlu 'jadi', Yang Berhormat. Sudah jelas apa maksud.

Tuan Chiam Yong Tee: Sekiranya ada, bagaimanakah ia dilaksanakan?

Datuk Lee Kah Choon: Terima kasih, Yang Berhormat. Kementerian Kesihatan memang mempunyai mekanisme untuk menghadapi penyakit yang tiba-tiba wujud dan kita memang ada banyak hospital. Setakat ini, kita mempunyai 125 hospital di seluruh negara dan penyakit seperti SARS, penyakit seperti *Avian Influenza* dan sebagainya, kita memang ada mengenal pasti beberapa hospital yang khusus, yang mempunyai wad isolasi, di mana pesakit-pesakit ini dapat dirujuk kepada hospital ini dalam masa kecemasan. Sekian.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Adakah kementerian membuat unjuran atau fokus sewajarnya terhadap jumlah pesakit sesuai dengan pertambahan penduduk pada masa akan datang supaya kesesakan ini tidak akan berlaku lagi. Terima kasih.

Datuk Lee Kah Choon: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kita memang mengambil beberapa langkah yang saya katakan tadi untuk mengatasi cabaran kesesakan di dalam hospital

kerajaan. Dan, kita memang dalam Rancangan Malaysia yang telah lepas, yang sedang dijalankan dan yang akan datang, kita akan membuat kajian dengan bagaimana kita dapat menambahkan lagi katil dan sebagainya untuk memenuhi keperluan pertambahan penduduk di negara kita ini.

Tuan Tay Puay Chuan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya adakah kementerian bercadang untuk menambahkan bilangan wad kelas satu, memandangkan permintaan yang kian meningkat. Terima kasih.

Datuk Lee Kah Choon: Dari segi perkhidmatan yang kita berikan kepada rakyat jelata kita dapati wad kelas tiga adalah lebih efisien dan mempunyai permintaan yang lebih banyak tetapi untuk kelas satu dan kelas dua itu, kita memang kekalkan lagi. Dan, untuk masa-masa yang akan datang apabila kita menjalankan projek *private patient* kita, kita akan menambah lagi wad-wad kelas satu dan kelas dua. Sekian.

5. Dr. Raja Ram a/l K. Nadayson minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan langkah-langkah drastik yang diambil untuk membendung masalah penyalahgunaan najis dadah yang semakin hari semakin bertambah di kalangan golongan remaja.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Fu Ah Kiow]: Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan bagi membendung masalah penyalahgunaan najis dadah di kalangan golongan remaja ialah melalui strategi pendidikan, pencegahan yang bermatlamat untuk memberikan pengetahuan mengenai bahaya dadah, memberikan kemahiran bertindak menolak dadah atau *coping skill*, dengan izin, dan seterusnya membudayakan gaya hidup yang sihat tanpa dadah.

Program dan aktiviti yang dilaksanakan ialah seperti berikut:

- (i) program pendidikan pencegahan dadah melalui kurikulum dan kokurikulum di sekolah rendah dan menengah;
- (ii) program dan aktiviti ceramah, seminar, pameran antidadah, edaran risalah di peringkat institusi pendidikan tinggi;
- (iv) program belia benci dadah;
- (v) program intervensi dan kaunseling terhadap pelajar remaja bermasalah dengan dadah; dan
- (vi) program keibubapaan atau *parenting skill* kepada para ibu bapa; dan
- (vii) pendidikan pencegahan dadah melalui media elektronik dan media cetak.

Selain daripada program aktiviti yang fokus di atas, kerajaan mengambil tindakan-tindakan lain yang seiring bagi mengatasi punca-punca penglibatan golongan remaja dalam penagihan dadah. Antara punca-puncunya ialah kelonggaran institusi keluarga, pegangan agama atau nilai moral, kekurangan tempat sukan dan riadah dan persekitaran tempat tinggal.

Tindakan yang diambil oleh kerajaan antaranya ialah seperti berikut:

- (i) memantapkan institusi keluarga melalui program-program oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat;
- (ii) memantapkan pegangan agama serta nilai-nilai moral oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan badan-badan agama bukan Islam;
- (iii) menyediakan kemudahan dan tempat-tempat riadah sukan untuk golongan remaja dan belia oleh pelbagai agensi yang bertanggungjawab seperti pihak berkuasa tempatan;
- (iv) meningkatkan kualiti hidup masyarakat dari aspek ekonomi, tempat tinggal dan persekitaran; dan
- (v) meningkatkan penguatkuasaan undang-undang bagi membanteras bekalan dadah.

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Hamzah, Puan Siti Zailah dan kemudiannya Tuan Lee.

Dr. Raja Ram a/l K. Nadayson: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr. Raja Ram tidak bangun tadi? Bangun? Saya tidak nampak, minta maaf. Yang Berhormat Dr. Raja Ram dulu. Sila. Yang Berhormat Tuan Lee perlu 'dikorbankan'.

Dr. Raja Ram a/l K. Nadayson: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah sudahkah kerajaan melaksanakan Skim Pembekalan Methadone, alat suntikan dengan izin, *syringes* dan kondom kepada golongan tersebut? Jika ya, sila nyatakan sama ada rancangan ini berjaya atau tidak. Jika belum bilakah rancangan ini akan dilaksanakan. Terima kasih.

Datuk Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, Skim Pemberian Methadone kepada penagih telah pun dilaksanakan dalam projek perintis (*pilot project*) di empat zon. Ini adalah kerjasama antara pihak ADK dan Kementerian Kesihatan. Keberkesanannya masih dalam kajian sama ada berkesan ataupun tidak. Setakat ini nampaknya ada kesan-kesan yang positif, tetapi kita perlu satu kajian yang menyeluruh. Tentang Skim Pemberian Jarum dan Kondom, itu adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Kesihatan dan setahu saya memang telah mula diberikan tanpa publisiti dan...

Datuk Hamzah bin Zainudin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya apakah persepsi bahawa ada sekumpulan golongan polis juga terbabit dalam pengedaran dadah dan kalau tidak bagaimana cerita yang terkeluar pada hari ini dalam *New Straits Times* yang mengatakan dadah-dadah yang menjadi bukti dalam mahkamah hilang seperti yang digunakan perkataan "*right under the nose of the policeman*".

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkanlah pertanyaan itu.

Datuk Fu Ah Kiow: Jumlah bilangan polis adalah hampir 100,000 orang. Kalau ada segelintir kecil yang kurang bertanggungjawab, itu adalah sesuatu yang dikesali. Bagaimanapun kalau ada sesiapa daripada anggota polis yang terlibat dalam aktiviti tersebut sudah tentu pihak polis akan mengambil tindakan terhadap mereka. Tentang apa yang dikatakan dalam surat khabar hari ini, itu adalah kes spesifik. Kita kena siasat dulu sama ada itu benar atau tidak.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah kerajaan ada statistik pelajar yang terlibat dengan penagihan dadah dan berapa ramai pembekal dan pengedar yang telah diambil tindakan dan pemantauan berkala telah dibuat oleh pihak kerajaan terutama di tempat-tempat hiburan yang menjadi lokasi utama dalam pengedaran dadah ini.

Datuk Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, angka bagi tahun 2005, bilangan remaja di bawah umur 13 hingga 19 tahun yang menagih ialah:

- 13 tahun hingga 15 tahun - 82 orang
- 16 tahun hingga 17 tahun - 319 orang
- 18 tahun hingga 19 tahun - 956 orang

Jumlah ini adalah sebanyak 4% daripada jumlah penagih yang telah dikesan pada tahun 2005.

Tentang tangkapan yang telah dilakukan oleh pihak kerajaan, kerajaan sentiasa mengambil tindakan tangkapan di bawah Akta ADB dan juga di bawah Akta LLPK 1952 Akta pencegahan. Pada tahun 2005, jumlah tangkapan yang telah dikenakan di bawah Akta ADB ialah seramai 1,200 orang ke atas pengedar, dan di bawah ADB LLPK, Akta Pencegahan ialah seramai 2,500 orang. Kerajaan sentiasa menjalankan pemantauan dan pemeriksaan di pusat-pusat hiburan dan kita dapat mengurangkan kes-kes pengedaran berlaku di situ. Walaupun pemeriksaan telah dijalankan tetapi masih didapati aktiviti pengedaran di pusat-pusat tertentu. Namun kerajaan tetap akan meneruskan tindakan pemantauan dan pemeriksaan.

6. **Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan perubahan-perubahan terkini struktur pelaburan bagi membolehkan serta meningkatkan daya saing negara sebagai destinasi pelaburan pilihan asing dan adakah perubahan ini memberi impak positif dalam persaingan dengan negara jiran dari segi tarikan pelaburan asing.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan Ng Lip Yong]: Tuan Yang di-Pertua, dari segi struktur pelaburan tumpuan telah beralih dari sektor-sektor yang berintensifkan buruh dan *assembly base*, dengan izin serta nilai tambah yang rendah kepada sektor-sektor yang berteknologi tinggi, berintensifkan modal dan mempunyai nilai tambah yang tinggi (*high value added*). Antara sektor-sektor yang ditumpukan adalah seperti *advance electronic*, *farmaseutikal*, mesin dan peralatan, petrokimia, bioteknologi, *photonic* dan nanoteknologi.

Pada tahun 2005, sejumlah 58 projek berintensifkan modal bernilai RM19.7 bilion telah diluluskan. Empat dari projek ini mempunyai pelaburan melebihi RM1 bilion. Pelaburan yang diluluskan adalah tertumpu pada industri *electrical & elektronik* - RM11.1 bilion, produk logam asas - RM2.4 bilion, peralatan saintifik dan pengukuran - RM1.3 bilion, kimia dan produk kimia - RM0.7 bilion, peralatan pengangkutan - RM0.6 bilion dan produk getah RM0.5 bilion.

Malaysia juga menggalakkan pelaburan dalam projek-projek berorientasikan eksport. Ini mencerminkan keupayaan bagi menempatkan untuk operasi global. Dalam tahun 2005, 363 projek yang diluluskan pelaburan sebanyak RM17.9 bilion akan mengeksport sekurang-kurangnya 80 peratus daripada pengeluaran mereka. Di samping itu, kerajaan juga menggalakkan pelaburan langsung di luar negara (*cross border investment*), khususnya dalam aktiviti nilai tambah yang rendah di mana Malaysia kurang kompetitif.

Pada tahun 2005, pelaburan jenis ini meningkat kepada RM12.9 bilion daripada RM7.8 bilion pada tahun 2004. Destinasi utama bagi pelaburan ini adalah negara-negara Asean dan negara China. Nisbah intensiti modal bagi projek perkilangan yang mengukur pelaburan modal bagi setiap pekerja atau nisbah *capital investment per employee* (CIPE) telah juga mencatatkan trend yang meningkat. Nisbah CIPE bagi projek baru yang diluluskan pada tahun 2005 adalah RM278,126...

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang baik kalau Yang Berhormat mempelawa pertanyaan tambahan.

Tuan Ng Lip Yong: Kalau dibandingkan dengan angka yang dulu nisbah CIPE yang meningkat ini menunjukkan peralihan kepada projek yang lebih berintensifkan modal dan teknologi serta mempunyai nilai tambah yang tinggi. Adalah jelas, langkah-langkah yang diambil telah memberi impak positif dan meningkatkan daya saing negara kita di samping terus Malaysia sebagai lokasi pelaburan yang menarik. Sekian.

Tuan Lee Sing Chooi: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, dengan pertanyaan pelabur-pelabur asing, selalunya mereka bertanya, mengapa saya hendak melabur di Malaysia? Apakah jawapan kementerian secara ringkas, efektif dan meyakinkan supaya mereka datang ke sini melabur dan bukan ke tempat-tempat yang lain.

Tuan Ng Lip Yong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat. Antara faktor-faktor yang penting adalah faktor pertamanya kestabilan politik di negara ini. Saya rasa ini adalah satu faktor yang sangat penting untuk FDI. Selain daripada itu, kita juga ada satu sistem perundangan yang boleh dipercayai. Mereka daripada negara lain ada keyakinan tentang sistem perundangan kita. Faktor yang ketiga, kita juga ada tenaga manusia yang mahir. Kita fasih dalam bahasa Inggeris dan boleh dikatakan standard pendidikan negara kita tinggi kalau dibandingkan dengan negara-negara jiran kita.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, bolehkah kita diberitahu, apakah insentif dan galakan istimewa yang ditawarkan oleh Malaysia untuk menarik pelaburan-pelaburan ke Malaysia ini.

Tuan Ng Lip Yong: Terima kasih, Yang Berhormat. Insentif itu banyak. Kerajaan sentiasa menilai semula apakah insentif yang perlu diberikan kepada pelabur-pelabur asing dan pelabur tempatan juga. Antara insentif yang baru-baru ini kita lancarkan bersama dengan kerajaan negeri ialah *customized package*, dengan izin. Saya bagi contoh, kalau satu syarikat hendak membuat pelaburan di negara kita ini, mungkin dia tidak mahu beli tanah dan bangunan, tetapi kita ada satu skim di mana kita bincang dengan syarikat itu kita boleh menyewa bangunan dan bangunan itu akan dibangunkan dengan spesifikasi syarikat itu. *It's a customized package* kepada mereka.

Kita juga ada satu faktor lagi yang sangat penting kepada negara kita iaitu harta intelek. Kita memberi perlindungan kepada *Intellectual Property Rights (IPR)*. Saya rasa kepada mereka yang berteknologi tinggi ini adalah sangat penting.

7. **Datuk Yaakob bin Haji Mohammad** minta Menteri Pengangkutan menyatakan jumlah pemegang-pemegang lesen memandu kenderaan antara tahun 2001 hingga 2005 mengikut kaum dan jantina bagi kategori semua kenderaan mengikut semua kelas termasuk motosikal dan nyatakan strategi yang lebih berkesan bagi mengurangkan kadar kemalangan di jalan raya yang semakin membimbangkan.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, pada ketika ini Jabatan Pengangkutan Jalan tidak mempunyai maklumat berkenaan kaum dan jantina pemegang-pemegang lesen pemandu. Sistem rekod JPJ hanya merekodkan maklumat yang mengakseskan syarat umur dan jenis lesen memandu sahaja. Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara kedua, kerajaan secara berterusan sentiasa mengambil langkah bagi mengurangkan kadar kemalangan di jalan raya dan seterusnya memastikan jalan raya adalah selamat untuk digunakan. Untuk meneruskan usaha tersebut kerajaan telah melancarkan pelan Keselamatan Jalan Raya Malaysia 2006-2010. Di antara program 5 tahun ini yang baru adalah seperti berikut :

Yang pertama, melaksanakan pendidikan keselamatan jalan raya bagi pelajar-pelajar sekolah rendah tahap 1 hingga 3. Ini akan bermula Januari 2007. Program fasa pertama akan dilaksanakan di 7,600 buah sekolah rendah di seluruh negara di mana akan melibatkan 3 juta pelajar. Yang kedua, menubuhkan Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya. Yang ketiga, menubuhkan Tabung Amanah Keselamatan Jalan Raya dan beberapa pihak termasuk Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM) dan pengeluar motosikal Malaysia bersetuju menyumbang kepada tabung tersebut. Yang keempat, menubuhkan Jabatan Keselamatan Jalan Raya di setiap negeri sebelum akhir tahun 2006.

Pelan Keselamatan Jalan Raya Malaysia 5 tahun ini menyasarkan bahawa kadar kematian bagi 10 ribu kenderaan berdaftar diturunkan daripada 4.2% pada tahun 2005 kepada 2 kematian pada tahun 2010. Bagi mencapai sasaran itu, semua pihak diseru bekerjasama, maka kita gunakan slogan 'Pandu Selamat, Tunggang Selamat, Jalan Selamat, Anda Mampu Mengubahnya'.

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Yaacob, Puan Sin Chun dan Dato' Soon. Saya tunggu Dr Puad bangun tadi tetapi dia tidak bangun.

Datuk Yaacob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' di atas jawapan yang kurang memuaskan. Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan pembentangan usul Rancangan Malaysia Kesembilan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita baru-baru ini, dengan memberi penumpuan kepada mewujudkan masyarakat berminda kelas pertama. Soalan tambahan saya ialah

Tuan Yang di-Pertua: Cuma Yang Berhormat perlu maklum kurang memuaskan dari segi kehendak Yang Berhormat atau dari segi mutu. Dari segi kehendak Yang Berhormat ye?

Datuk Yaacob bin Haji Mohammad: Kehendak, kerana fakta itu penting dari segi membuat dasar. Soalan tambahan saya ialah apakah lagi strategi baru yang akan diambil mungkin di luar kotak pemikiran biasa kementerian, yang akan diambil oleh kementerian untuk mengubah prosedur bagi mengeluarkan lesen memandu dan kepada pemandu-pemandu yang sedia ada agar cara memandu mereka juga turut berubah kepada minda kelas pertama. Apa pandangan Yang Berhormat Dato'?

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya faham tadi Yang Berhormat. Dia tidak puas hati sebab dia mahu pecahan kaum, sebab biasa kita di Malaysia semua ikut kaum dan mengikut jantina. Jadi bila bertemu dengan perkataan 'tidak buat pecahan ikut kaum,' maka rasa tidak puas hati, itu sahaja. Bukan kualiti jawapan Yang Berhormat itu rendah.

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat. Saya mohon maaf kepada Yang Berhormat Senator kalau jawapan saya tidak memuaskan. Kita juga memahami bahawa kadang-kadang faktor yang kita hendak, tidak ada dalam rekod kita sebab kalau mengikut Akta Pengangkutan Jalan 1987, JPJ hanya memerlukan maklumat seperti yang saya sebutkan tadi iaitu umur dan lesen memandu. Saya fikir Yang Berhormat Senator juga faham kerana di satu ketika Yang Berhormat juga sama keluarga dengan JPJ.

Tuan Yang di-Pertua: Kadang-kadang sengaja tidak dibuat pecahan mengikut kaum atau agama seperti mana kehendak mereka di atas kad pengenalan.

Datuk Douglas Uggah Embas: Yes.

Tuan Yang di-Pertua: Memang sengaja menjadi dasar, bukanlah kelemahan.

Datuk Douglas Uggah Embas: Betul itulah dasarnya. Mengenai soalan Yang Berhormat tadi, memang kementerian dari masa ke semasa mencari jalan bagaimana hendak

mengubah sikap pemandu kita. Maka dalam Pelan 5 tahun kita itu saya harap Pelan itu telah diedarkan kepada senator-senator di mana kita ada bukunya. Di sinilah segala (sambil menunjukkan buku berkenaan) sembilan strategi dan 52 langkah-langkah yang kita akan ambil. Semuanya menjurus kepada hendak menentukan bahawa sikap pemandu kita adalah mempunyai sikap Dunia Pertama. Itulah kita menyasarkan bahawa pada tahun 2010, hanya dua kematian bagi 10 ribu kenderaan berdaftar. Kerana itulah *bench mark* yang kita gunakan. Inilah angka yang telah dicapai oleh negara maju. Jadi, memang kadangkala kita juga hendak berfikir di luar kotak seperti yang dikehendaki oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Puan Siw Chun.

Puan Siw Chun a/p Eam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya adakah pihak kerajaan sedar bahawa ramai lagi penunggang-penunggang motosikal terutamanya yang berada di luar bandar, yang masih tidak memiliki lesen walaupun umur mereka meningkat ke 50 tahun tetapi mereka masih menunggang motosikal pada setiap hari dan apabila ditanya alasan mereka ialah mereka tidak tahu membaca dan menulis. Tambahan pula sistem berkomputer dilaksanakan pada masa ini menambahkan lagi kesulitan mereka. Soalan tambahan saya ialah apakah perancangan pihak kerajaan untuk membantu golongan yang tidak celik komputer dan buta huruf ini supaya mereka memiliki lesen memandu yang sah dari segi undang-undang negara kita. Terima kasih.

Datuk Douglas Uggah Embas: Batuk kerana kempen *election*. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. Kita sedar kepada masalah itu. Memang kita tahu bahawa satu sasaran yang satu masalah yang kita hadapi adalah penunggang-penunggang dan pembonceng motosikal kerana mengikut statistik kita, dari jumlah kematian di seluruh negara 57% adalah pembonceng dan penunggang motosikal. Kebanyakan mereka adalah di luar bandar. Dan masalah di luar bandar, satu mungkin kerana mereka tidak mempunyai lesen, kedua mereka memikirkan tidak perlu menggunakan topi keledar. Jadi tumpuan kementerian adalah kepada kumpulan-kumpulan ini memang kita buat. Kita ada program JPJ turun ke padang, JPJ bersama rakyat yang kita adakan di luar-luar bandar di seluruh negara. Program ini adalah ditujukan khas kepada kumpulan-kumpulan yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi iaitu yang tidak celik komputer, yang sudah berusia lebih 40 tahun ke atas. Di sini kita mengadakan satu program untuk memudahkan mereka mendapatkan lesen memandu. Ini bukan lesen terbang tetapi ini adalah lesen memandu dan cuma kita menentukan mereka mampu dan tahu menunggang motosikal dan boleh membaca *sign board* di jalan-jalan raya. Kalau mereka sudah lulus semua ini, mereka akan diberi lesen memandu. Jadi memang kita tahu dan ada program. Saya tidak ada angka berapa jumlah lesen yang telah kita keluarkan. Kalau Yang Berhormat hendak tahu kita akan beri secara bertulis. Terima kasih.

Datuk Soon Tian Szu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ialah kita dapati banyak aduan yang telah dikemukakan kerana masalah kemalangan yang melibatkan

nyawa. Soalan tambahan saya ialah yang bagaimana ataupun langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk *educate* dengan izin, ibu bapa dan sebagainya untuk mengurangkan perkara ini berlaku. Terima kasih.

Datuk Douglas Uggah Embas: Ya, memang sikap adalah satu masalah dan cara memandu dan sebagainya. Tetapi kita sudah mengambil kira dalam pelan keselamatan jalan raya lima tahun ini, adalah satu tumpuan yang kita buat. Maka kita akan bermula di sekolah seperti mana yang saya sebut tadi sejumlah 7,600 buah sekolah akan mengadakan program ini, dan di situlah kita berharap bermulanya anak-anak sekolah dan ibu bapa dapat sama-sama membantu.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Puan Hajah Wan Ramlah binti Wan Ahmad.

8. Puan Hajah Wan Ramlah binti Wan Ahmad minta Menteri Penerangan menyatakan mengapakah tiada usaha dilakukan agar semua media elektronik bergabung dalam mempromosikan sesuatu agenda kerajaan bagi mendatangkan kesan yang lebih mendalam dan cepat dalam mempromosikan sesuatu agenda negara dan tidak hanya dibebankan kepada RTM semata-mata.

Timbalan Menteri Penerangan [Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi]: Tuan Yang di-Pertua, tidaklah benar usaha untuk mempromosikan sesuatu agenda kerajaan dan negara hanya terbeban kepada RTM semata-mata. Benar bahawa usaha mempromosi agenda kerajaan dan negara merupakan tugas dan tanggungjawab semua jabatan kerajaan termasuk RTM. Walau bagaimanapun, fungsi dan peranan yang dimainkan oleh badan kerajaan adalah berbeza dengan fungsi dan peranan media swasta di negara ini. Penjelasan mengenai dasar-dasar kerajaan merupakan tanggungjawab utama yang menjadi asas penubuhan RTM itu sendiri. Manakala stesen-stesen media swasta pula, sama ada berbayar atau sebaliknya mempunyai objektif yang tertentu dan mereka bertanggungjawab dalam menyediakan program-program hiburan dan maklumat semasa kepada penonton tanpa terikat secara rasmi dengan sebarang obligasi awam seperti yang wujud dalam RTM. Sebagai stesen swasta, mereka tidak boleh lari dari hakikat mengutamakan keuntungan bersesuaian dengan kedudukan mereka sebagai sebuah entiti swasta.

Namun demikian, usaha mempromosikan agenda kerajaan ini masih terus digemblengkan bersama dengan media elektronik swasta secara bersepadu. Contohnya penerbitan Trailer Kempen Senyum, Kempen Budi Bahasa dan Kempen Gaya Hidup yang semua ini diterbitkan bahannya oleh Filem Negara iaitu sebuah Jabatan di bawah Kementerian Penerangan telah disiarkan, bukan sahaja melalui RTM 1 dan 2 malah ia turut disiarkan oleh stesen-stesen swasta yang lain. Sehingga 23 Mei yang lalu sebanyak 25 bahan-bahan kempen kerajaan telah disediakan oleh Filem Negara dan bahan-bahan ini telah turut disiarkan oleh stesen-stesen radio dan TV swasta. Malah semasa kempen penjelasan mengenai pengurangan

subsidi minyak oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, semua stesen-stesen radio dan TV swasta telah menyiarkan secara langsung atau dengan izin "*Delete*" Broadcast ucapan atau penjelasan yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Paduka Syed Ali kemudian Tuan Tan Boon You kemudian Tuan Ismail Kassim. Tak apalah bagi sekali lagi.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya ialah apakah status Pusat Maklumat Rakyat telah dilaksanakan di seluruh negara seperti yang diwar-warkan akan dilaksanakan pada tahun 2005. Terima kasih.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, walaupun soalan itu tidak langsung relevan dengan soalan asal tetapi sebagai sahabat lama saya wajib menjawabnya di Dewan yang mulia ini. PMR ataupun Pusat Maklumat Rakyat

Tuan Yang di-Pertua: Jawab pun kerana Ehsan je lah!.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Dan atas izin Tuan Yang di-Pertua. Pusat Maklumat Rakyat atau PMR secara idealnya diwujudkan di setiap daerah di negara ini. Tetapi setakat ini hanya 4 sahaja PMR yang telah diwujudkan tetapi *Insyah-Allah* dalam waktu yang terdekat ini semua PMR akan dapat diwujudkan di semua daerah termasuk juga di kawasan Parlimen Cheras.

Tuan Tan Boon You: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah dalam menyiarkan dasar-dasar kerajaan dan untuk meningkatkan keberkesanan, adakah kementerian bercadang supaya grafik atau animasi digunakan dalam usaha itu. Terima kasih.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, grafik dan animasi memang digunakan sebagai bahan trailer atau "*capsule*" atau *two "monitors"* dengan izin atau *five "monitors"*. Filem Negara telah menerbitkan animasi ini yang berbentuk 2D dengan izin tetapi dalam tempoh tahun ini. *Insyah Allah* peralatan untuk menerbitkan animasi F4 dengan izin akan dapat dikeluarkan oleh Filem Negara dan ini menepati kehendak pendigitalan TV swasta dan ianya *Insyah-Allah* bersesuaian dengan selera penonton juga.

Tuan Ismail bin Kassim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Bagi memastikan maklumat sampai terus kepada akar umbi, pegawai-pegawai penerangan perlu memainkan peranan yang lebih penting dan mereka ini tidak perlu hanya menjadi juruacara dalam sesuatu majlis sahaja. Apakah tindakan

Tuan Yang di-Pertua: Soalan Yang Berhormat.

Tuan Ismail bin Kassim: Apakah tindakan yang dibuat oleh pihak kementerian bagi memastikan pegawai-pegawai ini memainkan peranan yang lebih berkesan dalam menyampaikan maklumat ataupun *hands on* atas kerja dan tanggungjawab mereka bagi memastikan kelancaran penyampaian maklumat ini.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, tidaklah benar pegawai-pegawai penerangan ini hanya menjadi juruacara dalam sesuatu majlis sebagai mana yang selalu dijemput oleh Yang Berhormat sendiri dalam program-program beliau. Oleh kerana Jabatan Penerangan dan Jabatan JASA adalah merupakan jabatan yang mengendalikan komunikasi bersemuka jadi mereka juga bertemu dengan orang ramai melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan secara bersemuka dan tidak hanya berbentuk ceramah.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Penyebaran risalah juga dibuat oleh mereka dan program-program seperti ta'aruf mendekati diri dan turun ke bawah juga dijalankan di samping program-program yang lain dan mereka mengambil langkah pro aktif bekerjasama dengan orang-orang politik termasuk Ahli-ahli Dewan Negara yang telah memainkan peranan penting bagi menjelaskan hal ini kepada rakyat dan silalah hubungi semua pegawai-pegawai saya dan Insyallah mereka akan memberikan kerjasama yang erat terutamanya pada Ahli-ahli Dewan Negara yang juga menjadi Setiausaha Politik kepada Menteri Besar Perlis.

9. **Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato N.S Maniam** minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan mengapa Kerajaan masih belum mewujudkan jawatan pegawai untuk menjaga penduduk ladang seperti mana yang telah wujud untuk kampung (Ketua JKKK) dan juga bagi kampung baru (Pegawai Kemajuan Perkampungan).

Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Datuk Anifah bin Haji Aman]: Tuan Yang di-Pertua, untuk maklum Ahli Yang Berhormat kerajaan belum lagi mencadangkan mewujudkan jawatan pegawai untuk menjaga masyarakat ladang memandangkan keperluannya tidak mendesak dan kebajikan masyarakat berada dalam keadaan yang baik.

Pada masa sekarang ladang atau estet adalah kepunyaan syarikat-syarikat. Syarikat-syarikat berkenaan mempunyai pegawainya sendiri untuk mentadbir dan menjaga keperluan dan kebajikan pekerja-pekerja masing-masing. Bagi pekebun kecil pula mereka mampu menguruskan kebun mereka sendiri kerana saiz kebun yang begitu kecil. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat-Yang Berhormat ni, sayang kepada Yang Berhormat ni agaknya.

10. **Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan adakah Kerajaan menggubal satu akta khusus mengenai kawasan tadahan air untuk menangani masalah pencerobohan di kawasan tadahan air memandangkan fenomena pencerobohan di kawasan tadahan air semakin banyak berlaku di seluruh negara walaupun beberapa akta yang ada boleh diguna pakai seperti Akta Perhutanan Negara (1984) dan Akta Kualiti Alam Sekeliling (1974).

Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar [Tuan Sazmi bin Miah]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat kerajaan buat masa ini masih

belum bercadang untuk menggubal akta khusus untuk menangani pencerobohan hutan di kawasan tadahan air.

Ini adalah kerana Akta Perhutanan Negara (1984) sudah pun mencukupi untuk mengawal kawasan tadahan tersebut. Walau bagaimanapun kementerian melalui Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia sedang menyediakan satu kaedah khusus di bawah Akta Perhutanan Negara bagi pengurusan kawasan-kawasan tadahan air tersebut. Terima kasih.

Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, pencerobohan hutan simpan dan kawasan tadahan air sentiasa berlaku. Persoalannya apakah tindakan yang telah diambil dan berapa ramaikah daripada pesalah-pesalah ini telah dijatuhkan hukuman mandatori penjara. Terima kasih.

Tuan Sazmi bin Miah: Terima kasih Yang Berhormat, seperti yang saya nyatakan tadi akta sememangnya sudah mencukupi. Cuma pihak kementerian merasakan penguatkuasaan akta tersebut masih lagi di tahap yang kurang memuaskan. Dan berkenaan dengan berapa ramai yang telah ditangkap saya pohon untuk jawapan bertulis sebab....

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat.

Tuan Sazmi bin Miah: spesifik.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat penjagaan persekitaran adalah satu fakta yang amat penting untuk menentukan bahawa dan supaya pembangunan yang mantap akan dapat dihargai dan oleh dijagai kita semua. Jadi, ini juga satu strategi pembangunan tanpa kemusnahan adalah satu strategi yang diambil oleh ..

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Bangsa-bangsa Bersatu. Kita memerlukan komitmen yang lebih tinggi daripada kementerian untuk..

Tuan Yang di-Pertua: Belum lagi ada pertanyaan.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: untuk menjaga persekitaran. Pertanyaan adakah komitmen tinggi ini bersama dengan kementerian.

Tuan Sazmi bin Miah: Terima kasih Yang Berhormat. Kita di pihak kementerian sememangnya mempunyai komitmen yang amat tinggi. Tetapi, untuk meminta hanya kerajaan sahaja menjaga Alam Sekitar adalah tidak wajar kerana pihak kerajaan juga meminta pihak kita sendiri iaitu NGO, Badan-badan bukan kerajaan juga rakyat menjaga persekitaran kita sendiri sebab ini adalah kita semua yang punya dan untuk kerajaan memastikan setiap inci tanah negara kita persekitaran kita dijaga dengan rapi adalah amat mustahil sekali.

Jadi, kami dipihak kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar meminta rakyat bersama-sama dengan kita untuk menjaga alam sekitar kita. Terima kasih.

11. **Dato' Dr. Chin Fook Weng** minta menteri Kewangan menyatakan bagaimanakah negara merancang untuk mengatasi masalah kenaikan harga minyak pada tahun 2006 sekiranya ia berlaku memandangkan kerajaan sudah memutuskan bahawa rakyat tidak akan dikenakan bebanan akibat daripada kenaikan harga minyak.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya terdapat tiga masalah besar atau kesan-kesan utama yang kita bimbang yang mungkin lahir daripada kenaikan harga minyak yang terlalu tinggi. Pertamanya ialah kesan inflasi dan peningkatan kos pengeluaran barangan yang menggunakan minyak sebagai input. Kedua, kesan ke atas pertumbuhan ekonomi yang mungkin menjadi lembap akibat peningkatan harga minyak yang terlalu tinggi ini dan ketiganya ialah beban langsung terhadap golongan yang berpendapatan rendah.

Oleh itu, langkah-langkah kerajaan mestilah menepati masalah-masalah yang dikenal pasti ini. Pertamanya untuk mengawal inflasi kerajaan meneruskan dasar yang mengawal harga barang-barang makanan utama yang kita tahu berterusan hari ini. Keduanya, meningkatkan kadar faedah yang dilakukan oleh Bank Negara Malaysia. Ketiganya, peningkatan nilai ringgit berbanding dolar Amerika yang telah memberi kesan positif terhadap pengurangan inflasi yang diimport dari luar negeri.

Keduanya dari segi menjana pertumbuhan ekonomi supaya menjadi lebih kukuh dan lebih mapan. Ini kita dapati berbagai-bagai program sudah dikenal pasti dan akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, terutamanya untuk meningkatkan produktiviti melalui pembinaan modal insan, kepenggunaan sains dan teknologi secara lebih bersungguh-sungguh supaya kos pengeluaran menjadi rendah. Dan akhirnya ketiganya untuk mengurangkan beban kepada golongan berpendapatan rendah, beberapa langkah telah diteruskan oleh kerajaan seperti janji tidak ada kenaikan harga di pam pada tahun ini, tidak ada kenaikan kadar tol pada tahun, harga diesel yang lebih rendah kepada pengusaha pengangkutan awam dengan penggunaan fleet kad, pemberian subsidi diesel dan petrol kepada nelayan-nelayan dan mengambil tindakan yang tegas terhadap peniaga-peniaga yang menaikkan harga yang terlalu tinggi. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Dr. Chin Fook Weng kemudian Tuan Chua Kim Chuan.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya rujuk kepada masalah ketiga iaitu masalah yang dihadapi secara langsung oleh rakyat. Rakyat tidak ada alternatif kerana pengangkutan awam tidak begitu memuaskan. Apakah langkah yang akan diambil oleh kerajaan supaya alternatif yang *viable* itu disediakan bagi rakyat supaya simpan kereta mereka dalam rumah. Terima kasih.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Kita lihat bahawa program atau dasar untuk memperbaiki kemudahan pengangkutan awam sedang diberi tumpuan sebenarnya. Kita dengar

umpamanya dalam jawapan-jawapan sebelum oleh Kementerian Pembangunan Usahawan, begitu juga tabung yang akan dibentuk yang akan di kumpul daripada subsidi yang dikurangkan ya, lebih kurang empat bilion umpamanya yang akan dibentuk dalam satu tabung pengangkutan awam. Semua ini akan dibelanjakan untuk memperbaiki keadaan tersebut. Saya rasa ini merupakan satu langkah jangka masa panjang Insya-Allah ianya akan berterusan. Terima kasih.

Tuan Chua Kim Chuan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan kita semuanya tertumpu kenaikan harga minyak. Soalan tambahan saya jikalau pasaran minyak dunia turun adakah kerajaan bercadang untuk menurunkan harga minyak di negara kita bagi meringankan bebanan rakyat. Kenaikan harga minyak adalah salah satu sebab yang BN kalah di sembilan kawasan pilihan raya di Sarawak, baru-baru ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Turun adalah satu andaian. Saya serah kepada Yang Berhormat..

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: hendak menjawab soalan dia di atas suatu andaian.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Betul Tuan Yang di-Pertua, saya sentiasa bersetuju dengan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kerana buat ini mungkin senario untuk melihat keadaan harga minyak yang turun ke tahap yang lama seperti mana yang kita lihat pada tahap 30 dolar Amerika umpamanya adalah satu senario yang mungkin tidak begitu munasabah pada hari ini. Mungkin dia boleh turun daripada 70 ke 60 ataupun naik lagi ya. Jadi, tetapi yang pasti dasar kerajaan.

Yang pastinya ialah untuk mengurangkan subsidi, jadi kalau harganya turun dalam erti kata *hypothetical question* masalah, kalau dia turun maka sudah tentu harga minyak di pam juga perlu diselaraskan supaya keuntungan ini dapat dikembalikan kepada pengguna. Tidak ada guna, saya rasa tidak ada menjadi dasar kerajaan untuk mengambil wang daripada pengguna secara yang sedemikian sebaliknya untuk memastikan harga minyak kita di pasaran juga lebih membayangkan keadaan pasaran minyak di dunia dan harga minyak di dunia.

12. Tuan Lee Sing Chooi minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah kesulitan dan masalah yang dihadapi oleh peniaga-peniaga untuk mendaftar hasil R&D mereka yang berkaitan dengan kesihatan, apakah langkah-langkah yang diambil supaya hasil R&D tempatan ini dapat dikomersialkan dengan cepat atau lebih cepat jika dibandingkan dengan prosedur negara-negara ASEAN atau negara-negara maju.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' Lee Kah Choon]: Tuan Yang di-Pertua, produk-produk kesihatan yang dihasilkan melalui R&D tempatan amat diperlukan supaya dapat mematuhi kriteria yang sama dengan produk-produk lain dari segi kualiti, aplikasi dan keselamatan sebelum boleh didaftarkan dengan pihak berkuasa Kawalan Dadah untuk dipasarkan. Bagi memenuhi kriteria ini, cabaran utama yang dihadapi peniaga-peniaga terlibat

adalah dari segi pembekalan data-data serta maklumat lengkap yang diperlukan supaya dapat dinilai sebelum produk tersebut boleh diluluskan bagi tujuan pendaftaran.

Produk-produk yang membuat tuntutan terapeutik yang tinggi atau *high therapeutic claim*, penyelidikan klinikal hendaklah dilakukan bagi membuktikan tuntutan tersebut. Terdapat juga beberapa fasa dalam penyelidikan klinikal itu iaitu bermula dari penyelidikan praklinikal yang dijalankan pada haiwan diikuti dengan manusia untuk memastikan kualiti keberkesanan dan keselamatan produk. Selepas penyelidikan itu terbukti dapat memenuhi kriteria tersebut, barulah produk itu boleh didaftarkan untuk tujuan komersial. Sekian.

Tuan Lee Sing Chooi: Terima kasih atas jawapan itu. Soalan tambahan saya, ada beberapa kategori pendaftaran bahan-bahan yang berkaitan dengan kesihatan dan sudah berapa lama proses pendaftaran itu tidak dikaji semula dan bolehkah masa dan proses pendaftaran itu dipendekkan dengan konsep penambah baik berterusan. Terima kasih.

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat. Kita memang ada beberapa kategori, di antaranya adalah racun, bukan racun, tradisional dan kosmetik. Ini adalah beberapa kriteria yang kita dapat mendaftar ubat-ubatan dan produk-produk di Malaysia ini dan untuk memendekkan masa untuk membuat pendaftaran, kerajaan tengah mengadakan beberapa langkah. Yang pertama itu adalah untuk menghasilkan lebih ramai lagi *technician* dan juga saintis-saintis kita supaya mereka dapat menilai produk-produk yang hendak didaftarkan.

Yang kedua itu, kita akan memperluaskan dan juga menambahbaikkan peralatan yang kita ada supaya kita boleh gunakan peralatan ini dengan lebih cepat, dengan lebih tepat untuk menilai produk-produk ini. Sekian.

Tuan Lee Chee Keong: Apakah insentif atau bentuk insentif yang disediakan oleh kementerian terhadap usaha mengkomersialkan hasil R&D pihak swasta? Terima kasih.

Dato' Lee Kah Choon: Insentif yang terbesar adalah nilai dari segi wang ringgit yang boleh dapat apabila produk itu adalah dapat dipasarkan tetapi dari segi yang lain, insentif itu bukan bernilai dari segi wang ringgit tetapi ke atas kepuasan saintis untuk dapat menghasilkan satu produk yang dapat menyelamatkan nyawa atau dapat mengatasi sesuatu masalah kesihatan. Sekian.

13. Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi minta Menteri Kewangan menyatakan berapa banyakkah kes penipuan oleh ejen hartanah haram pada tahun 2005. Apakah modus operandi mereka dan langkah-langkah Kementerian untuk mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, bagi tahun 2005 Lembaga Penilai Pentafsir dan Ejen Harta Tanah (LPPEH) telah menerima 18 aduan orang awam mengenai kes penipuan oleh ejen harta tanah haram dan bilangan aduan bagi tahun-tahun lepas adalah 25 bagi tahun 2003 dan 17 bagi tahun 2004. Kebanyakan penipuan yang dilakukan adalah dalam bentuk pengutipan deposit kemudian ianya

tidak dipenuhi oleh ejen-ejen haram ini dengan komitmen mereka sehingga pembeli kehilangan wang depositnya dan mendapati bahawa urusan itu tidaklah benar.

Cara ejen-ejen hartanah haram ini beroperasi adalah seperti berikut, pertamanya dia mengiklankan dalam media massa sebagai ejen yang sah menggunakan nombor pendaftaran yang sah padahalnya tidak sah. Keduaanya, dia hanya berdaftar sebagai syarikat dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan tidak berdaftar sebagai ejen harta tanah yang sah dengan LPPEH tadi.

Ketiganya terdapat ejen harta tanah haram yang beroperasi pejabat mobil di tapak projek dengan meletak kerusi dan meja untuk mendaftar. Dan juga meletak tanda papan di merata tempat seperti tiang elektrik, di pokok-pokok dan sebagainya dengan nombor telefon bimbit. Dan ada kalanya terdapat juga staf pengurusan bangunan kediaman tinggi, *high raise*, kondominium ke, apartmen yang menjadi staf di situ juga yang bertindak sebagai ejen-ejen haram dan terdapat juga ejen haram yang beroperasi secara haram dari kereta atau rumah kediamannya.

Oleh itu, tindakan-tindakan kerajaan pertamanya LPPEH telah mewujudkan laman web, menyenaraikan semua ejen-ejen yang sah yang diluluskan oleh kerajaan. Jadi pembeli boleh memeriksa dalam laman web tersebut sama ada ejennya sah. Keduaanya, mana-mana laporan yang dibuat telah diikuti dengan laporan polis oleh LPPEH. Ketiganya, dengan menyebarkan dalam surat-surat khabar mengenai kegiatan-kegiatan ejen haram ini dan meminta orang-orang awam supaya lebih berwaspada dan seterusnya mengadakan penyerbuan bersama dengan Majlis Tempatan di mana ejen-ejen harta haram ini didakwa sedang dilakukan. Pada masa kini, satu kes yang melibatkan ejen haram sedang diambil tindakan undang-undang oleh polis dan telah pun berada dalam perbicaraan mahkamah. Terima kasih.

14. Puan Hajah Shamsiah binti Samsudin minta Menteri Pelajaran menyatakan berapa banyakkah kejadian salah laku di sekolah yang membawa kepada kematian di seluruh negara. Bagaimanakah Kementerian mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Hon Choon Kim]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran memang memandang serius terhadap semua kes disiplin yang berlaku di sekolah. Semua kes salah laku murid-murid di sekolah akan ditangani dengan sebaik mungkin dengan mengenal pasti punca kewujudan masalah dan kaedah penyelesaian terbaik untuk membendung masalah tersebut di sekolah. Untuk makluman ahli Yang Berhormat, sejak tahun 2003, memang terdapat kes yang membawa kepada kematian murid berpunca daripada salah laku murid iaitu masing-masing satu di Negeri Sembilan, Terengganu dan Labuan.

Kementerian Pelajaran Malaysia telah mengambil pelbagai langkah yang wajar bagi membendung masalah disiplin di sekolah. Antara langkah tersebut adalah mewujudkan saluran aduan terus melalui talian terus atau *hotline*, e-mel, faksimile dan Sistem Pesanan Ringkas bagi membolehkan aduan, siasatan dan tindakan segera diambil. Yang kedua, menggerakkan

kempen-kempen pencegahan secara meluas di peringkat sekolah yang melibatkan pelbagai agensi luar. Ketiga, menubuhkan Jawatankuasa Induk dan Jawatankuasa Bertindak bagi menangani gejala disiplin murid yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Berhormat Timbalan-timbalan Menteri Pelajaran dan Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran Malaysia. Yang keempat, menugaskan *'flying squad'* dengan izin, turun ke beberapa sekolah di seluruh negara yang didapati mempunyai kadar salah laku murid yang tinggi.

Yang kelima, mengkerapkan kerjasama erat dengan Polis Diraja Malaysia dalam membanteras gejala ponteng dan memastikan keselamatan murid di sekolah-sekolah dari ancaman kumpulan samseng, *gangster* dan kongsi gelap. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Puan Hajah Samsiah. Satu sahaja.

Puan Hajah Samsiah binti Samsudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah guru akan diambil tindakan jika hukuman terhadap murid tidak mengikut prosedur. Adakah Kementerian sedar, mungkin kerana prosedur inilah membuatkan disiplin ini sukar diatasi. Terima kasih.

Dato' Hon Choon Kim: Saya tidak pastilah sama ada ini adalah satu punca. Tetapi kalau kita lihat prosedur-prosedur yang telah ditetapkan memang cukup. Sebenarnya, kita telahpun sediakan bantuan, buku bantuan untuk guru-guru kalau menghadapi masalah salah laku antara murid-murid dan caranya untuk membuat laporan, caranya untuk mengambil tindakan dan sebagainya. Tetapi saya rasa apa yang penting ialah kerjasama daripada semua pihak daripada pihak kalangan murid-murid dan juga kalangan ibu bapa dan juga pihak berkuasa atau pengetua sekolah atau guru besar supaya sama-sama dapat kita turunkan kadar salah laku antara murid.

Tuan Yang di-Pertua: Dan yang terakhir Datuk Haji Abdul Rashid bin Ngah.

15. Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan jumlah penagih dadah sebenarnya di negara ini jika sekiranya kenyataan yang dibuat oleh seorang Pegawai Tinggi Kementerian Belia Dan Sukan tidak boleh diterima sebagai Betul.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Fu Ah Kiow]: Tuan Yang di-Pertua, jumlah penagih dadah terkumpul di seluruh negara yang dikesan dari tahun 1988 hingga setakat 31 Mac tahun 2006, adalah seramai 292,696 orang. Daripada jumlah tersebut, jumlah ini adalah berasaskan kepada:-

- i) Bilangan orang yang ditangkap oleh Polis, disahkan oleh Pegawai Perubatan sebagai penagih ataupun pengguna dadah dan disabitkan oleh Mahkamah. Mereka ini terdiri dari penagih yang mendapat rawatan dan pemulihan di pusat serenti dalam komuniti dan yang ditahan di penjara.
- ii) Bilangan orang yang datang dan terima mendapat rawatan dan pemulihan di pusat pemulihan dadah kerajaan secara sukarela

- iii) Bilangan orang yang datang mendapatkan rawatan dan pemulihan di pusat pemulihan persendirian dan klinik swasta secara sukarela. Bagaimanapun ia bukanlah satu angka yang menunjukkan jumlah sebenar penagih dadah di negara kita kerana bukan semua penagih dapat ditangkap oleh pihak polis dan tidak semua penagih pergi mendapatkan rawatan di pusat pemulihan kerajaan atau persendirian dan klinik swasta secara sukarela.

Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau sekiranya, jawapan Yang Berhormat tadi menyatakan bahawa angka yang disebut itu, bukanlah angka yang sebenarnya, maka bagaimanakah kita dapat membuat satu anggaran yang lebih baik tentang jumlah yang sebenarnya penagih dadah di negara ini?

Dato' Fu Ah Kiow: Memang sukar untuk kita mendapat satu angka yang tepat, sebab dalam pada ini, mungkin ada yang merupakan penagih, tetapi tidak melaporkan diri dan sebagainya dan tidak ditangkap. Angka ini, senario ini, memang wujud di mana-mana negara juga. Kalau kita banding dengan lain negara, negara Malaysia adalah sesebuah negara yang telah mengumpul data penagih yang lebih sistematik seperti melalui sistem nadi yang ada, dan dalam angka terkumpul ini, kita juga tidak mengeluarkan bilangan yang telah dipulih 100% sebab apa, mereka yang telah dipulih, kalau mereka tidak melaporkan kepada pihak LADK, maka kita tidak keluarkan daripada data tersebut. Jadi hendak dapatkan angka 100% tepat, memang sukar. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Masa cukup.

USUL

RANCANGAN MALAYSIA KESEMBILAN (2006 – 2010)

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah;

“Bahawa Dewan ini,

menyedari akan pertumbuhan ekonomi serta pencapaian sosioekonomi yang baik semasa pelaksanaan Rancangan Malaysia Kelapan di sebalik persekitaran global yang begitu mencabar;

merestui usaha Kerajaan untuk melaksanakan Misi Nasional sebagai rangka dasar dan pelaksanaan pembangunan yang terdiri daripada lima teras utama bagi mencapai matlamat Wawasan 2020;

meluluskan Rancangan Malaysia Kesembilan yang merangkumi strategi, program dan peruntukan yang diperlukan bagi tujuan untuk merealisasikan Misi

Nasional dan menjadikan Malaysia sebuah negara yang lebih maju, saksama dan bersatu padu seperti dibentang dalam Kertas Perintah CMD 1 Tahun 2006;

bahawa dalam meluluskan Rancangan Malaysia Kesembilan, Dewan yang mulia ini menyeru seluruh rakyat Malaysia supaya berusaha dengan keazaman dan iltizam yang teguh untuk membangunkan Negara bersama-sama Kerajaan ke arah menjadi Negara yang makmur, progresif, adil, berdaya tahan dan berdaya saing.” [23 Mei 2006]

Tuan Yang di-Pertua: Diminta Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Hussin, menyambung ucapan.

11.25 pagi.

Tuan Ahmad bin Hussin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menyambung Perbahasan Usul Rancangan Malaysia Kesembilan pada hari ini. Saya akan menyentuh hal kemiskinan dan program pembangunan rakyat termiskin. Tuan Yang di-Pertua, semenjak Memorandum daripada Ketua Pengarah Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri kepada YBhg. Tun Mahathir pada masa itu Perdana Menteri Malaysia, program membantu golongan termiskin, hingga hari ini masih lagi belum sampai kepada tahap pencapaian yang sebenarnya.

Menurut apa yang dibentangkan oleh Perdana Menteri baru-baru ini, pada 31 Mac 2006, ada disebut bahawa kadar kemiskinan menguncup pada 22.8% pada tahun 1990 kepada 5.7% pada tahun 2004. Keperluan asas seperti perkhidmatan kesihatan, pendidikan serta perumahan, lebih banyak disediakan. Inikan juga dengan pembangunan prasarana dan utiliti.

Merujuk kepada apa yang ditulis atau dalam wawancara khas bersama Profesor Diraja Ungku Abdul Aziz, mengenai Rancangan Malaysia Yang Kesembilan yang bertajuk “Melayu Perlu Berubah”. Ada disentuh Tuan Yang di-Pertua, ini sangat menyedihkan kepada saya. Kita tidak memberikan keutamaan kepada keadaan di desa. Itu sebabnya, kita harus kembali kepada semangat dasar ekonomi baru iaitu membasmi kemiskinan, terutama golongan desa yang masih berhadapan dengan kemiskinan yang menyeluruh. Ditambah lagi, Pak Ungku merasa dengan Rancangan Malaysia yang Kesembilan ini, pihak Kerajaan telah secara tidak langsung, memenuhi cita rasa Pak Ungku kerana katanya, “Perdana Menteri nampaknya, sudah memikirkan usaha-usaha bagaimana hendak menolong orang kampung meningkatkan pertanian dan keadaan mereka di Utara Semenanjung Malaysia serta di Sabah dan Sarawak”.

Mereka ini kalau mengikut analisis saya, secara relatifnya telah banyak yang terabai.

Tuan Yang di-Pertua: Bermakna Rancangan Malaysia Kesembilan ini disambut cukup baik oleh seorang tokoh ekonomi tersohor dalam hal ehwal ekonomi luar bandar.

Tuan Ahmad bin Husin: Saya bersetuju, banyak sudah rencana-rencana Pak Ungku yang saya baca. Tetapi *statement* ini amat memberi perangsang kerana Pak Ungku adalah...

[Timbalan Yang di-Pertua Dato' Ir. Wong Foon Meng *mempengerusikan mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh teruskan.

Tuan Ahmad bin Husin: Saya mohon sambung Tuan Yang di-Pertua. Pak Ungku ada mengatakan bahawa Dato' Seri Abdullah sedang berusaha sedaya upaya untuk cuba memberi satu imbalan kepada pembangunan negara. Menyeimbangkan antara pembangunan di bandar dan di desa serta merapatkan jurang ekonomi rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1988 di dalam memorandum tersebut ada mengatakan bahawa:-

- (i) melaksanakan program-program khas yang telah disusun bagi golongan termiskin supaya mereka dapat menyertai arus pembangunan dengan tujuan supaya tahap pencapaian Dasar Ekonomi Baru dapat dipertingkatkan;
- (ii) untuk mendapatkan kelulusan mengenai peruntukkan tambahan;
- (iii) mendapatkan kelulusan di atas beberapa soal dasar berkenaan pelaksanaan program.

Dan saya memohon pada pihak Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri untuk dapat mengadakan daftar rakyat termiskin yang terkini mengikut daerah dan negeri, supaya kita dapat mengetahui angka sebenarnya mereka-mereka yang berada dalam kumpulan Program Pembangunan Rakyat Termiskin.

Yang kedua, cara pelaksanaan program atau projek yang lebih efektif supaya manfaatnya benar-benar sampai kepada golongan yang disasarkan. Tidak berlaku pertirisan.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat minta laluan.

Tuan Ahmad bin Husin: Sila.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Saya ingin menyentuh isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat iaitu tentang jumlah sebenar golongan termiskin ini. Dan saya rasa ini amat penting sebenarnya sebab kadang-kadang kita berhadapan dengan masalah iaitu siapa sebenarnya yang sepatutnya bertanggungjawab mengeluarkan angka ini. Kita berhadapan dengan masalah ini kerana yang pertama ialah apakah Kementerian Pembangunan Luar Bandar ataupun Jabatan Kebajikan. Sebab kita sering berhadapan apabila ada isu rakyat termiskin yang kita ketemui dan bila kita rujuk kepada Jabatan Kebajikan tidak ada dalam senarai Jabatan Kebajikan dan senarai ini sentiasa bertambah dan yang menjadi masalah ialah tidak ada maklumat tentang mereka ini. Dan yang lebih malang juga ialah ada juga yang sudah dilaporkan sebagai contohnya oleh Ketua-ketua Kampung tentang golongan miskin ini, tetapi tidak ada tindakan yang segera yang diambil, khususnya Jabatan Kebajikan Masyarakat. Jadi bila kita *check* dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat, rupa-rupanya mereka ini tidak ada bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat, dan yang ini kita hairankan. Sebab kita sudah lama

merdeka dan kita kata bahawa penumpuan kita sekarang ini lebih kepada rakyat termiskin. Tetapi rupa-rupanya dari segi angka ini pun, sistem maklumat pun masih tidak terurus dengan baik. Apa pandangan Yang Berhormat sebenarnya?

Tuan Ahmad bin Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kepada apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad. Sebenarnya pengalaman saya di ICU, pada tahun 1989. Sebenarnya, daftar rakyat termiskin ini, kalau kita hendak dapat secara total mestilah diurussetiakan oleh Pejabat Pembangunan Negeri tiap-tiap negeri, atas arahan daripada Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri. Pejabat Pembangunan Negeri pula akan *organize* kan, akan selaraskan, Tuan Yang di-Pertua dengan Jabatan-jabatan Pertanian, Jabatan Perikanan dan Majlis Agama Islam. Ini antara beberapa agensi kalau di utara termasuk kawasan MADA. Bermakna kesemua ini, jabatan-jabatan berkenaan akan memperlengkapkan senarai masing-masing. Semuanya akan dihantar ke Pejabat Pembangunan Negeri. Maka di situlah akan disemak di mana ada *overlapping* Tuan Yang di-Pertua.

Maka ada satu sahaja akhirnya itulah *list* yang akan ada kepada *District Officer* (Pegawai Daerah) di daerah masing-masing. Dan pula, Pegawai-pegawai Daerah pula setelah mendapat *list* tersebut akan menghantar kepada negeri di mana Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan akan ada satu *list* negeri, *it is a state list*. Saya tidak tahu setakat sekarang apakah yang dibuat oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri untuk mendapatkan yang betul-betul nama yang tulen mereka-mereka yang terlibat dalam program pembangunan rakyat termiskin.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad, puas hati dengan jawapan itu? Sila teruskan Yang Berhormat.

Tuan Ahmad bin Husin: Kita tidak kira sama ada mereka-mereka yang terlibat ini daripada bandar, luar bandar, desa, kampung-kampung baru, *estate*, sama ada negeri Kelantan, Terengganu atau di mana sahaja pendek kata kesemua mereka yang terlibat dalam program ini berhak untuk mendapat pembelaan daripada kerajaan.

Yang penting ialah kaedah untuk pengesanan, pelaksanaan dan impak kepada projek tersebut. Supaya kita berharap, kita mendoakan menjelang fajar 2020, Malaysia dapat mengeluarkan kesemua mereka ini daripada cengkaman, putaran ganas kemiskinan dengan izin, *vicious circle of poverty*.

Mesti ada kaedah, Tuan Yang di-Pertua, macam mana kita hendak keluarkan mereka ini yang terperangkap dalam putaran ganas kemiskinan. Ini bermakna kesemua agensi yang terlibat daripada Unit Perancang Ekonomi, daripada Unit Penyelarasan Pelaksanaan Kementerian Pertanian, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Kementerian Belia dan Sukan dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Pendek kata semua kementerian yang telah ada program ini seharusnya menggembeleng tenaga menunjukan, fokuskan, *direct*, terus-menerus kepada golongan-golongan yang disasarkan.

Umpamanya, Tuan Yang di-Pertua, kalau menyentuh soal pertanian, tidak dapat tidak soal-soal pemulihan tanah terbiar, penyatuan tanah, penyusunan semula kampung dalam konsep hala cara baru pembangunan kampung dan luar bandar, program-program ternakan, baik ternakan ayam kampung, ayam pedaging, puyuh penelur, kambing biri-biri harus diberikan termasuk lembu pawah.

Kedua, projek-projek perikanan bagi mereka yang jadi nelayan. Mereka ini tidak boleh selain daripada menangkap ikan. Jadi kita harus memberi pelepasan benih, contohnya pelepasan benih ikan di perairan umum, pelbagai perkakas menangkap ikan seperti unjang dan menternak kupang. Bagi projek jaya diri, saya rasa projek-projek, Tuan Yang di-Pertua, Projek Cendawan, Projek Lebah Madu dan tanaman jangka pendek. Dan boleh juga kita berikan khidmat pengembangan dan bimbingan selain daripada infrastruktur yang cukup bagi mereka ini kerana Tuan Yang di-Pertua, saya cukup terlibat dengan orang-orang susah.

Pada saya, sungguh susah, Tuan Yang di-Pertua, hendak tolong orang susah. Sungguh senang hendak jadi susah. Sungguh susah hendak jadi senang. Pendek kata, orang susah ini susah yang sungguh-sungguh, yang bukan-bukan, yang kita tidak terfikir. Kita hendak perbaiki rumah....

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat, minta laluan. Yang Berhormat, saya amat setuju bahawa sebenarnya memang susah hendak jadikan orang yang susah ini jadi senang dan Yang Berhormat menyebut tentang perikanan. Nelayan ini saya rasa kalau pertanian mungkin ada ruang lagi untuk kita hendak mengubah nasib mereka ini sebab kadang-kadang kerana harga kelapa naik, harga kelapa sawit naik, baru-baru ini saya tengok nanas pula naik, cuma yang menjadi masalah kepada mereka ialah soal baja, sampai saya lihat di tempat saya, Tuan Yang di-Pertua, mereka terpaksa panggil Ahli-ahli Parlimen datang. Mereka merayu supaya dibenarkan menggunakan balik racun "paraquat" sebab itu lebih berkesan sebenarnya untuk tanaman nanas.

Tetapi yang nelayan ini, saya tengok memang susah hendak mengubah nasib mereka ini terutama kalau pergi tempat Yang Berhormat Tuan Osman bin Bungsu, Orang Asli di Seri Pantai. Begitulah nasib mereka. Saya pun tidak nampak sebenarnya apa cara untuk membantu mereka – bagi pukut, bagi bot, enjin ke apa, tetapi seperti macam tidak berubah juga.

Jadi saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat sebagai orang yang berpengalaman di Jabatan Perdana Menteri iaitu apakah barangkali cara yang boleh kita fikirkan untuk mengubah nasib nelayan ini supaya mereka juga dapat mengecapi dengan perubahan semasa yang ada sekarang ini, khususnya di kalangan petani dengan harga kelapa sawit yang naik. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Ahmad bin Husin: Terima kasih Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad. Bercakap tentang kemiskinan, Tuan Yang di-Pertua, kita pun bimbang. Menyebut sepatah perkataan

paraquat, telah pun diharamkan dan ada satu PPK telah pun diambil tindakan kerana terdapat beberapa botol paraquat.

Yang kedua tentang bagaimana kita hendak menolong nelayan. Dan mereka ini kalau kita bawa ke FELDA atau FELCRA, dia pasti susah sebab dia hendak dengar ombak laut. Di hutan mana ada, Tuan Yang di-Pertua, ombak. Kita hendak kena beli kaset ombak, baru dia boleh tidur. Ini *problem*, masalah. Jadi saya nampak jika sekiranya ada kombinasi betul-betul secara ikhlas, satu – Yang Berhormat kawasan betul-betul mesti bertanggungjawab bersama-sama dengan persatuan nelayan kawasan.

Yang ketiga, LKIM. Yang keempat dengan pengerusi JKK atau JKK setempat. Inilah komponen-komponen yang boleh menghidupkan atau mematikan nasib nelayan. Kalau sekiranya keempat-empat komponen ini sekurang-kurangnya tidak ngam, tidak berlagalah, tidak masuk saf, tidak bersatulah, tidak masuk barisan, susah, Tuan Yang di-Pertua. Saya cukup jelas tentang ini sebab saya sendiri terlibat.

Kalau hendak harap nelayan sahaja, tiap-tiap nelayan habis semua nelayan kita. Semua nelayan Siam akan duduk atas bot kita. Nelayan kita tidak boleh keluar dua minggu. Dia setakat dua hari pun sudah pening. Nelayan Siam boleh keluar sampai dua, tiga minggu. Yang kita tidak boleh. Dan satu lagi mereka ini setakat perairan sahaja, bukan zon menengah pun tidak, jauh sekali lautan dalam. Main di tepi pantai sahaja.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat, laluan. Apakah Yang Berhormat ingin menyatakan tadi bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat, wakil-wakil rakyat ini tidak buat kerja, yang Yang Berhormat sebut tadi. Minta penjelasan.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Saya pun hendak pohon laluan

Tuan Ahmad bin Husin: Ya.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Boleh, sekali gus? Okey. Satu isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad memang saya hendak bertanyakan tadi tetapi yang lebih *fundamental* pada saya ialah soal keikhlasan yang disentuh oleh Yang Berhormat tadi. Keikhlasan daripada LKIM, keikhlasan daripada JKKK, keikhlasan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Yang keempat, komponen yang amat penting ialah keikhlasan daripada mereka yang dinamakan nelayan itu sendiri. Mengapakah sikap mereka sungguhpun mereka hanya menjadi nelayan di perairan, tidak pun jauh ke dalam laut sana, tahan dua hari sahaja. Di manakah keikhlasan mereka untuk meningkatkan kesungguhan untuk menjadi nelayan-nelayan yang baik, untuk meningkatkan rezeki dan kehidupan dan memperbaiki diri mereka sendiri.

Jadi ini pun jadi satu komponen yang amat penting, Yang Berhormat. Kita selalu menyalahkan orang lain tetapi saya juga memahami bahawa kadangkala nelayan-nelayan yang menerima subsidi, umpamanya minyak dahulunya, memang susah hendak jadi senang tetapi kadang kala yang susah itu menganggapkan bahawa agak senang hendak jadi senang, kalau dia

menjual sahaja *fuel* yang diberikan kepada mereka. Jadi kita harus melihat daripada segala gejala dan elemen yang sebenarnya mencengkam kumpulan-kumpulan nelayan ini. Mereka harus meningkatkan keusahawanan mereka dan usaha dan daya mereka jadi macam orang Siam jugalah.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila

Tuan Ahmad bin Husin: Terima kasih Dato' Dr. Norraesah. Saya berpendapat Tuan Yang di-Pertua, kesemua sekali elemen-elemen yang disebutkan tadi, kita hendak pertingkatkan lagi. Bukan kata tidak buat kerja tetapi mempertingkatkan lagi tahap, merit kerja kita itu. Kalau nelayan biasa tangkapan sekian-sekian banyak, maka kita hendak tambahkan lagi. Kalau biasa dua hari saya keluar, kita tambahkan lagi, boleh sampai seminggu. Kalau Yang Berhormat kawasan pun, kalau dua kali sahaja dapat berjumpa, kalau boleh dalam seminggu tiga, empat kali. Jadi bermaksud mempertingkatkan. Makna kita guna *right brain*. Kalau aktif, ke proaktif. Kalau negatif, ke aktif. Jadi benda-benda inilah *mind set* yang kita hendak kena ubah daripada masa ke semasa. Dalam tidur pun kita kena fikir cara mana kita hendak tambahkan pendapatan.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Yang Berhormat, pohon laluan boleh?

Tuan Ahmad bin Husin: Sila.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik Yang Berhormat tadi mengatakan kita hendak meningkatkan pendapatan nelayan kita. Tetapi untuk pengetahuan Yang Berhormat, iaitu hari ini para nelayan kita yang bot kecil ini, hendak memohon lesen dengan LKIMkah, dengan Persatuan Nelayankah pun, susah hendak dapat lesen ini. Jadi macam mana kita hendak meningkatkan nelayan ini kalau hendak minta lesen pun tidak boleh dan kalau tidak ada lesen, dia hendak pergi tangkap ikan pun dia takut. Yang kedua Yang Berhormat, iaitu tentang laut dalam ini. Memanglah kita hari ini kita lihat. Macam saya, dari Pulau Pinang iaitu di Batu Maung, dia ada satu dipanggil *Malaysian International Tuna Port* (MITP) di Batu Maung iaitu kerjasama di antara LKIM dengan sebuah syarikat swasta.

Jadi, bagaimanakah kita hendak menggalakkan anak-anak muda kita, yang di kalangan muda kita. Kalau hendak ambil orang yang berumur macam rakan saya Yang Berhormat Tuan Osman bin Bungsu susah sikit, sebab yang beristeri ini macam Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi ini susah sikit, sebab yang ada isteri ini susah.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: [*Senyum*]

Tuan Osman bin Bungsu: [*Senyum*]

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Dia hendak tinggal isteri dia, hendak pergi laut dalam dua minggu pun, memang tidak boleh hendak tinggal isteri. Kita Ahli Dewan Negara duduk di Kuala Lumpur macam sahabat saya, Tuan Osman bin Bungsu duduk tiga hari, tinggal isteri pun dia melilau merata. Ini pula dua, tiga minggu hendak pergi ke laut dalam. Sudah tentulah masalah. Jadi bagaimana agak Yang Berhormat kita hendak tarik orang muda, nelayan

muda ini untuk berkecimpung dalam laut dalam. Kita tahu laut dalam inilah pendapatan nelayan yang begitu tinggi sekali. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Tuan Ahmad bin Husin: Terima kasih Dato' Musa. Pertama Tuan Yang di-Pertua, tentang lesen. Benda ini sudah menjadi percakapan, bukan jadi rahsia lagi dah. Agak sukar, saya bersetuju. Kalau sudah sukar, apa yang kita hendak buat kepada jabatan yang mengeluarkan lesen? Adakah kita hendak tukar pegawai-pegawai tersebut atau kita hendak cari sebab-sebab yang lambat. Ini adalah dua perkara, sama ada mereka ini buat kerja atau tidak atau mereka ini, dia orang ini *respect* atau tidak kepada nelayan-nelayan yang ada ini. Ini pun satu perkara yang masyarakat kena fikir bersama. Sudahlah kerja nelayan, tidak ada pula jawatan besar, nelayan. Kalau nelayan gred satu, dua, tiga, empat, ini nelayan. Satu perkataan sahaja. Siapa yang hendak *upgrade* nelayan ini? Kalau sekiranya pegawai-pegawai daripada jabatan memandang rendah kepada nelayan, maka masalahlah dalam masyarakat kita.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat, laluan Yang Berhormat. Yang Berhormat, apabila Yang Berhormat menyebut tentang perkara tersebut, apakah ini bermakna bahawa Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ini kehilangan fokus? Kita bila menyebut tentang pertanian moden, penumpuannya bioteknologi, herba dan sebagainya tetapi kita terlupa tentang nelayan ini. Jadi apakah kita kehilangan fokus dan apakah sebenarnya LKIM ini tenggelam sebenarnya dalam proses pemodenan sektor pertanian sebab bagi saya, nelayan masih di bawah pengurusan Kementerian Pertanian. Jadi apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Ahmad bin Husin: Terima kasih Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi. Seperti mana yang saya katakan tadi, nelayan ini sebenarnya Tuan Yang di-Pertua memberi pengorbanan yang tinggi. Kepada saya, mereka ini adalah manusia atau kumpulan manusia yang telah memberi satu perkhidmatan, yang telah mengorbankan masa, tenaga dan nyawa berada di lautan terbuka, sama ada di perairan pantai, di tengah atau di *exact* dengan izin. Jadi sudah sampai masanya Tuan Yang di-Pertua kita memberi fokus mengangkat darjat manusia yang dinamakan nelayan. Kalau tidak, sampai bila-bila pun nelayan akan menjadi mereka yang tidak ada *locus standard* dengan izin. Buat masa ini, saya berharap Kementerian Pertanian mengarahkan Jabatan Pertanian, LKIM dan sebagainya memberi perkhidmatan yang terbaik, bersih, cekap, amanah dan ikhlas, tolong para nelayan.

Kalau ada sikap yang demikian, nelayan ini bukan semua ada pendidikan. Orang kampung, orang biasa. Rumah dia pun tidak payah sebut. Tidaklah sempurna rumah di bandar. Yang kedua tentang laut dalam ini, saya dapat maklum Tuan Yang di-Pertua, ada kursus di UiTM Arau yang baru-baru ini telah ada Kursus 'Marin'. Saya lupa dia punya tajuk yang sebenar. Tetapi yang saya ingat 'Marin' melatih dalam 40 hingga 60 *students* untuk satu hari nanti, selepas tiga tahun, empat tahun ini akan mengepalai atau bersama-sama untuk membuat tangkapan ikan di laut dalam. Memang telah dicerna khas, satu hari nanti inilah spesis-spesis kita. Hendak harap yang ada sekarang, saya rasa susah. Tetapi inilah apa yang dibuat oleh kerajaan. Saya

rasa besok suatu hari nanti, mereka ini *graduate*, mereka inilah akan jadi nelayan profesional, insya-Allah. Kita boleh makan ikan tuna, harga yang lebih murahlah.

Tuan Osman bin Bungsu: Minta laluan Yang Berhormat.

Tuan Ahmad bin Husin: Oh..., Yang Berhormat.

Tuan Osman bin Bungsu: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya. Yang Berhormat, Tuan Osman bin Bungsu.

Tuan Osman bin Bungsu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dan rakan-rakan saya. Pertama, Datuk Dr. Haji Mohd. Fuad yang telah memaparkan keadaan kemiskinan berkenaan dengan Orang Asli terutama yang kerja nelayan.

Begitu juga pada Dato' Musa sebenarnya saya baru seorang isteri, tidak sampai tiga. Terkejut nanti orang rumah dengar. Tuan Yang di-Pertua, setelah saya mendengar tentang perbincangan yang begitu hangat tentang kemiskinan seperti mana yang kita dengar dalam rumusan Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, dalam jawapannya, "Kementerian ini akan merasa gagal dan kita akan merasa cukup kecewa kalau kita tidak dapat mempertingkatkan taraf hidup Orang Asli yang berada di pedalaman ke tahap yang boleh kita banggakan. Membawa mereka ke arus pembangunan dan mengeluarkan mereka daripada terus berada dalam kemiskinan yang begitu menghimpit mereka."

Persoalannya Yang Berhormat, berdasarkan pengalaman Yang Berhormat di dalam pelbagai kementerian, jadi saya ingin pandangan Yang Berhormat apakah bentuk-bentuk ataupun alternatif untuk membangunkan masyarakat Orang Asli yang kita telah kenal pasti seperti mana Yang Berhormat kata hendak kenal pasti. Sekarang kita sudah kenal pasti, hampir 90% Orang Asli ini miskin tegar dan miskin dan juga mungkin dengan kenaikan harga barang, kesan kenaikan harga minyak mudah miskinnya mungkin menghimpit hampir kepada 95%. Ini merupakan satu statistik yang amat kritikal. Jadi apakah saranan Yang Berhormat untuk mengeluarkan Orang Asli ini daripada kepompong kemiskinan tegar dan miskin ini. Terima kasih.

Tuan Ahmad bin Husin: Terima kasih. Pertama sekali saya hendak minta - Yang Berhormat sebenarnya dalam banyak-banyak pekerjaan saya, saya belum lagi *tune* ke situ. Hari ini menambahkan lagi paradigma saya pada hari ini Tuan Yang di-Pertua. Masuk lagi satu komposisi yang saya sendiri secara peribadi akan melihat apa yang disebut oleh Yang Berhormat. Maknanya, pertama sekali Yang Berhormat kena bawa saya hendak tengok sendiri. Walaupun kita tengok dalam gambar tapi saya sendiri tidak menjejakkan kaki secara praktikal tempat tersebut. Saya hendak minta maaf dalam hal ini. Mungkin saya sudah biasa dengan penanam padi, dengan penanam tembakau, dengan nelayan, pekebun kecil, kumpulan yang membuat kraf tangan, belia peladang, belia niaga. Tapi saya hendak merasa sendiri, melihat sendiri dia punya *instinct* apa sebenarnya yang berada dalam masyarakat Yang Berhormat. Itu satu.

Kemudian tentang mengatasi masalah kemiskinan ini semuanya saya rasa tidaklah dari antara satu dengan yang lain sama dari kumpulan nelayan, sama ada kumpulan penternak, sama ada daripada petani dan sebagainya tentang konsep kemiskinan, di mana saya sebut tadi hendak mengeluarkan mereka ini. Apa yang saya ingat di dalam memorandum asal yang telah dibentangkan kepada Perdana Menteri untuk golongan termiskin. Jadi kita anggapkan kumpulan Orang Asli yang disebut tadi ialah dalam golongan PPRT (Program Pembangunan Rakyat Termiskin). Kita kena *clear* dahulu. Maknanya kita kena ambil ini sebagai satu konsep yang termaktub dalam pemikiran kerajaan. Kalau kita lihat daripada strategi beberapa pengubahsuaian yang ada, yang pertama saya sudah sebut tentang daftar keluarga termiskin. Itu kita sudah bincang.

Perkara yang kedua Tuan Yang di-Pertua, kalau kita berpandukan kepada daftar keluarga termiskin, agensi-agensinya pelaksana sendiri pergi menawarkan bantuan kepada keluarga termiskin dan tidak lagi menunggu mereka datang tampil memohon bantuan seperti yang dilakukan sekarang. Ini jelas. Kerajaan telah menjelaskan sejelas-jelasnya. Tanggungjawab jabatan untuk mencari orang susah. Bukan orang susah cari jabatan. Ini janji kerajaan yang keramat. Adakah perkara ini berlaku masa ini?

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat, minta laluan. Saya rasa Yang Berhormat telah membangkitkan satu isu yang cukup menarik sebenarnya iaitu masalah sepatutnya pegawai kerajaan itu sendiri yang turun ke bawah mencari orang miskin. Kadang-kadang pegawai sendiri terkejut bila keluar dalam media, apabila media melaporkan tentang isu-isu kemiskinan ini baru mereka tahu bahawa perkara itu tidak jauh daripada tempat mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang saya sendiri terkejut apabila ada laporan tentang kemiskinan rupa-rupanya tidak jauh daripada jalan raya tidak jauh pun daripada pekan sebenarnya. Maksudnya bukan saya kena masuk jauh ke dalam kampung. Dekat sangat dengan tepi jalan. Saya ambil satu contoh seperti mana apa yang berlaku, ada satu keluarga miskin ada empat buah rumah lebih kurang 30 anggota dalam empat buah rumah ini. Maksudnya, wak itu dia ada seorang isteri tapi mempunyai anak seramai 15 orang.

Saya terkejut, 15 orang anak dia dan anak dia nombor empat saya ingat lagi namanya Purah. Purah itu sendiri ada 12 orang anak pula. Wak ini umurnya sudah 70 tahun tapi dia ada anak umur dua tahun dan ada anak dia yang saya tidak ingat nombor berapa dapat 8A - PMR. Rumah hendak condong Tuan Yang di-Pertua. Tapi anak perempuan dia itu pula yang nombor empat tadi itu ada 12 orang anak yang paling kecil dua bulan. Bapanya yang paling kecil dua tahun. Dia pula dua bulan dan suami dia baru seminggu meninggal. Masa saya dapat maklumat tersebut bila TV3 hendak datang hendak buat program *Bersamamu*.

Jadi kelam-kabutlah saya terpaksa cari sumber robohkan rumah itu dan saya bagi tempoh untuk disiapkan rumah dalam 20 hari. Tetapi yang malangnya ialah tidak ada dalam senarai Jabatan Kebajikan Masyarakat dan rumah itu pun bukan jauh sangat dan saya sendiri

pun terkejut hanya apabila TV3 hendak datang membuat program *Bersamamu*. Jadi ini saya rasa apakah puncanya jabatan-jabatan atau agensi-agensi kerajaan ini tidak cukup kakitangan sebenarnya ataupun kaedah yang Yang Berhormat ada sebut juga tadi di peringkat awal iaitu soal pengesanan. Ada Yang Berhormat sebut tadi dan saya catat iaitu soal kaedah pengesanan. Apakah ini berpunca kerana kekurangan kakitangan sebenarnya. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Ahmad bin Husin: Terima kasih Yang Berhormat. Seperti yang saya katakan tadi Tuan Yang di-Pertua, sudah sampai masa kita kemas kini balik semua daftar rakyat termiskin kerana ada juga tempat-tempat yang meminta JKKK itu sendiri yang memberi nama.

Jadi, Ini timbul masalah sebab tidak semua JKKK dapat menjalankan tugas sebagaimana yang dikehendaki sebab elaun dia pun sehari kalau tidak silap saya Cuma 80 sen. Yang disebut tadi dalam soal jawab tadi bukan Pengerusi JKKK tetapi Ketua Kawasan, ini lain. Ketua Kawasan dengan Pengerusi JKKK ialah manusia yang berbeza tetapi ada juga Ketua Kawasan yang menjadi Pengerusi JKKK, yang ini dapat duit.

Tetapi yang Pengerusi JKKK biasa ini tidak dapat duit. Tetapi tugas dan tanggungjawabnya sama. Siapa hendak bekerja tanpa duit Tuan Yang di-Pertua? Tambah sudah nampak JKKK sebelah sini dapat setiap bulan yang dia dapat sedikit. Ini masalah. Sekarang sudah sampai masanya agensi sendiri kena bergerak, turun dan melaksanakan pendaftaran tadi secara kolektif dan Pengerusi JKKK hanya membantu sahaja. Boleh saya teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua : Silakan Yang Berhormat.

Tuan Ahmad bin Hussin: Sekarang jelas, kerajaan turut kepada rakyat. Ini bermakna kerajaan berjiwa rakyat, ini *statement* yang sebenarnya. Jangan kita cakap sahaja tetapi kita tidak faham dan kita tidak buat. Kita tidak praktikkan apa yang kita janjikan.

Yang ketiga, kita hendak tolong dia. Tidak mengapa kita mula hendak tolong Orang Asli. Dalam setiap bidang, tidak kira bidang apa Tuan Yang di-Pertua, peluang dibuka dengan mengutamakan keluarga termiskin. Kita mesti buka peluang dan apa-apa peluang yang terbuka, kita utamakan. Serupalah dalam askar, ada apa-apa sahaja, askar, bekas perajurit yang telah berkorban nyawa di sempadan. Kita boleh lena. Kalau tidak ada askar kita pun susah, sebab Yang Berhormat pun ada di sini daripada Persatuan Bekas Perajurit.

Disebut tadi peluang sebagai contoh. Apa contoh dia? Contohnya bila kita hendak ambil buruh kontrak, kita cari mereka ini dahulu. Pengambilan peserta rancangan tanah baru, kita cari mereka dahulu dan pekerja di industri-industri kecil, kita cari mereka dahulu. Ini kalau kita buat sebaliknya, kita cari orang yang kita kenal sahaja, kita cari adik-beradik kita sahaja, kita cari orang yang itu ini dengan kita ini *problem*..... kita kena buka. Tutup sejarah lama.... tutup. Kita buka sejarah baru.

Kita tidak peduli pangkat darjat kedudukan, yang penting yang miskin yang masuk dalam golongan termiskin, kita bagi keutamaan, baru boleh. Kalau tidak, tidak selesai agenda ini Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Muhamad bin Haji Abd. Ghani: Mohon laluan.

Tuan Ahmad bin Hussin: Ya.

Dato' Haji Muhamad bin Haji Abdul Ghani: Terima kasih kerana menyebut hal tentera sedikit. Saya hendak tahu siapa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat supaya turun ke padang? Adakah pegawai di Jabatan Kebajikan Masyarakat ataupun wakil-wakil rakyat yang telah memilih mereka sebagai wakil rakyat.

Tuan Ahmad bin Hussin: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, melalui pengalaman saya sebagai Pegawai Daerah dan juga Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri, yang saya maksudkan kakitangan kerajaan yang bertanggungjawab bahagian masing-masing yang ditugaskan mengikut fail meja. Dia ada fail meja dia Yang Berhormat. Dia ada senarai tugas dia. Ikut fail meja, ikut senarai tugas, selesai masalah. Tidak ada lagilah *delivery system* yang ada *bottle neck*, tersekat di sana, tersekat di sini. Cermin tengok fail meja sendiri, buka tengok, tampal, bubuh dalam kepala.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad : Minta laluan.

Tuan Ahmad bin Hussin: Y.B. pernah menjadi pegawai kerajaan. Adakah Y.B. ingin mengatakan di sini semasa Y.B. menjadi pegawai kerajaan, ahli dalam *civil service* semua elok dan baik dan segala yang keretakan yang ada sekarang ini tidak ada semasa Y.B. menjadi pegawai kerajaan. Kalau ada di masa itu adakah Y.B. mengambil tindakan untuk membetulkan apa yang nampak sebagai kurang betul.

Tuan Ahmad bin Hussin: Terima kasih Dato' Dr. Norraesah dan Tuan Yang di-Pertua. Ada kejutan budaya, kepada saya masa mula-mula memegang jawatan khasnya semasa

Di JPA, sebagai contoh, semasa saya di Jabatan Perkhidmatan Awam selepas keluar daripada INTAN, ada satu perkara iaitu orang Melayu tidak ada di Jabatan Kaji Cuaca. Ada seorang kalau tidak silap saya perempuan bernama Fatimah. Saya pun hairan, kesemua beratus-ratus tetapi tidak ada orang Melayu. Saya kaji, kaji tengok rupa-rupanya ada satu pekeliling sebelum merdeka tahun 1956 mengatakan bahawa pegawai-pegawai kerajaan yang tidak *confirm* tidak boleh untuk membuat Diploma Ramalan Cuaca di United Kingdom.

JPA tidak hantar, tidak berani hendak hantar sebab masa kita ambil *graduate* yang lulus sains ke Jabatan Kaji Cuaca yang kita hantar, kita hairan, tiga bulan dia berhenti, lima bulan dia berhenti, dia belum hendak *confirm* dia berhenti. Kita pun tidak tahu. Rupa-rupanya dia kena buat bahagian statistik yang pandai matematik, siapa yang pandai itu sahaja dia boleh buat. Dia kena *confirm* antara satu hingga tiga tahun. Tetapi oleh kerana dia seorang macam *scientist* sebab lulus sains dan matematik pun bagus, tidak suka. Dia tidak dan. Orang utara kata tak dan, tak sempat hendak *confirm* itu dia berhenti. Dia cari kerja lain dan sebagainya.

Rupa-rupanya bila dia jumpa dengan JPA, hendak minta kursus Diploma ini tidak boleh sebab dia tidak *confirm* kerana pekeliling mengatakan bahawa pegawai tidak confirm tidak boleh. Jadi apa yang kita hendak buat? Saya bincang dengan *boss* saya yang sekarang menjadi *Exco* Kerajaan Negeri Selangor. Saya tidak mahu sebutkan nama beliau. Dia kata tidak boleh. Saya kata sekarang ini saya hendak buat. Saya hendak hantar dahulu 10 orang, kita hendak cuba dahulu tengok tetapi *boss* jangan cakap apa, biar saya buat. Saya pun hantar ke United Kingdom.

Sampai sekarang sudah ada beratus *scientist-scientist* kaji cuaca yang boleh meramalkan terdiri daripada bumiputera kerana satu pekeliling itu sahaja.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Minta laluan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: ya.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad : Saya rasa lari sedikitlah dari landasan. Yang tadi mula-mula Y.B. menyebutkan tentang *efficiency* pekerjaan untuk menentukan bahawa segala tindak tanduk yang kita jalani adalah sesuatu yang dapat direalisasikan dengan baik.

Jawapan kepada kemusykilan saya tadi Y.B. mengatakan soal orang hendak buat kaji cuaca ini macam *miss matching*. Tetapi itu adalah suatu perkara yang spesifik, masalah yang spesifik. Tetapi yang sentuhan tadi ialah masalah keberkesanan pegawai-pegawai kerajaan secara menyeluruh untuk memastikan ia berjalan dengan baik. Saya juga pernah menjadi Pegawai PTD, lama dan saya lihat masa itu memang terdapat banyak yang berjalan dengan baik. Sekarang ini saya tidak tahulah. Tetapi masalahnya sekarang adakah Y.B ingin mengatakan bahawa dulu kita lebih baik pegawai-pegawai kerajaan. Tetapi sekarang kurang baik, adakah itu yang hendak dimaksudkan?

Tuan Ahmad Hussin: Terima kasih Dato' Dr. Norraesah. Tuan Yang di-Pertua, saya melihat pada masa saya menjadi Pegawai Tadbir dahulu, ada kemungkinan ada beberapa kemungkinan dalam hal ini. Kalau kita hendak kata masa kita baik, masa sekarang kurang baik, mungkin tidak manis sebab kita berada di dalam Dewan. Sekarang kita ada *immunity* pula, jadi kita kena cakap bahasa-bahasa yang boleh diterima dan saya cukup hendak jaga benda-benda semua ini sebab apa yang akan buat kerja ini ialah PTD *officers* khususnya dan *lead the squad*.

Sebab itu dalam perbincangan saya, membahaskan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agung saya mohon untuk kadet PTD yang enam bulan itu untuk dijadikan setahun supaya jadi macam masa saya dahulu. Untuk dapat Diploma Pengurusan Awam kita setahun, maknanya kita *bake*. Kalau kita buat kek itu orang kata masaklah, jadi elok. Kalau kita kupas buah pun dia elok, licin. Agak-agak macam itulah.

Kalau enam bulan ini, saya hendak kata macam mana, tergesa-gesa sedikit. Sebab pada masa zaman saya PTA/PTD yang bekerja sepuluh tahun pun, dia masih lagi setahun, Diploma Pengurusan Awam, dia bukan enam bulan. Walhal dia Majistret, dia jadi ADO, sudah

berpengalaman sampai sepuluh tahun. Tetapi bila hendak jadi PTD, dia masih lagi disebut dalam *batch* yang kedua iaitu PTA/PTD ada 46 orang. Semuanya setahun tidak ada perbezaan.

Tetapi akhir ini, yang menjadi PTD ini maknanya atas sekalilah, air di hulu. KSU, Timbalan KSU, KSN, KPPA, semua itu daripada PTD lah maksud saya. Jadi, kesemua itu kalau air di hulu itu elok, maknanya kesemuanya akan elok. Jadi, kalau boleh kita *bake* kan kadet PTD ini setahun latihan dan kalau boleh pada masa itu juga kita buat latihan bahasa Inggeris sama. Walaupun kita sudah keluar INTAN, kita pergi pula tiga bulan latihan intensif bahasa Inggeris, *and then* bahasa Perancis dan sebagainya, ikut bidang masing-masing pada masa itu.

Tetapi saya tidak tahu pula, sudah lama tidak jadi pegawai ini. Tahu, tahu duduk di sini, jadi kita pun *stop* setakat itu, sementara ini. Boleh atau tidak? [Ditujukan kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad] Kalau boleh saya sambung.

Timbalan Yang di-Pertua: Sambung kepada perkara yang lainlah.

Tuan Ahmad bin Husin: Saya hendak sambung bioteknologi. Ini menarik juga. Saya ada *sample*. Sebenarnya bioteknologi – kita pergi kepada tajuk terus iaitu minyak kelapa dara, *virgin coconut oil*. Primadona baru bioteknologi yang harus mengakar dan merimbun yang telah dibincangkan dalam majlis tertinggi. Perdana Menteri ada sebut, presiden ada sebut dalam masa beberapa minit tentang perkara ini, dan saya telah beri produk ini kepada Perdana Menteri semasa melawat Perlis.

Mungkin hendak tanya juga sepatah dua. Apa dia yang boleh dinikmati oleh masyarakat luar bandar. Yang saya hendak cakap ini masih lagi bersekitar kepada kemiskinan. Apakah minyak kelapa dara? Minyak kelapa dara atau *virgin coconut oil* adalah minyak kelapa yang dihasilkan melalui proses teknologi bio, bioteknologi yakni ...

Tuan Osman bin Bungsu: Minta laluan, Yang Berhormat. Saya...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi atau tidak?

Tuan Ahmad bin Husin: Ya.

Tuan Osman bin Bungsu: ...terpanggil untuk idea Yang Berhormat cukup menarik, boleh membantu kerajaan. Terutama kita ingin melihat kekayaan negara ini dirasai oleh semua kaum. Jadi, idea Yang Berhormat tadi, bagaimana kita hendak meningkatkan, mengeluarkan masyarakat ini keluar daripada kepompong kemiskinan ini, yang saya rasa tersekat, tidak dapat dikeluarkan atas sebab-sebab atau halangan-halangan tadi.

Jadi, saya rasa kalau ini dapat difokuskan mungkin kerajaan akan dapat mengambil kira pandangan-pandangan Yang Berhormat ini untuk di masuk kira, diambil oleh kerajaan dan juga tindakannya daripada pegawai-pegawai pelaksana yang telah diberi tanggungjawab ini. Jadi, dengan adanya satu idea ini, yang dibuat, dilontarkan oleh Yang Berhormat ini akan menyenangkan masyarakat Malaysia di masa akan datang, apatah lagi menjelang tahun 2020 yang perlu dibuat daripada sekarang. Saya harap dapat difokuskan perkara ini. Terima kasih, Yang Berhormat kerana beri laluan.

Tuan Ahmad bin Husin: Terima kasih, Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, tidak sempat hendak habis, baru masuk gear satu. Mana pun saya... saya baca yang lainlah.

Timbalan Yang di-Pertua: Ini Yang Berhormat kerana terlampau murah hati beri laluan banyak sangat.

Tuan Ahmad bin Husin: Tidak apalah. Minyak kelapa dara atau *virgin coconut oil* adalah minyak kelapa yang dihasilkan melalui proses bioteknologi yakni tanpa menjalani proses pemanasan atau dengan menggunakan barang-barang kimia sebagai proses yang biasa digunakan untuk menghasilkan minyak masakan biasa. Khasiat serta keperawanan minyak kelapa dipertahankan. Justeru itu ia dinamakan minyak dara atau *virgin coconut oil* dan semua masyarakat luar bandar yang mana pokok kelapa itu jadi *precious*, cukup mahal, buah kelapa, buah nyiur, orang Perlis kata cukup mahal selepas ini.

Jangan main-main, jual RM1.30, RM1.40. Insya-Allah sekarang 70 sen, 80 sen. Jadinya minyak kelapa dara itu adalah minyak kelapa yang dara sifatnya bukannya minyak buah kelapa dara. Jadi, saya hendak fokus awal-awal supaya jangan tersilap, masyarakat tersilap. Minyaknya yang dara, buahnya tetap yang tua. Konsep ini kena ada dalam kepala baru orang kampung esok tidak terkejut. Sebab ini kita hendak lontar kepada seluruh penduduk di luar bandar dan semua dapat nikmat dan harganya mahal. Kalau kita jual, kalau kita pergi ke farmasi, harganya... saya tunjuk botol, ya. [*Sambil menunjukkan botol*] Sebotol ini RM42. Kalau minyak ini setong pun tidak sampai RM40 tetapi minyak kelapa dara ini dengan kecilnya botol yang saya tunjuk tadi harganya RM42. Kalau di farmasi sini RM50. Ini kita hendak beri, sekarang kita hendak beri kepada rakyat.

Masa kita cukup pendek. Sekarang kita hendak keluar semua sekali daripada *misuse circle of poverty* dari belunggu kemiskinan.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Minta laluan, Yang Berhormat. Saya tertarik dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat. Minyak kelapa dara, minyak kelapa tua, apa bezanya dan apa khaziatnya sampai RM42 sebotol kecil ini.

Tuan Ahmad bin Husin: Tuan Yang di-Pertua, akan sampai. Kita lambat sedikitlah. Kita baca sedikit lagi apa yang ada. Apa istimewanya minyak kelapa dara? Dianggarkan 50% daripada asid lemak atau *fatty acid* di dalam minyak kelapa adalah *lauric acid*, sejenis asid lemak berantai sederhana, dalam bahasa Inggeris, *medium chain fatty acid*, yang bersifat anti virus, anti bakteria dan anti protozoa. Jangan tanya lagilah.

Keistimewaan minyak kelapa dara:

- (i) *lauric acid* yang terdapat dalam minyak kelapa ini memiliki khasiat yang serupa dengan susu ibu. Susu ibu amatlah kaya dengan *lauric acid*. Unsurnya berfungsi memberikan ketahanan atau *immunity*, kekebalan kepada bayi yang menyusu susu ibu. Memakan minyak kelapa, terutama minyak kelapa dara akan menambahkan daya ketahanan

badan seseorang dan tubuhnya akan dapat melawan serangan bakteria, virus dan protozoa yang berpotensi membawa pelbagai penyakit. Atlet Australia minum minyak kelapa dara baru-baru ini. Dia tidak minum yang lain.

Semasa Perdana Menteri melawat Caribbean, orang di sana pun Perdana Menteri sebut ini juga, minyak kelapa dara. Dengan menggunakan minyak kelapa, khususnya minyak kelapa dara pada kulit dan rambut akan menjadikan kulit sihat, halus, licin serta menjadi rambut, sihat dan menawan.

Yang ini sudah bagus. Kenapa minyak kelapa? Minyak kelapa adalah minyak paling sihat di atas muka bumi. Saya akan baca petikan dari Al-Quran daripada Surah Ibrahim ayat 24 sampai 25 yang bermaksud "*Tidaklah kamu perhatikan bagaimana Allah telah membuat perumpamaan kalimat yang baik itu seumpama pohon yang baik, akarnya tetap teguh cabangnya menjulang di langit. Pohon itu mengeluarkan buahnya pada setiap masa dengan seizin Tuhannya*". Allah membuat perumpamaan itu manusia supaya mereka selalu peringat. Jelas dalam Al-Quran sebut. Kalau kita *tune* kalau kita *treamkan* inilah salah satu pokok iaitu pokok kelapa daripada daunnya sampai

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Tuan Yang di-Pertua, mohon laluan. Ayat Yang Berhormat telah baca tadi dengan maksud yang telah diterangkan itu, saya hendak minta penjelasan adakah menjuruskan kepada pokok kelapa dara yang dimaksudkan itu. Pasal saya tidak nampak ada hubungan yang jelas. Jadi kalau misalnya ada hubungan yang jelas maka saya rasa tidak payah kita kempen banyak-banyak. Bawa Quran dan tunjuk, inilah satu kempen yang betul, tidak ada masalah lagi. Terima kasih.

Tuan Ahmad bin Husin: Terima kasih Dato'. Setakat yang kita fahamkan salah satu pokok ialah pokok kelapa. Kita tidak sebut pokok kelapa dara tetapi kita sebut pokok kelapa yang dimaksudkan. Kalau *tsunami* pun pokok kelapa ini tahan. Saya membawa ayat tersebut menjurus ke arah itu dan boleh buat tafsir yang berbagai-bagai. Tetapi pada setakat yang kita selama ini terlibat dalam perkara ini kita rasa inilah Allah tunjukkan kekuasaannya salah satu pokok yang boleh kita dapat nikmat, rahmat, ekonomi dan sebagainya dalam menolong manusia ialah daripada salah satu pokok yang terbaik yang terdapat yang boleh kita fikirkannya ialah pokok kelapa. Yang Berhormat, itu jawapan saya.

Jadi apa yang saya sebutkan tadi Tuan Yang di-Pertua segala *quotation* yang ada adalah bukan datang daripada kita. Semuanya tentang ada buku yang dituliskan oleh bukan orang Melayu tetapi oleh orang Barat. Antara yang menulis buku '*Coconut Oil Is The Healthiest Oil On Earth*' ialah Dr. Bruth Fifi dan seorang lagi ialah Dr. Mary Enick yang menerangkan tentang kebaikan-kebaikan minyak kelapa dara. Saintis Melayu saya baru berbincang dengan universiti di KUKUM Profesor Dr. Mad Nor dan kumpulannya yang pakar *engineering* tetapi beralih sedikit untuk membuat kajian dan saya akan maklumkan kajian ini dalam Dewan yang

sekali lagi, *insya-Allah*. Orang Melayu baru hendak mula membuat kajian tetapi kajian yang saya baca tadi yang kita kutip tadi ialah daripada kajian orang-orang Inggeris.

Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Tuan Yang di-Pertua, mohon laluan. Saya hanya hendak tanya sama ada penciptaan minyak kelapa dara ini dibuat oleh orang Melayu dan dikaji oleh orang negara Barat sehingga sekarang ini sudah keluar pengeluarannya dari orang Melayulah ertinya. Minta penjelasan itu dan kalau benar benda ini telah menjadi satu bukti bahawa ia boleh menguatkan badan, tadi sebagai contoh elit kepada Amerika. Barangkali tidak terlambat agaknya kalau orang Perlis hendak bagi ubat ini kepada pemain SUKMA yang tengah berjalan sekarang ini. Barangkali kita pun tidak hairan kalau Perlis boleh menang kali inilah kerana sudah ada minyak kelapa dara. Saya ingin menanyakan bahawa Yang Berhormat kini hendak mempromosi *virgin oil* ini adalah keluaran daripada Perlis dan adakah Yang Berhormat bercadang untuk memasarkan *virgin oil* ini kepada peringkat antarabangsa untuk menaikkan juga taraf ekonomi rakyat Malaysia. Terima kasih.

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Minta laluan. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat nampak promosi kuat sangat tentang *virgin oil* ini. Saya hendak tanya ada sikit syer ke ataupun sebagainya. Terima kasih.

Tuan Ahmad bin Husin: Terima kasih Datin, Dato' dan Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya kajian ini buku tersebut dibuat oleh seorang Inggeris kemudian buku itu dikaji oleh seorang profesor di Indonesia dan mereka telah ada kilang di Indonesia. Jadi di Malaysia kita cuma import kita bawa ke sini kita botolkan sahaja tetapi semuanya daripada Indonesia. *Company* itu saya kenal tetapi nama saya tidak ada dalam *company* itu dan saya tidak pandai berniaga. Dan pihak *company insya-Allah* akan membuat MoU dengan Jabatan Pertanian Persekutuan dalam masa terdekat. Jadi Jabatan Pertanian Persekutuan telah pun cuma hendak tunggu tarikh sahaja bila MoU ditandatangani dan benda ini akan dipasarkan di peringkat antarabangsa, bukan kita sahaja.

Tetapi yang penting kita hendak setiap orang kampung, setiap rumah yang ada kelapa sahaja atau dia boleh beli kelapa dia boleh buat sendiri. Kita akan tunjuk cara buat yang cukup mudah dan dia akan makan sendiri dia minum sendiri dan lebihnya dia boleh jual. Bila dia jual *company* itu akan beli. Jadi tidak timbul soal kerugian. Selalu kita kata pemasaran, sekarang pemasaran sudah ada cuma kita hendak pengeluaran, pemasaran duit dia beri kemudian. Bank akan bagi duit. Kalau ada *management* kalau ada pemasaran duit akan datang dengan sendiri. *It is normal* dalam *business* walaupun saya bukan seorang ahli perniagaan.

Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: [*Bangun*]

Tuan Ahmad bin Husin: Manfaat lainDah jawab Yang Berhormat. Apa? *Answer your question?* Ok.

Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Yang Berhormat, saya hendak tahu sikit. Tadi saya ingat benda ini asalnya memang dari negeri Perlis sebab itu promosinya

cukup kuat. Cukup kuat. Rupa-rupanya daripada Indonesia tetapi dibotolkan di sini dan sebagainya. Tidak mengapa tetapi tidakkah Yang Berhormat berhasrat untuk dengan bioteknologi yang ada sekarang ini untuk dipelbagaikan. Maknanya keluaran itu asli daripada Perlis barulah kena gayanya. Terima kasih.

Tuan Ahmad bin Husin: Saya hendak jawab mudah sahaja. Sebenarnya minyak kelapa ini satunya daripada minyak kelapa dara ini boleh buat syampu, pil, mandi bunga, aromaterapi, dia ada aura semua cukup, jangan takut. Benda ini memang bagus. Tetapi saya hendakkan *company* itu sahajalah atau *company-company* yang lain. Tidak payahlah dari Perlis. Daripada mana pun tidak apa tetapi yang penting tiap-tiap orang kampung yang susah tiap-tiap *household* yang susah tiap-tiap yang ada kelapa itu dapat manfaat. Pertama untuk dirinya di mana dia kena jaga ketahanan dirinya sendiri. Dia mesti jaga *immunity*nya jangan ada penyakit masuk baru dia boleh buat kerja. Kita kena sihat. Gaya cantik tetapi tidak sihat, dok makan 'roti bodoh' sahaja pening kita. Sihat dahulu. Duit banyak tetapi tidak sihat, harta banyak tidak sihat, bercelaru. Sekarang kita duit sedikit badan sihat boleh bergaya boleh berjumpa kawan dan sebagainya sudah cukup peringkat kita. Dan yang penting

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Pohon laluan. Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya amat tertarik mengenai dengan minyak kelapa dara ini. Kita difahamkan suatu masa dulu, memang orang Melayu sudah menggunakan minyak kelapa. Tetapi ada satu fasa tertentu suatu masa dulu di mana kita difahamkan minyak kelapa ini banyak kolesterol. Saya tidak tahu siapakah, mungkin orang Barat ataupun mungkin orang kelapa sawit yang mengatakan bahawa tidak boleh makan minyak kelapa sebab banyak kolesterol. Mungkin Yang Berhormat ada maklumat mengenai perkara ini.

Tuan Ahmad bin Husin: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya memang menunggu soalan tersebut, tentang kolesterol. Sebenarnya di sini, setakat yang kita dapati dan sudah buat sedikit penyelidikan, ia *cholesterol free*. Saya berikan contoh mudah saja. Dulu, kalau kita pergi ke balai polis hendak *report*, katakanlah 30 - 40 tahun dulu kita pergi ke balai polis dan 'Datuk' akan tanya kita, "Encik hendak report apa?"

"Oh, mati - meninggal"

"Sakit apa?"

"Sakit tua"

Semua laporan polis 40 - 50 tahun dulu, semua sakit tua. Sekarang bukan sakit tua, lemah jantung, darah tinggi, gout, kencing manis - dia ada nama sekarang. Dulu orang tua kita makan inilah. Tetapi cuma bezanya dia masak. Perbezaannya dia masak, sekarang kita tidak masak. Tidak ada langsung faktor api. Awat tak dara sungguh!

Manfaat lain, minyak kelapa mengurangkan risiko sakit jantung. Betul, orang tua-tua kita tidak ada mati sakit jantung. Dia sakit tua - 80, 90, 100, 120, semua sakit tua. Tengok 60, 70 rekod di balai polis semuanya sakit tua. Sekarang ada 'jenama' dia, yang *accident* itu cerita lain,

yang mabuk dadah tadi lain. Kedua, mengurangkan risiko kanser. Ketiga, membantu melindungi infeksi bakteria, virus dan fungus. Seterusnya membantu fungsi sistem ketahanan, membantu mengawal diabetes.

Sebab itulah Pak Lah terima benda ini. Saya tidak tahulah Pak Lah minum atau tidak minum. Tapi minum kot! Dia balik - saya bagi satu bekas. Sebab itu masuk Majlis Tertinggi, sembang minyak kelapa dara. PM bukan senang tapi kerana kita hendak bantu orang kampung semua ini dengan benda yang ada khasiat ini. Satu lagi minyak kelapa boleh membekalkan sumber tenaga segera; menyihatkan had fungsi metabolik; memperbaiki pencernaan dan penyerapan nutrien; dan membekal nutrien untuk kesihatan. Jadi, saya hendak bawa perkara ini ke seluruh Malaysia, ke seluruh ceruk dan rantau - kampung ini, minta semua orang yang susah-susah ini dapat nikmat daripada hasil perusahaan ini.

Saya hendak beralih kepada gerakan koperasi. Kalau kita hendak tolong orang kampung, kita kena balik kepada gerakan koperasi ini. Mahu tidak mahu orang kampung bermula koperasi. Menteri-menteri Kabinet yang dok ada pun, pak dia pinjam koperasi. Menteri-menteri Besar yang dok ada pun, saya boleh tunjuk, pak dia pinjam duit koperasi. Tanpa koperasi dia tidak boleh ke mana.

Tapi, koperasi sudah "hidup segan, mati tak mahu". Koperasi ini, orang kita bekerjasama. Jaga ahli. Jaga kawan-kawan. Jaga rakan-rakan. Bukan untuk diri sendiri tapi untuk umum. Kita kena balik pada konsep 'gotong-royong'. Kalau kita hendak tolong orang kampung, hendak bagi orang kampung maju, berakrab, bersatu, bersetia dan sebagainya, kita balik kepada konsep gerakan koperasi; dan koperasi-koperasi terdiri daripada:

- asas tani
- koperasi-koperasi peladang
- bentuk yang di bawah nafas kebangsaan di mana koperasi anak-anak kita di sekolah

Barulah masyarakat kita akan "bersatu kuat, teguh; bercerai roboh". Saya terpaksa *highlight* perkara-perkara ini kerana inilah sumber yang boleh memberi kekuatan kepada ekonomi, sosial dan perpaduan masyarakat luar bandar. Kemudian satu yang saya hendak pesan, lembaga koperasi ini yang menaungi koperasi ini, ia jangan pula menggunakan ...

Tuan Ismail bin Kassim: Minta laluan, Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Tuan Ismail Kassim.

Tuan Ismail bin Kassim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kekanda Yang Berhormat Tuan Ahmad Husin kerana memberi laluan kepada saya. Yang Berhormat menyebut tentang perubahan sosial ekonomi di kampung di antara perkara yang boleh mengatasi masalah sosioekonomi ialah dengan penubuhan koperasi. Ini memang kita akui dengan koperasi ini walau di negara pun merupakan sesuatu yang amat berkesan dalam usaha kita hendak menangani masalah-masalah seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi.

Soalannya, kebanyakan koperasi yang ditubuhkan, kecuali di peringkat sekolah kerana diawasi oleh guru sebagai penasihat dan anak-anak di peringkat sekolah ini mereka masih tidak ada masalah untuk menerima aturan dan menjalankan kerja dengan rajin tanpa mengira imbuhan, tetapi di peringkat kampung dan sebagainya kita lihat, ada sedikit masalah yang berhubung dengan struktur pengurusan. Kerana kegagalan koperasi dilihat dari segi pimpinan dan struktur pengurusannya yang dilihat gagal menjalankan tugas dan amanah dengan baik dan berkesan. Apa pandangan Yang Berhormat berhubung perkara ini?

Tuan Ahmad bin Husin: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Ismail Kassim. Tuan Yang di-Pertua, saya sangat bersetuju. Pendek kata nama koperasi pun kita segan hendak sebut. Kita pun malas hendak sebut pada sesuatu masa kerana tidak ada apa faedah pun rasanya dengan adanya gerakan koperasi ini, kerana pada masa itu, koperasi ini bukan tidak maju, bukan tidak ada ahli. Koperasi ini bukan tidak gemuk, tetapi dia jadi kurus. Tiba-tiba dia jadi kurus dapat penyakit - lawatan sambil belajarlah - duit koperasi, itu, ini dan sebagainya dan banyak koperasi yang bankrap.

Ini bukan kerana usaha untuk mempertingkatkan, memajukan koperasi itu betul, tetapi peranan Ahli Lembaga Pengarah yang boleh sains cek, yang boleh menggunakan wang, yang boleh membuat keputusan. Banyak koperasi, kalau kita hendakkan koperasi maju, Ahli Lembaga Pengarah itu kena kurus, koperasi itu biar gemuk. Ini, kita tengok koperasi kurus, Ahli Lembaga gemuk! Sat, sat lawatan ke Amerika, sat-sat beli di sana, beli sini dan ada *sharing* yang menyebabkan banyak koperasi yang menjadi masalah. Tetapi kalau kita tengok koperasi di Penang, saya ambil contoh satu. Koperasi ini, Koperasi Tunas Muda Sungai Arau Bhd. Asetnya dok ada RM984 juta - Penang.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Saya minta laluan. Dalam koperasi yang disebutkan itu, saya boleh juga tambah satu lagi koperasi iaitu kedai buku USM Sdn. Bhd. yang mana selalunya dapat hadiah daripada kementerian kerana pengurusannya yang baik dan saya pernah menjadi pengarah dalam koperasi ini.

Daripada hujah-hujah itu, bolehkah kita diberitahu sama ada dari segi perundangan, kawalan dan sebagainya, ada banyak kelemahan atau apa sebabnya pengarah itu kurang upaya tetapi masih menjadi pengarah. Dari pengalaman saya, saya kena hadir kursus yang dianjurkan oleh kolej koperasi di PJ. Saya kena datang - hadir kursus. Kalau tidak hadir kursus, tidak boleh jadi pengarah dan kami diajar tentang bagaimana menyelia pegawai, kakitangan yang ada tentang akaun dan sebagainya. Semua ada. Itu memang disediakan. Nampaknya seolah-olah proses itu ada banyak masalah.

Sungguhpun Pengarah Koperasi di setiap negeri itu menghantar pegawai ke Mesyuarat Agong selalu bersedia untuk memberi bantuan penyeliaan kawalan dan sebagainya. Jadi dari segi pendapat Yang Berhormat itu, apakah kelemahan-kelemahannya dari segi perundangan?

Tuan Ahmad bin Husin: Terima kasih Dato' Dr. Chin Fook Weng, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab saya sendiri terlibat dalam koperasi dan salah satu koperasi itu saya menjadi pengerusi. Tetapi koperasi itu tidak gemuk sangat tetapi Lembaga Pengarah kurus dan kita tidak ambil gaji, sudah tujuh tahun dah sebab Menteri Besar Perlislah, Datuk Seri Shahidan suruh buat. Yang Berhormat bagi RM10,000 dan kita pegang amanah dan sekarang kita ada pajak gadai Islam, kita ada pinjaman Am Bank RM10 juta sampai RM50 juta dan potongan kasar antara RM5,000 dan RM100,000. Kerajaan yang boleh potong Angkasa boleh pinjam.

Saya berpendapat Tuan Yang di-Pertua, pergerakan koperasi ini oleh sebab sudah sampai pada semasa dahulu ini, sudah menurun. Dia punya pandangan masyarakat terhadap keadaan koperasi dan juga yang menjaga koperasi ini Jabatan Pembangunan Koperasi. Itu untuk koperasi. Yang satu lagi Lembaga Pertubuhan Peladang, koperasi untuk peladang-peladang. Dia lain, tidak sama. Yang satu lagi dikuasai oleh Angkasa, *Royal Professor* Ungku Aziz. Yang satu lagi di bawah Nafas Kebangsaan. Tetapi semuanya bentuk koperasi. Yang inilah saya minta kesemua sekali koperasi-koperasi ini bergerak senada dan telahpun ada satu Eti-Kop, etika koperasi Tuan Yang di-Pertua, yang telah dibuat oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

Kita harap dengan 'Eti-Kop' ini akan dapat membaik pulih khasnya kepercayaan rakyat terhadap gerakan koperasi. Jadi bermakna kalau dari segi peladang, Nafas Kebangsaan, Pertubuhan Peladang Negeri, Pertubuhan Peladang Kawasan dan Unit Peladang, kesemuanya bergerak secara *collective responsibility*, tanggungjawab bersama dan juga di sebelah koperasi-koperasi sekolah, yang di bawah Jabatan Koperasi termasuk Angkasa dan sebagainya, bergerak sekali, saya rasa pendapatan ataupun nikmat atau dari segi *security* penduduk luar bandar dapat terjamin. Ini kerana di sini juga boleh kita keluarkan bantuan-bantuan kewangan pendidikan dan juga bantuan-bantuan kebajikan dan juga bantuan-bantuan untuk bencana-bencana selain daripada kita dapat daripada jabatan-jabatan kerajaan, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Baitulmal dan sebagainya. Saya hendak ubah sikit kepada SIMA.

Timbalan Yang di-Pertua: Selepas koperasi, banyak lagi perkara?

Tuan Ahmad bin Husin: Ada satu dua lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tolong ringkaskan.

Tuan Ahmad bin Husin: SIMA saya hendak sebut satu sahaja. *Simen Industry of Malaysia* ini terdiri daripada Kerajaan Negeri Perlis, ada di Perlis dan satu di Bahau Negeri Sembilan. Saya hendak minta Khazanah, saya hendak minta tolong dalam hal ini, Khazanah jangan jual syarikat ini kepada syarikat yang telah duduk sedang *bidding* iaitu YTL. Saya rasa YTL hendak beli ini, bukan saya tidak bersetuju macam mana tetapi kerana YTL sudah ada pelan-pelan dia. Jadi kalau boleh kita hendak *fair share of the cake*. Kek yang besar ini YTL pergi dengan helikopter dah, tiga, empat tahun lepas. Tetapi kita sudah jumpa dengan Dr. Mahathir minta tolong jangan jual dan alhamdulillah, Perdana Menteri tidak jual. Saya hendak

ucap syabaslah kepada Perdana Menteri yang lepas, Yang Berbahagia Tun Dr. Mahathir yang tidak tandatangan.

Pada masa itu, Timbalan Menteri Kewangan sama, Tan Sri Nor Mohamed bersetuju tidak jual tetapi akhirnya apa yang dia buat ialah, dia telah keluarkan *Managing Director* SIMA kerana *Managing Director* SIMA ini yang mempertahankan tidak hendak jual kerana dia melambangkan dua negeri. Bermakna beli negeri. Jangan kita lihat beli SIMA, beli negeri sebab dia ada dua negeri. Negeri Sembilan pun terjual, Perlis pun terjual. Jadi kita harap benda ini, Khazanah tidak menjual. Tahniah kepada YTL.

Kalau dia hendak jual, saya minta SEDC Perlis, SEDC Negeri Sembilan dan usahawan-usahawan, jutawan-jutawankah, Datuk Haji Rizuankan, Tuan Wan Nordinkah, Yang Berhormatkah *join together* dan beli, dan jagalah kedaulatan, hasrat, cita-cita asalnya orang lain. Yang dibuang itu saya hendak sebut nama kerana sekarang mungkin ada dekat "...", *Cold Storage* dan sebagainya Datuk Rosli Sharif dan saya minta supaya Datuk dikembalikan ke SIMA untuk *run* SIMA dan dinaikkan martabat. Datuk adalah bekas bendahari UMNO bahagian Kangar. Dari segi keselamatan, saya hendak ucap tahniahlah sebab hari-hari saya mari *traffic light* apa semua, kepada polis trafik. Kalau polis trafik tidak ada di Kuala Lumpur, kita tidak sampai dah saya ingat. Banyak orang tidak sampai, saya tidak sampai. Saya hendak ucap tahniah kepada polis trafik khususnya dan kepada pasukan polis dan pasukan tentera. Cuma, saya hendak sebut di sini tentang kawalan sempadan sedikit Tuan Yang di-Pertua.

Oleh sebab kita kurang sedikit kawalan, sebab luas, bukan salah tentera dalam hal ini. Banyak kayu gaharu atau *sandal wood* telah diambil oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Untuk pengetahuan, kayu gaharu ini kita buat minyak "ut" dan harga dia satu liter RM13,000. Jadi kenapa kita tidak biarkan orang kita, orang perhutanan dan sebagainya masuk dalam hutan, ambil kayu buat dan bagi kepada orang PPRT. Sekarang kita sudah kehilangan dan minyak "ut" inilah jadi pencetus yang dibuat minyak atar.

Kemudian *delivery system* ini saya kena sebut sepatah sebab kita berharaplah kepada KSN, KPPA dan KSU-KSU semua dan Ketua-ketua Pengarah dapat menunjuk contoh terbaik supaya anak-anak buah kita di bawah sekali dapat menjalankan tugas dengan baik dan sentiasa memberi latihan dan sebagainya supaya minda kelas pertama memberi perkhidmatan kepada rakyat ini sejujurnya-jujurnya. Setakat sekarang sudah baik, cuma kita pertingkatkan lagi. Kita tunjukkan bahawa perkhidmatan *civil service* ini yang terbaik di Asia bahkan di dunia. Pada masa itu, kalau kita pergi mana pun, keluar mai tengok pasport Malaysia sekarang ini, orang sudah hormat kepada kita. Tuan Yang di-Pertua..

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh menjadi Ahli Dewan Negara yang baik sekiranya Yang Berhormat dapat habiskan ucapan sebelum pukul 1.00.

Tuan Ahmad bin Husin: Yes. Dan untuk wanita, kena sebut juga. *Special window* itu saya teringat, Dato' Dr. Norraesah sebut dan program pembiayaan peniaga yang sedia ada dan

sebanyak mungkin kita hendak pernaiklah yang wanita ini sebab syurga di bawah telapak kaki ibu. Kita tidak boleh lari. Betul, benar. Kamu rapat dengan ibu ini, syurga. Tetapi menjauh ini, bubuh tempat orang-orang tua ini, tidak boleh. *Don't do that*, jangan buat dengan izin. Sentiasa di sisimu sehingga ke akhir hayat. Kita senang, banyak Allah akan tolong kalau benar-benar kita angkat darjat, martabat ibu-ibu kita.

Sebagai Ahli Parlimen, kita telah diberi amanah untuk memantau dan kita berjanji, saya berjanji sesungguhnya untuk memantau semua sekali pergerakan, program projek kerajaan. Insyallah, dan kita harap menjelang 2020 kita akan berjaya membawa Malaysia ke negara maju dan dari masyarakat kita datang, kepada masyarakat kita berbakti. Ke pangkuan masyarakat kita pulang, ke pangkuan Ilahi kita bersemadi. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya tertariklah dengan beberapa perkara Yang Berhormat bangkitkan khususnya untuk menolong golongan yang miskin termasuk sistem penyampaian yang berkesan, menolong golongan miskin. Dari segi bioteknologi dengan penemuan-penemuan yang baru untuk menolong golongan miskin dengan pengurusan koperasi yang baik, boleh menolong golongan miskin dan hasil hutan yang ada dalam negara kita untuk membantu golongan miskin. Jadi terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana masa sudah cukup, saya tangguhkan Dewan sehingga jam 2.30 petang ini.

[Mesyuarat ditempokkan pada jam 1.00 ptg.]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.32 petang.]

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan mesyuarat***]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sila sambung ucapan. Puan Hajah Siti Rokiah binti Haji Mohd. Zabidin. Terima kasih. Silakan Puan Hajah. Saya ambil maklum.

Puan Hajah Siti Rokiah binti Haji Mohd. Zabidin: Ini adalah merupakan ucapan saya yang sulung, jadi ingin saya mulakan dengan serangkap pantun.

*Buah cempedak di luar pagar,
Mari dimakan bersama kerisik,
Ibarat budak baru belajar,
Harap-harap tidak diusik.*

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya, tahniah diucapkan kepada Perdana Menteri atas pembentangan Rancangan Malaysia Ke-9. ini bukti kerajaan Barisan Nasional mengamalkan urus tadbir yang mempunyai kesinambungan sejak Rancangan Malaysia Ke-1 iaitu bermula 1996 hingga 70 pada masa Perdana Menteri pertama, Tunku Abdul Rahman hingga Rancangan

Malaysia Ke-2 1970 hingga 75 pada masa Perdana Menteri kedua, Tun Abdul Razak hingga Rancangan Malaysia Ke-3 1976 hingga 80 dan pada masa Perdana Menteri ketiga, Tun Hussin Onn hingga Rancangan Malaysia Ke-4, Rancangan Malaysia Ke-5, Rancangan Malaysia Ke-6, Rancangan Malaysia Ke-7, Rancangan Malaysia Ke-8 pada masa Perdana Menteri keempat, Tun Dr. Mahathir hinggalah sekarang ini iaitu Rancangan Malaysia Ke-9 pada masa Perdana Menteri kelima iaitu Datuk Seri Abdullah.

Kerajaan Barisan Nasional tidak pernah walau satu saat pun, *never for even one second* dengan izin, melupakan amanah, tugas dan tanggungjawabnya untuk memastikan pembangunan, kemajuan dan kesejahteraan rakyat di negara ini. satu daripada bukti komitmen kerajaan untuk mencapai segala perkara yang dicadangkan atau dirancangkan iaitu untuk memastikan atau memastikan pelaksanaan segala program dan projek tidak terganggu, tergugat atau tergendala ialah dengan menyediakan peruntukkan yang secukupnya. Tidak banyak malahan hanya ada segelintir sahaja negara dalam dunia ini yang punya cadangan lima tahun yang komprehensif seperti ini. tahniah diucapkan kepada kerajaan.

Apakah yang saya faham daripada peruntukkan kerajaan yang *beyond expectation* ini, saya mempunyai keyakinan penuh bahawa di sebalik segala masalah dalam ekonomi dunia, serantau dan tempatan, kerajaan ini punyai misi yang jelas, punya kaedah yang bernas...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kalau saya boleh ganggu sebentar, saya hendak mohon bangun tiap siapa yang bangun mohon untuk bercakap tadi. Saya ada dalam senarai Dato' Ikhwan Salim, Dato' Haji Muhamad, Puan Siti Zailah, Tuan Haji Tajul Urus, Tuan Hiang A Li dan Datuk Dr. Lee. Ada dalam senarai mengikut giliran yang saya baca tadi. Jadi bersedia. Bolehlah keluar masuk sekarang.

Puan Hajah Siti Rokiah binti Haji Mohd. Zabidin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan punya misi yang jelas, punya kaedah yang bernas dan punya keazaman politik atau *political will* dengan izin yang tegas dan mempertahankan kepentingan rakyat dan negara dalam apa keadaan sekalipun dan mampu untuk terus mengemudi dan memaju pembangunan, kemajuan dan kesejahteraan demi rakyat dan negara. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan Barisan Nasional sentiasa merancang, melaksana, menilai dan menambah baik apa sahaja rancangan pembangunan yang dilancarkan sama ada melalui ucapan-ucapan budget, sama ada melalui kajian separuh penggal dan sebagainya.

Saya ucapkan tahniah kepada Dato' Seri Abdullah telah mencipta sejarah dengan mengumumkan penubuhan Jawatankuasa Tertinggi yang dipengerusikan sendiri oleh beliau bagi memantau dan menilai pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-9. Dato' Seri Abdullah juga mencipta sejarah kerana pembentangan Rancangan Malaysia Ke-9 dimulakan dengan mengumumkan Misi Nasional untuk tempoh 15 tahun iaitu pada tempoh Rancangan Malaysia Ke-9, Rancangan Malaysia Ke-10 dan Rancangan Malaysia Ke-11. Ini dengan sendirinya mengukuhkan pelan tindakan kita bagi memulakan fasa kedua perjalanan kita menuju

pencapaian wawasan 2020. Perdana Menteri telah memberikan kajian separuh penggal terhadap pelaksanaan Wawasan 2020 yang ditinggalkan kepada kita oleh Tun Dr. Mahathir.

Ini lengkap pula dengan falsafah, visi dan terasnya yang bersifat futuristik. Semua orang boleh bercakap tentang terima kasih, semua orang boleh bercakap tentang kesinambungan tetapi tidak semua orang tahu bagaimana menyatakan dengan baik. Sebagai pemimpin yang berhikmah dan berhemah melalui Misi Nasional, Dato' Seri Abdullah telah menunjukkan kepada kita tentang cara yang terbaik untuk mengucapkan terima kasih kepada pemimpin sebelum kita dan cara yang terbaik untuk berjanji kepada pemimpin sebelum kita bahawa kita akan menyambung dan meneruskan dasar-dasar dan program-program beliau.

Tuan Yang di-Pertua, apakah kekuatan Rancangan Malaysia Ke-9 dari segi perancangannya? Saya lihat empat perkara. Pertama, ia mempunyai lima teras, sebahagian daripada teras tersebut adalah penambahbaikan atau tambah nilai kepada teras-teras yang terdapat dalam rancangan-rancangan sebelum ini. contohnya ialah teras pertama, meningkatkan ekonomi dalam rantai nilai yang lebih tinggi. Meningkatkan ekonomi adalah teras yang sedia ada di dalam rancangan-rancangan sebelum ini tetapi, rantai nilai lebih tinggi adalah tambah nilai yang baru. Manakala terdapat sebahagian daripada teras Rancangan Malaysia Ke-9 adalah teras yang baru atau hala tuju dan visi yang baru.

Contohnya ialah dalam teras kedua, ditekankan soal minda kelas pertama dan dalam teras kelima iaitu mengukuhkan keupayaan institusi dan pelaksanaan.

Pertamanya, soal sistem penyampaian, *delivery system*. Tuan Yang di-Pertua, dalam rancangan-rancangan sebelum ini di dalam buku rancangan tersebut, teras dimasukkan dalam bab pendahuluan. Dalam bab seterusnya, teras-teras itu dirujuk. Tetapi kerana ia tidak disusun dengan sistematik, maka pembaca terutamanya para pembuat keputusan untuk melaksanakan rancangan tersebut sering tidak dapat mengaitkan hubungan antara teras dan program. Pada saya ini adalah antara faktor utama di sebalik kegagalan untuk memahami dan menghayati teras-teras dalam Rancangan-rancangan sebelum ini.

Akibatnya, kita sering tertanya-tanya mengapakah projek-projek tertentu tidak melambangkan misi dan visi serta objektif Rancangan Lima Tahun semasa. Ini membawa kepada kekuatan kedua, dari segi perancangan RMK-9, buku RMK-9 disusun dengan lebih sistematik. Setiap bab diletakkan di bawah teras yang berkaitan. Walaupun tidak mungkin setiap bab secara lengkap diagihkan secara ini. Tetapi, sekurang-kurangnya ia menunjukkan dengan jelas apakah teras yang diwakili oleh bab-bab tersebut. Ini bukan perkara remeh atau kecil. Penyusunan buku dasar yang sebegini besar dengan cara yang lebih sistematik melambangkan perancangan dasar yang dibuat dengan cara yang lebih sistematik.

Tuan Yang di-Pertua, satu daripada kelemahan rancangan-rancangan sebelum ini ialah berlaku kelompongan. Faham Tuan Yang di-Pertua ya, kelompongan? Dan pertindihan dalam pelaksanaannya.

Tuan Yang di-Pertua: Kelompongan ya?

Puan Hajah Siti Rokiah binti Haji Mohd. Zabidin: Ya, kelompongan.

Tuan Yang di-Pertua: Itu bahasa baku ke, bahasa Pahang ke?

Puan Hajah Siti Rokiah binti Haji Mohd. Zabidin: [Ketawa]. Bahasa dalam *dictionary*, ada. Ada kekosongan. Ya, lompong. Dan pertindihan dalam pelaksanaan sesuatu teras. Strategi dan pelan tindakan. Kelompongan berlaku apabila terdapat sesetengah agensi kerajaan yang tidak berbuat sedangkan ia sepatutnya berbuat. Mengapa? Kerana rancangan tidak mengenal pasti ia sebagai salah satu agensi yang terlibat. Pertindihan berlaku kerana terdapat jumlah agensi yang lebih dari sepatutnya yang melaksanakan sesuatu. Mengapa? Kerana rancangan tidak mengenal pasti agensi manakah yang berkaitan dengan perkara tersebut?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, saya pinta laluan.

Puan Hajah Siti Rokiah binti Haji Mohd. Zabidin: Saya tidak. Saya sudah berpantun tadi, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tapi itu harapanlah. Saya tanya sesuatu dengan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terpulanglah Yang Berhormat rasa di hati Yang Berhormat, Yang Berhormat Dato' Dr. Chin bangun hendak bela atau nak buli?

Puan Hajah Siti Rokiah binti Haji Mohd. Zabidin: Tuan Yang di-Pertua, nak membantu. Dato' kata nak membantu.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Nak membantu, bukan nak mengganggu. Saya hendak tahu pendapat Yang Berhormat, kerana ada disebutkan sebelum pelan ini, ada rancang tetapi kerana tidak begitu teliti, maka sudah ada masalah. Saya bawa satu kes yang dilaporkan dalam surat khabar hari ini Tuan Yang di-Pertua. Ini berkenaan dengan pusat MATRADE, Tuan Yang di-Pertua. Dari segi pelaksanaan, sudah jelas di bawah JKR (Jabatan Kerja Raya), dari segi pelaksana sudah jelas di bawah Kementerian itu dan projek ini diberi kepada satu syarikat yang dinamakan Perangsang International Sdn. Bhd. Kos awal ialah RM167 juta. Tetapi projek ini telah lambat 9 tahun. 9 tahun Tuan Yang di-Pertua. Akibatnya, kos sudah meningkat ke RM287.....

Tuan Yang di-Pertua: Bagaimana Yang Berhormat hendak kaitkan dengan apa yang diucapkan oleh Yang Berhormat tadi?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Yes, jadi dari segi sama ada jelas atau tidak, nampaknya kes contoh ini begitu jelas siapa hendak mengawasi kos? Tetapi 9 tahun lewat dalam perkara ini. Dan sudah hilang juga pada *opportunity cost*, peluang kerana tidak sempat sewa tempat ini dan kena sewa satu tempat daripada Sime Darby.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, maksud sudah jelas.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Jadi, kerana itu adakah pada pendapat Yang Berhormat sekarang, Rancangan Malaysia Kesembilan itu akan memastikan perkara semacam ini tidak akan berlaku? Apakah kita sudah ada keyakinan? Terima kasih.

Puan Hajah Siti Rokiah binti Haji Mohd. Zabidin: Terima kasih Yang Berhormat Dato'. Daripada awal tadi saya sudah mengatakan RMK-9 ini meyakinkan kita kerana susunannya adalah sistematik. Kita harap begitulah. Jadi, mengapa Rancangan tidak mengenal pasti... Nanti, saya ini sudah...[Ketawa]. Maaf, apabila berlaku kelompongan, jadi rakyat rugi kerana tidak menerima manfaat yang sepatutnya. Yang kata Dato' tadilah. Apabila berlaku pertindihan, rakyat rugi kerana jumlah dana dibazirkan. RMK-9 cuba memperbaiki kelemahan ini dengan cara mengenal pasti institusi-institusi pelaksana bagi setiap teras. Strategi dan pelan tindakan bagi setiap teras strategi dan pelan tindakan. Ini jelas dilihat dalam setiap bab di mana, di hujung setiap bab disenaraikan agensi-agensi yang terlibat dalam pelaksanaannya. Walaupun senarai itu masih belum sempurna, tetapi ia adalah satu permulaan yang baik, ia ini adalah kekuatan ketiga dari segi perancangan RMK-9. Tuan Yang di-Pertua, kita mesti menerima hakikat bahawa sesetengah pendekatan...

Tuan Yang di-Pertua: Apa pendekatan ketiga tadi? Saya tertarik. Kekuatan pertama, kita menjelaskan soal teras. Kekuatan kedua, ianya tersusun, maka *coherent*. Nombor tiga?

Puan Hajah Siti Rokiah binti Haji Mohd. Zabidin: Memperbaiki kelemahanlah. Kita mesti menerima hakikat bahawa sesetengah pendekatan yang sedia ada, tidak membawa kejayaan yang diharapkan. Yang lama ya? Di antaranya ialah sistem pendidikan yang terlalu berorientasikan peperiksaan. Sistem pendidikan kita memerlukan pendekatan yang baru. Begitu juga dengan beberapa bidang yang lain. Kekuatan yang keempat, dari segi perancangan RMK-9 ialah ia mempunyai banyak cadangan tentang menggunakan pendekatan yang baru dalam banyak bidang. Seperti menekankan tambah nilai ekonomi, memfokuskan kepada pertanian sebagai enjin pertumbuhan ekonomi.

Tumpuan terhadap pembangunan modal insan berkelas dunia. Menyerahkan persatuan dan pemimpin belia kepada belia. Pemuliharaan alam sekitar termasuk sungai, dengan melihatnya sebagai amanah. Bila kita kata amanah, kita mesti bertanggung jawab dan memperbaiki sistem penyampaian dengan tumpuan kepada pejabat daerah, pejabat tanah dan Pihak Berkuasa Tempatan. Tuan Yang di-Pertua, kita harus menerima hakikat bahawa dari segi pembuatan, *manufacturing*, Malaysia sedang dicabar oleh kebangkitan China, yang disebut oleh Dato' Norraesah semalam, ya. Sebahagian *Foreign Direct Investment* (FDI), terutama dari Jepun mulai berpindah ke sana kerana China menawarkan kos pengeluaran yang lebih baik. Kerana itu, kita perlu benar-benar menumpukan pembuatan yang berasaskan teknologi tinggi. Di samping itu, Malaysia masih mempunyai beberapa kelebihan berbanding China, terutamanya dari segi urus tadbir yang lebih telus. Penggunaan bahasa Inggeris yang lebih meluas dan baik. Dan hakikat bahawa tidak munasabah bagi Jepun dan penyedia FDI lain untuk meletakkan semua pelaburan mereka di sesebuah negara sahaja, kerana ia amat berisiko tinggi untuk berbuat demikian.

Tetapi hakikat utama ialah kita mesti benar-benar memberikan tumpuan kepada kekuatan baru yang akan menarik FDI ke Malaysia untuk Sektor Pembuatan. Kekuatan baru ini ialah teknologi yang canggih dan ICT kerana itu MSC perlu benar-benar dikembangkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana serius untuk membangunkan Sektor Pertanian untuk menjadi agen ketiga pertumbuhan ekonomi. Ini terbukti dengan penyediaan dana yang melonjak naik berbanding RMK-8 iaitu sebanyak 70%. Di samping itu, beberapa strategi dan pendekatan baru telah juga diumumkan seperti Program Pertanian Baru, Program Bumi Hijau, tambah nilai, penggunaan ICT yang lebih meluas, menjadikan Malaysia sebagai pusat makanan halal serantau, R&D dipertingkatkan, serta pengkomersialan produk asas tani.

Di sebalik semua ini beberapa persoalan pokok masih perlu diperjelaskan. Adakah strategi ini benar-benar mampu menjadikan pertanian sebagai tonggak ketiga pertumbuhan atau adakah kita sebenarnya bertujuan untuk meningkatkan sumbangan sektor pertanian terhadap pertumbuhan? Atau adakah kita bertujuan untuk meningkatkan pendapatan para petani, penternak dan nelayan serta pengusaha produk pertanian asas tani, atau adakah kita bertujuan untuk meningkatkan pendapatan luar bandar. Jika ini tujuannya, maka ia tidak terhad hanya kepada pertanian sahaja. Atau adakah kita bertujuan untuk mengurangkan dan menghapuskan perbelanjaan mengimport bahan makanan. Jika ini tujuannya adakah kos pengeluaran negara untuk mengkontra kos import adalah lebih kos efektif? Bagaimana sekiranya kos pengeluaran bahan makanan tempatan mengatasi kos mengimport bahan makanan.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang sama, Temerloh, saya sebut juga Temerloh ini, hari ini hanya dibekalkan dengan sebuah traktor sahaja. Soalnya adakah kita mampu menyediakan peralatan yang canggih dan mencukupi. Di samping itu, adakah para Pegawai Pertanian di peringkat daerah di seluruh negara mempunyai kelayakan dari segi ilmu, kemahiran dan sikap untuk mengepalai pendekatan baru ini di peringkat akar umbi.

Dr. Haji. Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat minta bantuan, boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat. Lakukan apa Yang Berhormat selesa. Kita di sini bukan untuk....

Puan Hajah Siti Rokiah binti Mohd. Zabidin: Tidak apalah cuba Dato', berilah.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Puan Hajah Siti Rokiah binti Mohd. Zabidin: Tidak boleh jawab, senyap sahaja. Jemput Yang Berhormat.

Dr. Haji. Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Yang Berhormat, sebenarnya bukan apa saya... Tuan Yang di-Pertua semasa saya membahaskan RMK-9 saya tidak bercakap soal pertanian sebab hendak menumpu kepada yang lain. Tetapi Yang Berhormat menarik perhatian saya kerana dia menimbulkan persoalan pengkomersialan produk asas tani.

Saya terjumpa dengan seorang pengusaha yang mengeluarkan herba, tetapi dia tidak mempunyai paten, sebab dia kata bila paten sekarang ini perlu dapat di Singapura dan kosnya adalah terlalu tinggi. Dan ini yang sebenarnya menjadi permasalahan kepada mereka yang sebenarnya ubat herba dia itu, dia kata, dia pernah dapat duit satu juta Tuan Yang di-Pertua, bila dimakan oleh seorang *millionaire* daripada *South Africa*, makan ubat dia itu, sebab ubat dia itu dibekalkan di hospital di Singapura ketika orang kaya daripada Afrika ini duduk di hospital Singapura. Dan dia *cure*, dan dia mencari orang ini di Malaysia dan dia jumpa di Pagoh dan besar perusahaannya. Jadi dia di bawa ke Afrika dan diberi wang sejuta.

Tetapi itulah masalahnya dia kata, sebab saya jumpa dia di China. Masalah paten tadi, jadi masalah ini yang sebenarnya menjadi kerumitan untuk pengkomersialan produk asas tani ini. Jadi hendak tanyalah kalau sekiranya apa sebenarnya pandangan Yang Berhormat tentang masalah ini. Terima kasih.

Puan Hajah Siti Rokiah binti Mohd. Zabidin: Terima kasih Yang Berhormat. Jadi kita kira, saya ada hendak sebut di hujung nanti, saya tidak jawab lagi ya. Di mana saya tadi ya. Di peringkat daerah terdapat agensi yang berkaitan pertanian, adakah mereka mengkoordinasi kerja-kerja mereka. Saya mencadangkan agar di setiap daerah ditubuhkan jawatankuasa. Jawatankuasa Pertanian Daerah dengan dipengerusikan bersama oleh Ahli Parlimen Barisan Nasional dan Pegawai Daerah, dengan Pegawai Pertanian Daerah sebagai setiausaha. Ia perlu dianggotai oleh semua agensi yang berkaitan termasuk Jabatan Belia dan Sukan untuk menggalakkan belia-belia meminati pertanian dan lain-lain.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, ada sedikit kaitan dengan Yang Berhormat tadi ya. Di dalam kita bercakap tentang industri herba dan bio-tech, sejauh mana pelaksanaan oleh agensi berkaitan ke arah merealisasikan harapan ini. Sejauh manakah pihak berwajib memberi penerangan kepada masyarakat dan golongan sasaran berkenaan dengan aspirasi ini. Apa yang jelas setakat hari ini, rakyat masih kabur tentang pembangunan industri herba dan bio-tech. Oleh itu, pihak-pihak yang bertanggungjawab hendaklah lebih beriltizam untuk memastikan segala hasrat dan visi kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara unggul dalam herba dan bio-tech akan dicapai. Kita risau, tanpa mekanisme pelaksanaan yang sistematik akhirnya herba kita akan kembali ke hutan belantara. Industri ubat-ubatan kita akan terus melata di kaki-kaki lima Chow Kit dan di pasar-pasar malam.

Kalau kita boleh menghasilkan sekurang-kurangnya *pain killer* daripada sumber herba kita sendiri, maka kita boleh berbangga sebagai satu permulaan yang cukup baik. Kadang-kadang, yang menjadi kekangan kepada kita ialah ciptaan atau produk-produk kita tidak mempunyai *commercial value* dengan izin, yang boleh dibangunkan sebagai industri. Kita gah dengan ciptaan-ciptaan yang kita anggap sebagai yang pertama di dunia, tetapi tiada nilai pasaran.

Jadi di sini saya ingin menyarankan kepada pencipta-pencipta ubat-ubatan, ciptalah dengan mempunyai nilai pasaran yang tinggi di peringkat antarabangsa. Ciptalah viagra, dan apa sahaja asalkan ia mempunyai nilai komersial yang tinggi.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, satu daripada teras RMK-9 ialah mengenai matlamat modal insan untuk melahirkan minda kelas pertama. Saya menganggap persoalan modal insan ini sebagai persoalan yang amat mustahak bagi menjamin kelangsungan *survivor* dengan izin bangsa dan negara kita pada masa depan. Sebenarnya modal insan bukanlah persoalan baru, Islam telah lama mewajibkan supaya umatnya supaya menuntut ilmu. Dalam Al-Quran terdapat sepotong ayat yang bermaksud adakah sama di antara yang berilmu dengan yang tidak berilmu. Ayat ini menunjukkan bahawa orang yang berilmu atau modal insan adalah lebih baik daripada orang yang tidak berilmu. Di samping itu, dari segi fitrah perkembangan kemajuan manusia semakin sehari semakin banyak memiliki ilmu. Hari ini modal insan menjadi lebih penting malahan ia perlu ada iaitu tidak boleh tidak, ia perlu ada kerana zaman ini zaman K-Ekonomi dan zaman K-Pekerja.

Persoalan modal insan berkait rapat dengan persoalan K-Pekerja. K-Pekerja perlu memenuhi tiga ciri iaitu:-

- (i) Seorang yang kerjanya menggunakan ilmu jauh lebih daripada elemen lain.
- (ii) Ilmu yang digunakan itu adalah pada tahap yang tinggi.
- (iii) Berkelulusan tinggi, memiliki ijazah atau diploma.

Saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan atas dasar-dasar yang telah diadakan selama ini seperti Dasar Pembangunan Belia Negara, Dasar Pendidikan Kebangsaan, Agenda IT Negara dan Rancangan Malaysia Kesembilan.

Kerajaan juga telah melaksanakan beberapa dasar khusus, nisbah 60:40, Sains dan Sastera, Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar Sains dan Matematik, meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris, Program Literasi IT, memperkasa sekolah kebangsaan, menubuhkan kolej-kolej universiti kejuruteraan, menubuhkan dan menambah Institut Kemahiran Belia Negara, menubuhkan *Multimedia Super Corridor* (MSC) tetapi saya bimbang kalau kita tidak memberikan kriteria yang jelas tentang apa apakah bentuk modal insan yang hendak dilahirkan, maka mungkin melahirkan jenis modal insan yang tidak bertepatan dengan apa yang sebenarnya kita idamkan.

Kita tidak mahu modal insan yang cerdik tetapi tidak patriotik. Kita tidak mahu modal insan yang cerdas tetapi bersifat ganas. Kita tidak mahu modal insan yang kreatif tetapi *destructive*. Sebaliknya kita mahu modal insan yang benar-benar memberikan manfaat kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua: Lama lagi Yang Berhormat?

Puan Hajah Siti Rokiah binti Mohd. Zabidin: Satu lagi *point*.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Puan Hajah Siti Rokiah binti Mohd. Zabidin: Tuan Yang di-Pertua, ini sudah ramai orang sebut, saya hendak sebut lagi. Saya ingin membetulkan beberapa kekeliruan tentang kepimpinan wanita. Kepimpinan wanita sering dilihat sebagai pelengkap sahaja. Tetapi jangan ganggu. *[Ketawa]* Sebenarnya kepimpinan wanita mampu untuk menjadi penentu dan peneraju atau sekurang-kurangnya sebagai rakan kongsi yang saksama peranan, tanggungjawab, kekuatan dan kepentingannya. Kepimpinan wanita sering dikhususkan dengan kerja-kerja tertentu sahaja yang tradisional sifatnya seperti menyediakan makan minum, perhiasan, tempat dan sebagainya.

Sebenarnya kepimpinan wanita mampu berbuat lebih jauh dari itu. Kepimpinan wanita masih menghadapi masalah *glass ceiling*. Dari segi kenaikan dalam organisasi, sepatutnya isu ini telah lama dipecahkan. Peratus wanita dalam kepimpinan masih terlalu kecil. Sebagai langkah sementara, semua pihak harus menggunakan kuota yang sesuai bagi memastikan kedudukan kepimpinan wanita adalah bersesuaian dengan jumlah partisipasi (participation) mereka. Bila cakap itu, susah sedikitlah cakap Melayu.

Tuan Yang di-Pertua: Kenapa tidak guna penyertaan sahaja?

Puan Hajah Siti Rokiah binti Mohd. Zabidin: Penyertaan, ya Tuan Yang di-Pertua. Tetapi kuota ini janganlah pula menyekat wanita daripada menjadi lebih ramai kedudukannya hingga melepasi kuota dalam kepimpinan. Sesetengah organisasi mengkhususkan jawatan tinggi tertentu untuk kepimpinan wanita tetapi ini dijadikan pula alasan untuk menyekat kepimpinan wanita daripada menduduki tempat yang lebih tinggi daripada jawatan yang diperuntukkan itu.

Sepatutnya kepimpinan wanita digalakkan untuk memegang jawatan yang setinggi mungkin, tetapi yang keenam, terdapat pihak tertentu yang menggunakan alasan Islam untuk mengehadkan penyertaan wanita dalam kepimpinan. Alasan tersebut adalah tidak benar. Sebaliknya Islam memberikan tempat yang tinggi kepada penyertaan wanita. Dari segi politik, kedudukan penyertaan wanita negara ini adalah seperti berikut.

- (i) Jumlah menteri – 3/33
- (ii) Peratusan wanita dalam Dewan Rakyat dari 1990 – 5.3%, 1995 – 7.3%, 1999 – 10.5%, kini 10.1%
- (iii) Peratusan wanita dalam Dewan Negara dari 1990 – 18.2%, kini 33.3%

Terima kasih.

Angka-angka yang saya sebut ini menunjukkan bahawa kita telah mempunyai kemajuan tetapi jika dibandingkan dengan negara-negara maju, kita masih lagi ketinggalan dalam politik. Sebenarnya wanita negara ini menghadapi beberapa isu utama iaitu:

- (i) kurangnya koordinasi dan jaringan sokongan antara Ahli-ahli Parlimen wanita dengan NGO;

- (ii) orientasi norma dan struktur yang dikuasai lelaki yang mengekang penyertaan wanita dan boleh membawa kepada *self-esteem* dan keyakinan diri yang rendah;
- (iii) kurangnya mobilisasi sokongan media – itu sebab Datuk Rizuan tegur kerana susah hendak sebut;
- (iv) kurangnya orientasi pendidikan dan latihan politik untuk wanita; dan
- (v) sistem pilihan raya yang tidak *conducive* bagi penyertaan wanita.

Oleh yang demikian, saya mencadangkan agar Kerajaan dengan lebih serius membuat penilaian yang sewajarnya terhadap kedudukan wanita dalam kepimpinan politik dan melakukan apa sahaja langkah yang sesuai termasuk kemungkinan menggunakan kuota, mungkin untuk sementara waktu bagi meningkatkan lagi jumlah dan peratus kehadiran wanita dalam kepimpinan politik negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Tuan Yang di-Pertua, pohon laluan. Habis sudah?

Puan Hajah Siti Rokiah binti Mohd. Zabidin: Habis sudah, Datuk. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Hendak beri laluan juga di ambang....

Puan Hajah Siti Rokiah binti Mohd. Zabidin: Boleh, tidak apa.

Tuan Yang di-Pertua: Ha, boleh? Sedikit.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat. Saya melihatkan hujah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi sungguh bernas dan fokus saya kepada soalan kepimpinan wanita di dalam Kerajaan. Apa pandangan Yang Berhormat dari segi pandangan kepimpinan Kerajaan PAS di Kelantan terhadap peranan wanita? Apakah pandangan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar Kelantan itu selaras dengan hasrat pandangan Yang Berhormat sendiri? Apa pandangan Yang Berhormat?

Puan Hajah Siti Rokiah binti Mohd. Zabidin: Saya rasa pandangan dari Dato' Nik Aziz itu adalah jumud. Sebenarnya dari segi Islam, saya sudah bacakan tadi Islam membenarkan atau menggalakkan wanita untuk memegang beberapa jawatan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau Yang Berhormat tidak baca tadi lagi baik. *[Ketawa]* Dato' Ikhwan Salim.

3.08 ptg.

Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan dan mengizinkan saya mengambil bahagian juga dalam perbahasan Usul Rancangan Malaysia Kesembilan ini.

Sebenarnya saya pun kurang sihat sedikit dan kerana itulah dalam sesi ini saya agak kurang sedikit bercakap. Walau bagaimanapun saya ingin mulakan dengan mengucapkan

tahniah, dengan izin, kepada rakan-rakan termasuk kaum wanita yang berjaya tadi memegang jawatan dalam Kelab Senator kita yang diadakan mesyuaratnya tengah hari tadi. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, saya menganggap Rancangan Malaysia Kesembilan ini sebagai satu rancangan yang agak terpenting kerana dalam dunia yang agak bergolak dari segi ekonominya dalam dunia yang lebih kepada satu dunia yang terbuka, global, sebuah negara Islam yang agak kecil yang membangun sedang mencuba untuk mengorak langkah untuk menjadi sebuah negara yang berjaya dan moden. Dijangkakan, insya-Allah tahun 2020. Kita hanya ada lebih kurang 15 tahun dan satu-satu rancangan ekonomi sudah tentu memakan masa sebelum dapat rasa *effectnya*, dengan izin, dapat dirasai sepenuhnya oleh sesebuah negara.

Saya juga hanya ingin menyentuh beberapa aspek sahaja, aspek yang mungkin memberi keupayaan rakyat supaya boleh mengambil bahagian dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini. Sudah tentulah bila kita kata RMK-9, kita katakan Kerajaan berbelanja dan rakyat merasa sama ada secara *direct*, dengan izin ataupun *indirect*. Dalam hal ini mungkin perkara pertama saya hendak tegur adalah perkara apa yang selalu dikatakan IT ini, Tuan Yang di-Pertua.

IT ini adalah satu kaedah yang pada saya menjadi satu fakta yang tidak boleh kita lari lagi. Maknanya dengan suasana yang global ini, ITlah yang boleh menentukan antara lain kaedah komunikasi kita dengan dunia dengan senang, tetapi pada masa yang sama kerana ciri-ciri IT ini bergerak dan bertukar begitu cepat, kita harus juga mengambil iktibar daripada perkara-perkara yang telah pun berlaku.

Sebagai contoh kalau dahulu kita melalui analog sistem dengan izin, telekomunikasi mobil kita Atur dulu. Tetapi, ada negara-negara sekarang yang terus pergi ke digital tidak melalui era analog. Jadi, pada masa yang sama kalau tidak kita jaga negara-negara yang dipandang di belakang kita ini boleh melonjak ke depan kita kalaulah mereka dapat menguasai perkara-perkara tertentu yang kadang-kadang kita lalai dan tidak mementingkan sangat.

Sebagai contoh baru-baru ini saya agak terkejut apabila anak saya cerita dia sendiri ada *order* satu jenis pakaian menerusi Eropah tapi datangnya daripada negara Thailand. Jadi, saya menegur beliau lebih elok kalau engkau jual daripada engkau beli. Jadi, maknanya memanglah dengan kaedah IT ini kita boleh menjadi penjual dengan senang kalau kita tahu cara-cara untuk menggunakan IT.

Jadi, dengan itu antara lain Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan kalau peraturan mengizinkan kadang-kadang kita pun Ahli-ahli Dewan yang mulia ini dapat buku-buku yang begitu tebal boleh ke kita terima menerusi disket ke ataupun juga mungkin soalan-soalan dihantar juga melalui *e-mail* supaya memaksa kita sebagai Ahli Dewan untuk menggunakan kaedah IT ini dengan harapan ini juga akan kita sampaikan kepada keluarga anak cucu kita.

Tuan Yang di-Pertua: RMK-9, bukankah dibekalkan juga melalui satu disket.

Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak: Itu tandalah itu. Tapi, maksud saya yang kita terima harian inilah Tuan Yang di-Pertua. Jadi, maksud saya dalam kita melaksanakan program-program RMK-9 ini, kita jangan lupa bahawa dalam dunia sekarang tanpa mengetahui komputer dan mengendali komputer saya rasa dah pun susah untuk mendapat kerja.

Jadi, apakah cara-caranya kita menentukan anak-anak kita bukan sahaja mengenali komputer tapi boleh mengendalikan komputer dengan baik supaya mereka-mereka ini boleh berkomunikasi, boleh menggunakan komputer dan boleh pada nanti apabila dewasa mendapat kerja dengan lebih senang dan insya-Allah boleh pun orang kata menggunakan kaedah ini sekarang untuk orang kata melihat dunia menerusi komputer. Jadi, adalah harapan saya kalau perkara ini diberi tumpuan supaya cara kita menentukan anak-anak kita jinak dengan komputer ini dapat dipertekankan.

Aspek kedua yang sering saya bangkitkan Tuan Yang di-Pertua, adalah aspek juga implementasi iaitu cara bayaran. Setiap kali saya bangkitkan isu ini, kementerian dan kerajaan menjawab mengatakan dasar sudah ada dan ini adalah yang jawapan diberi. Tetapi, mungkin kita ramai tahu dari segi dasar, dari segi praktiknya tidaklah sama. Tentang sistem bayaran saya sering mengatakan kita hendak bangunkan kontraktor, kita hendak bangunkan projek, kita hendak bangunkan usahawan.

Tetapi, pada masa yang sama ramai antara usahawan ini lebih-lebih lagi bumiputera berkurangan modal dan sudah tentu bila berkurangan modal memerlukan satu aliran tunai yang sihat, kalau mahu menjalankan sesuatu perniagaan. Aliran ini hanya boleh kita capai kalau yang berniaga itu tahu bila bayaran dibuat dan bila dia boleh terima bayaran-bayaran yang di *claim* selepas dia buat kerjanya. Kalau sekarang dari segi praktiknya saya rasa ramai tidak boleh menduga walaupun mengikut dasar sebagai contoh diberitahu hari itu Kelas F, dua minggu selepas surat mula kerja diberi 50% dibayar secara automatik.

Tetapi, sebenarnya tidak berlaku setahu saya dan tidak pun dituntut oleh kontraktor kerana takut disenaraikan hitamkan oleh agensi-agensi ini kerana memberi lebih kerja mungkin, kepada pegawai-pegawai untuk mengeluarkan wang ini dengan mengikut dasar. Jadi, saya merasakan ini amat penting Tuan Yang di-Pertua, kerana kalaulah ini yang kecil-kecil dan kita hendak bangunkan kontraktor apatah lagilah yang besar tu walaupun yang besar tu sudah bermodal mungkin yang kecil ini langsung tidak ada modal. Maka wujudlah masalah di mana kontraktor-kontraktor kecil bumiputera membuat keputusan untuk menjual kontrak mereka kepada mereka-mereka yang ada modal.

Jadi, perkara ini saya harap kalau boleh biarlah dasar itu boleh diimplementasikan dan masa-masa tertentu diberi dan diikuti oleh agensi-agensi kerajaan supaya dapat dibayar mengikut masa. Tuan Yang di-Pertua, satu lagi adalah perkara tadi juga di bincang modal insan. Saya merasakan sebenarnya setiap insan yang ada di dunia ini memang pun dah ada modal. Hanya kita perlu cara *switch* dengan izin, yang ada di negeri kita untuk menentukan tahap modal

kita itu ke tingkat mana. Sebagai contoh, saya merasakan setiap insan ini didorong sama ada kerana takut ataupun mahu sesuatu. Saya teringat diri saya dulu masa sekolah takut kalau tidak lulus terpaksa mungkin kerja peringkat bawahan dan pulanya mahu juga satu kehidupan yang boleh dikatakan percaya.

Jadi, dengan azam itu pun kita bekerja kuat dan belajar kuat-kuat Alhamdulillah, mungkin bolehlah dikatakan modal yang ada itu tingkatlah sedikit daripada dahulu. Jadi, pada saya modal insan ini sebenarnya adalah cara kita memikir pemikiran di luar kotak yang selalu diperkatakan di mana pada pandangan saya sesuatu program harus diadakan. Cara mana hendak kita ubah fikiran orang-orang kita supaya modal yang ada dapat ditingkatkan pada individu yang ada. Kita tidak boleh hanya meninggalkan dengan mengatakan tidak apalah setakat mana yang dia boleh tingkat, dia tingkat tetapi kita kena dorong dan kena cuba cari jalan cara mana hendak kita tingkatkan modal insan ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya rasa perkara-perkara yang juga menjadi satu kerumitan bagi rakyat kalau di kawasan saya antara lain ramai juga yang menjadi *guarantor* dan peminjam beli kereta kemudian di *blacklist*. Saya merasakan perkara ini sebenarnya apabila mereka mula meminjam ataupun *guarantee*, perkara-perkara ini menandatangani bukan di dalam bank selalunya di luar bank dan apabila bermasalah mereka langsung pun tidak tahu cara mana hendak menyelesaikan masalah ini. Jadi, apa yang berlaku mereka biarkan dan lama-kelamaan akan mereka terwujudlah dalam senarai hitam ini dan langsunglah tidak boleh meminjam pada masa-masa hadapan. Saya rasa pihak mungkin lama kerajaan harus cuba bantu golongan ini.

Ini amat penting dan saya bimbang kerana saya lihat semakin ramai yang terjerumus dalam perkara ini yang sedikit sebanyak akan menyebabkan ramai rakyat yang tidak boleh mengambil bahagian dalam rancangan-rancangan yang sedang membangunkan negara kita. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya apa yang saya katakan antara lain adalah lebih kepada aspek perubahan minda dan sebagainya. Saya tengok juga di kawasan Petaling Jaya sebagai contoh apabila saya selesaikan masalah setinggan wujud pula satu lagi masalah yang kita katakan vandalisme yang sebenarnya semakin serius.

Saya juga hari itu ada tanya masalah ini kepada kerajaan dan jawapan yang diberi adalah sedang dikaji. Kita boleh lihat sebenarnya di banyak negara apabila sahaja rumah-rumah kos rendah dibina dengan begitu banyak maka wujudlah masalah antara lain masalah vandalisme juga kadang-kadang masalah perpaduan di antara penduduk kalau dibandingkan di kawasan setinggan di mana mereka ini boleh dianggapkan sebagai duduk di dalam sebuah kampung.

Jadi dari segi itu juga kerajaan harus mainkan peranan untuk menentukan bahawa perkara ini dapat dikawal dari mula lagi. Sekarang ini di Selangor sahaja hampir 40,000 setinggan tahun ini telah dipindahkan kepada rumah-rumah baru dan menjelang tahun hadapan

insya-Allah di Selangor tidak akan ada lagi setingan. Tetapi wujudlah pula masalah apabila mereka semua masuk ke rumah-rumah *low cost* yang telah pun dibina.

Saya mengharapkan kita pandang perkara ini sebagai serius kerana kalau di negara-negara jiran dapat mengawal cara hidup dan saya rasa insya-Allah kita pun boleh cari jalan kerana pada saya ini perkara yang kadang-kadang nampak tidak serius tapi amat serius. Di tempat saya ada juga dikatakan lif itu sebagai satu permainan yang mereka turun naik tidak berhenti kerana dahulu jarang naik lif jadi sekarang ini sudah ada lif dia naiknya lif itu turun naik tanpa berhenti sebagai satu hiburan kepada mereka. Jadi ini sudah tentu merosakkan dan ada masalah hingga pintu lif pun dijual dan sebagainya untuk mereka mencari sumber kewangan dan sebagainya.

Jadi apa yang saya sentuh Tuan Yang di-Pertua saya pun tidaklah mahu bercakap panjang. Saya tahu ramai rakan-rakan mahu bercakap. Saya hanya merasakan memang tepat sekali apa yang diusulkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita itu begitu baik tapi saya pun memang bersetuju ramai menyentuh tentang cara implementasi. Itu pun sebenarnya dari segi sistem saya tidak rasa tidak baik tetapi apa yang perlu ialah kita harus memahami. Memahami bahawa apa yang kita lakukan pegawai-pegawai kerajaan lebih-lebih lagi tahu sama ada apa yang dilakukan itu adalah boleh membantu secara *direct* dan *indirect*. Saya sentuh tadi apabila bayaran yang dibuat dengan tepat sudah saya kata dahulu apa dikatakan *diver lost city of money* dengan izin. Maknanya kalau duit itu berpusing lebih laju lebih ligat, ini akan membantu pertumbuhan ekonomi. Jadi kita kena pandang bahawa bayaran yang cepat itu sebenarnya boleh membantu negara kita dan bukannya untuk kita buat suka tidak suka hendak bayar mengikut masa atau tidak.

Jadi apa yang saya tekankan di situ Tuan Yang di-Pertua, kita sebagai penggubal dasar, kita juga sebagai yang mengimplementasikan pegawai-pegawai kerajaan juga yang melakukan kerja ini harus memahami bahawa RMK-9 ini adalah satu rancangan dan ia hanya akan jadi satu rancangan melainkan diimplementasikan dengan betul.

Jadi inilah harapan saya agar kita dapat melaksanakan RMK-9 ini dengan baik supaya insya-Allah negara kita ini akan dapat mencapai objektif kita menjadi negara maju pada tahun 2020. Dengan kata-kata itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyokong usul ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani kemudian Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff.

3.24 ptg.

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Bismillah hirahmanirahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat sejahtera. Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan yang saya hormati sekalian. Terima kasih saya ucapkan. Kita bersyukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan izin dan kurnianya juga, Rancangan Malaysia Kesembilan telah

dapat diolah dan di bentang di Dewan Rakyat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi pada 31 Mac yang lalu. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya membahaskan RMK-9 bagi tempoh 2006 hingga 2010 berserta misi nasional seperti yang telah dibentangkan di Dewan ini oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak.

RMK-9 telah dibentuk dengan hasrat untuk membina kemakmuran merupakan antara rancangan Malaysia yang penting dalam sejarah negara. Memandangkan negara kini berada pada titik pertengahan dalam perjalanan ke arah 2020. Alhamdulillahlah, biarpun banyak rintangan yang telah dilalui oleh negara sepanjang tempoh yang lalu, berkat kegigihan pemimpin kerajaan Barisan Nasional dan kekuatan rakyat negara berjaya menyatukan usaha menggabungkan tenaga mencapai pertumbuhan ekonomi dan kemajuan sosial yang membanggakan.

Meskipun telah berjaya melalui 15 tahun yang lalu dengan baik kita tidak boleh bersikap alpa dan lalai bagi menghadapi cabaran yang akan datang seperti yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, fasa yang akan kita lalui pada masa akan datang akan lebih mencabar khususnya di dalam melalui era globalisasi dan liberalisasi. Di samping itu, negara juga perlu bersedia menghadapi cabaran dengan kehidupan masyarakat Malaysia yang kini telah banyak berubah mengikut arus kemajuan negara dan dunia. Negara perlu mengatasi pelbagai cabaran ini dengan bijak dan berkesan. Bagi mencapai matlamat wawasan 2020 seperti kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita mesti menjadikan 15 tahun ini tahun-tahun yang terbaik. Kalau usaha kita untuk berdiri megah pada tahun 2020 nanti mengumumkan bahawa wawasan yang kita gagahkan telah tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap hanya dalam konteks bekas tentera sahaja sebab yang ini kurang diperkatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Jadi saya lihat bahawa Kementerian Pertahanan tidak begitu *glamour* dengan izin dalam Dewan yang mulia ini. Saya harap di masa akan datang lihatlah Kementerian Pertahanan. Janganlah lupa Kementerian Pertahanan adalah kementerian yang penting selain daripada Kementerian Pelajaran dan sebagainya.

Persatuan Bekas Tentera Malaysia mengalu-alukan RMK-9 dan akan sentiasa bersama kerajaan untuk menyokong strategi dan menghadapi cabaran untuk melalui fasa kedua ke arah mencapai matlamat Wawasan 2020 serta merealisasikan misi nasional yang telah digubal oleh pihak kerajaan. Tuan Yang di-Pertua, apa yang telah dicapai oleh negara sehingga kini tidak akan dinikmati sekiranya keselamatan negara terancam dan keadaan politik yang huru-hara. Di samping itu, di dalam merealisasikan RMK-9 yang telah digubal itu kita perlu sedar bahawa keselamatan negara dan kestabilan politik juga merupakan agenda penting yang tidak boleh dipandang remeh oleh rakyat. Keselamatan negara dan kestabilan politik yang kita nikmati sejak

merdeka telah membolehkan kita semua menikmati kemajuan pada hari ini dan pada masa akan datang.

Kita tidak boleh lupa dan nafikan bahawa kemajuan yang telah dicapai oleh negara yang kita nikmati pada hari ini adalah sebahagian besarnya hasil dan peranan pasukan keselamatan khususnya pasukan Angkatan Tentera Malaysia dan Polis Diraja Malaysia di dalam memastikan keselamatan dan kestabilan politik negara. Justeru itu, peranan dan pengorbanan bekas-bekas angkatan tentera dan pasukan keselamatan serta peranan anggota-anggota yang terlibat dalam apa sahaja yang berlaku ke huru-haraan dalam negara yang mana kita dapat menikmati hasil pada hari ini dan yang akan...

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat, minta laluan.

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Okay.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat, menyebut tentang keselamatan negara sumbangan daripada tentera kita.

Yang Berhormat sendiri pernah menjadi anggota tentera. Saya hendak tahu tentera kita sekarang ini memang hebat atau tidak dalam taktik peperangan ini, pandaikah atau tidak pandaikah. Sebab saya ambil contoh, saya Mejar (Kehormat) Askar Wataniah. Kami mengadakan pertandingan menembak persahabatan antara kami yang baru masuk Askar Wataniah dengan Pasukan Bekas Angkatan Tentera.

Apabila pertandingan menembak dijalankan apabila ditiup wisel sahaja, kami menang dan bekas tentera ini lambat menembak dan tidak kena pun apabila mereka menembak. Saya pun rasa dia orang ini handalkah atau handal dalam peperangan ini. Apa pandangan Yang Berhormat sebenarnya.

Datuk Haji Muhamad bin Haji Abdul Ghani: Saya pun bukan sekarang berada dalam angkatan tentera. Walau bagaimanapun, kita rasa kemungkinan kalau Yang Berhormat berasa sendiri bahawa tidak ada kehandalan, oleh itu kalau berlaku tidak kehebatan angkatan tentera, kita minta supaya angkatan tentera yang ada pada hari ini banyakkkan lagi latihan. Kemungkinan mereka merasai pada masa sekarang negara aman dan maju, kurang buat latihan. Itulah harapan kita supaya Kementerian Pertahanan Malaysia akan berusaha mempertingkatkan latihan supaya angkatan tentera kita betul-betul megah atau betul-betul kuat untuk mempertahankan negara kita daripada ancaman daripada luar dalam negara di masa yang akan datang.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih. Tadi, Yang Berhormat Datuk ada menyentuh tentang kurangnya Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbincangan isu Kementerian Pertahanan Malaysia. Apa pandangan Yang Berhormat Datuk, mungkin suatu persepsi di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Negara menganggapkan

tahap ini prestasi dan *performance* Kementerian Pertahanan Malaysia berada di tahap yang baik. Untuk menentukan sama ada angkatan tentera kita, tahap yang bagus, baik hanya boleh diuji apabila berlakunya peperangan. Maklumlah sekarang ini kita belum lagi diuji dengan peperangan namun prestasi angkatan tentera di peringkat antarabangsa, di peringkat United Nation sudah terserlah akan prestasinya. Apa pandangan Yang Berhormat.

Dato' Haji Muhamad bin Haji Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua, memang kita daripada itu perkara-perkara yang kita tidak persoalkan sama ada baik ataupun tidak baik. Itu pandangan masing-masing. Tujuan saya, saya melihat bahawa memang setiap organisasi kata orang itu kalau tidak mahu ada masalah rumah tangga, jangan kahwin, bererti tidak ada masalah rumah tangga.

Ini menunjukkan bahawa saya rasa pihak Yang Berhormat kemungkinan tidak memfokus kepada angkatan tentera. Kita ada pendidikan banyak apa semuanya. Semuanya tidak ada. Sedangkan dalam angkatan tentera pun banyak masalah-masalah yang dihadapi seperti kata kem-kem yang ada pada hari ini ada lagi yang masih dindingnya kayu yang sudah berpuluh-puluh tahun yang juga kedudukan bekas tentera itu sendiri, elaun-elaun bekas tentera itu sendiri yang pencen mereka tidak seimbang. Kalau dahulu pencen, orang yang lama berhenti sekarang pencen yang tidak mencukupi. Lebih daripada 8,000 orang yang berpencen dan hidup di bawah taraf kemiskinan bekas-bekas tentera pada masa kini.

Saya yakin dan percaya keluarga bekas tentera dan ahli saya sendiri hampir 170,000 orang dalam Malaysia ini bererti tahu macam mana kedudukan bekas-bekas tentera yang ada pada hari ini sehinggakan dua atau tiga tahun yang lepas sangat merosot rakyat atau generasi muda untuk menyertai pasukan keselamatan. Oleh sebab keadaan ekonomi sudah menurun sedikit kemungkinan payah mendapat pekerjaan, maka barulah sekarang ramai generasi muda menyertai pasukan keselamatan.

Di sini kita rasa bahawa wajarlah kita banyak melihat bahawa kedudukan angkatan sendiri seperti kita kata kapal selam, kita pun sekarang tidak sampai lagi kapal selam yang *order* dua biji entah apa ceritanya pun tidak tahu. Kedudukan perumahan bekas tentera, berhenti tidak ada rumah dan sebagainya, banyak masalah-masalah yang kita hadapi.

Saya haralah supaya pihak Dewan ini Ahli-ahli Yang Berhormat Senator di masa akan datang dapat membantu menolong tambahan saya pun wakil tahun sudah habis, lepas itu tolong-tolonglah sedikit.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir : Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan Yang Berhormat tadi. Saya hendak tanya keselamatan negara kita ini begitu penting sekali. Alat-alat yang ada di Kementerian Pertahanan itu ataupun yang dipakai oleh pasukan keselamatan itu canggihkah? Tadi saya terkejut juga, kita tidak ada kapal selam di Malaysia ini kemudian *order* baru dua buah bermakna sebelum ini kita adakah kapal selam di Malaysia ini?

Satu lagi, semasa dalam tentera sudah tentulah tentera ini akan pencen dan bekas-bekas tentera ini banyak berjasa kepada negara. Bagaimanakah kebajikan mereka ini? Siapakah yang bertanggungjawab, persatuankah, kerajaan persekutuankah? Ataupun kerajaan negeri. Kita lihat hari ini semasa bekas-bekas tentera yang dahulu ada yang kudung kaki, ada yang tangan tidak ada sebelah, bagaimanakah kebajikan mereka ini dijaga dan hari ini kita lagi kita ada PERHEBAT, kita ada persatuan, bermacam-macam, tetapi kenapa sampai hari ini Derma Tabung Hari Pahlawan masih lagi dikutip di merata-rata. Adakah persatuan ini masih lagi tidak boleh menjaga kebajikan ataupun kerajaan ataupun kerajaan negeri. Apa pendapat Yang Berhormat?

Datuk Haji Muhamad bin Haji Abdul Ghani: Terima kasih.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Mohon laluan sedikit.

Datuk Haji Muhamad bin Haji Abdul Ghani: Jawab dulu. Jawab dulu, boleh.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Sedikit sahaja, berkaitan. Saya tertarik dengan kenyataan Yang Berhormat tadi mengenai pencen pesara-pesara tentera ini di bawah garis kemiskinan. Saya ingin tahu berapakah gaji *entry point* yang diterima oleh askar-askar yang mungkin menjadi satu faktor mengapa tidak ramai yang berminat untuk menyertai anggota tentera. Terima kasih.

Datuk Haji Muhamad bin Haji Abdul Ghani: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya persenjataan, kelengkapan ketenteraan dalam Malaysia ini hanya 'canggih ala Malaysia', jadi, Dato' Seri Najib pun mengatakan bahawa dia akan memperlengkapkan alat-alat peperangan dan sebagainya atas kemampuan. Ini pun saya tidak boleh terangkan dengan lebih jelas bahawa yang saya dapat nyatakan ialah 'canggih ala Malaysia'.

Berhubung dengan tanggungjawab bekas-bekas anggota tentera memang kerajaan prihatin kepada bekas-bekas anggota tentera telah menubuhkan PERHEBAT (Perbadanan Hal Ehwal Bekas Anggota Tentera). Tujuannya untuk memberi ilmu pengetahuan. Kerana wawasan satu anggota satu kemahiran, satu pekerjaan, satu rumah supaya tercapai. Wawasan kerajaan sebegitu jika sekiranya kakitangan yang diamanahkan untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab tidak disempurnakan, maka tidak mungkin wawasan itu tercapai.

Pada dulu berpuluh-puluh tahun dahulu, persatuan ini berumur sudah 80 tahun. Dahulu kita memang kutipan Rayuan Hari Pahlawan dan mencari sumber kewangan, membantu menjaga kebajikan bekas-bekas anggota tentera. Pada tahun 1994, maka kerajaan telah menubuhkan PERHEBAT (Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera) mengambil alih kebajikan dan segala-galanya untuk memberi kemudahan kepada bekas-bekas anggota tentera dan pula pada tahun beberapa tahun yang lepas, saya pun sudah lupa, ditubuhkan pula Jabatan Hal Ehwal Veteran untuk memberi pekerjaan, sebagai *one stop centre*, menjaga kebajikan bekas-bekas anggota angkatan tentera dan membahagi bantuan itu pada masa kini ada sebanyak RM100 atau RM200.

Sepatutnya bagi lebih sedikitlah dalam RM200 lebih supaya dapat memberi faedah kepada keluarga bekas-bekas anggota angkatan tentera. Persatuan memainkan peranan, kalau dahulu kita membantu, sekarang ini kita sebagai memerhati dan menjaga serta melihat apakah peranan-peranan yang telah dimainkan oleh mereka ini sebagai "*special group*" dengan izin.

Tanggungjawab hal kebajikan bekas anggota angkatan tentera sekarang, kerajaan telah mengamanahkan keadaan Jabatan Hal Ehwal Veteran, bukan lagi Persatuan Bekas Tentera Malaysia sepenuhnya. Walau bagaimanapun, persatuan dua, tiga tahun yang lepas kita tidak membuat kutipan Rayuan Hari Pahlawan kerana pihak Jabatan Hal Ehwal Veteran yang membuat kutipan melalui Yayasan Veteran ATM.

Jadi, pihak kita iaitu persatuan ini membantu juga bekas-bekas anggota angkatan tentera yang dapat dibantu oleh Jabatan Hal Ehwal Veteran dan juga memberi kecepatan bererti seseorang itu bermasalah, terus kita membantu, lepas itu kita tuntutan balik dengan Jabatan Hal Ehwal Veteran. Mereka akan membayar pada masa yang lepas kerana kalau hendak ikut proses memberi bantuan memakan masa, kadang-kadang dua bulan atau tiga bulan. Kalau kerusi roda dia minta, kalau tunggu Jabatan Hal Ehwal Veteran beri, kadang-kadang itu.....

Dato Haji Roslan bin Awang Chik: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

Dato Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Nanti sekejap...apabila tunggu Jabatan Hal Ehwal Veteran bagi kerusi roda, kawan itu sudah meninggal dunia. Jadi, lambat, memakan masa. Okey, Yang Berhormat.

Dato Haji Roslan bin Awang Chik: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat. Kita sedar dan mengakui bahawa kehebatan keamanan negara kita Malaysia ini salah satunya ialah disebabkan oleh tentera dan juga polis. Maka, pihak kerajaan juga telah menubuhkan beberapa koperasi ataupun syarikat untuk melihat bahawa kebajikan tentera ini dipelihara dan diambil, tidak diabaikan seperti LTAT, yang telah ditubuhkan oleh kerajaan dan telah pun memperniagakan dengan saham-saham yang begitu banyak yang telah diperuntukkan khusus kepada angkatan tentera ini, LTAT.

Dan, di manakah agihan, cara manakah agihan keuntungan-keuntungan yang telah diperolehi daripada saham-saham yang telah dibuat seperti bangunan yang begitu besar dan indah, Bostan, saya percaya juga di bawah naungan LTAT dan sebagainya. Jadi, saya pun khawatir dan takut apabila begitu ramai ahli-ahli, 100 ribu lebih yang menjadi bekas tentera ini masih terabai dan terumbang-ambing di dalam menghabiskan di depan mereka dan melihat bahawa keadaan keluarga mereka tidak dibela dengan begitu teratur.

Jadi, dengan begitu banyak kerajaan memberi bantuan, agihan, kekayaan negara kepada Lembaga Angkatan Tentera ini, di manakah kekayaan ini diagihkan. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Kita tahu bahawa memang banyak kemudahan-kemudahan pihak kerajaan memberi kepada LTAT dan sebagainya. Bagi

pandangan mereka ataupun anggapan mereka, LTAT ini menjaga tentera-tentera yang sedang berkhidmat, jadi tidak nampak sumbangan yang LTAT membantu kepada keluarga bekas tentera yang boleh dimegahkan atau dibanggakan. Hanya dalam lima, enam tahun yang lepas, Datuk Seri Najib telah menubuhkan satu yayasan, iaitu Warisan Bekas Angkatan Tentera. Ini satu yayasan membantu, sekadar memberi biasiswa kepada penuntut-penuntut UPSR/SMR untuk sekian lama. Jadi, lebih kurang dalam saya jangka dalam RM2 juta setahun adalah pihak-pihak itu menyumbang kepada pelajaran anak-anak warisan, bekas perajurit memang ada.

Tetapi oleh sebab ramai dan juga banyak masalah-masalah yang dihadapi oleh bekas-bekas angkatan tentera terutamanya kepada mereka yang berhenti pencen semasa umur masih muda. Setelah berkhidmat 18 tahun, jadi dia tidak ada pencen. Dua tahun lagi hendak dapat pencen, dia berhenti. Sebab apa kalau berhenti dalam masa 18 tahun, dia dapat ganjaran lebih kerana tidak mengambil pencen, maka dia mengambil kesempatan berhenti. Apabila berhenti dia berniaga, dia tidak ada pengalaman dalam masa enam bulan duit ganjaran, duit bonus, maka habis begitu sahaja. Apabila sudah lama-lama, menjadi masalah kepada bekas angkatan tentera lepas itu, inilah yang menjadi masalah berterusan. Di sini juga kita berharap pihak kerajaan mengkaji balik supaya janganlah menggalak ataupun memberhentikan supaya bakal-bakal pesara ini bekerjalah sehingga pencen. Tambahan sekarang pun gaji boleh dikatakan lumayan.

Jadi, itulah antara lain kita dapat tahu bahawa masalah yang dihadapi oleh bekas-bekas tentera terutama yang tidak berpencen dan yang lama-lama, yang berhenti tahun 1965 dahulu, yang sudah pergi Congo dan sebagainya, inilah menjadi masalah yang kita hadapi dan sebagainya, kerana mereka ini tidak minat berniaga, maklum sahajalah tentera ini jarang yang menceburkan dalam perniagaan. Kalau mencebur pun, kadang-kadang sikapnya lekas marah dan sebagainya, susah untuk mendapat peluang-peluang perniagaan dan sebagainya. Ada lagi?

Tadi berkenaan dengan rayuan pahlawan – jawab sekali. Sekarang ini, Persatuan Bekas Tentera Malaysia akan buat kutipan Hari Pahlawan juga pada tahun ini, kerana Hari Pahlawan ini walau bagaimanapun, kita tidak boleh tinggal sebab untuk mengingati perjuangan-perjuangan, walaupun kita merdeka tanpa pertumpahan darah tetapi sebelum dan selepas merdeka banyak darah mengalir di bumi yang kita cinta ini.

Jadi untuk generasi muda tidak melupakan, maka kempen Hari Pahlawan ini dan wajar diteruskan supaya dia tahu bahawa kemerdekaan ini bukan datang dengan sekelip mata dan susah, untuk ingatan, tidak bagi pun tidak apa. Kalau boleh beri sikit pun tidak apa, yang pentingnya mengingati jasa-jasa perjuangan yang telah dijalankan oleh warga tentera dan sebagainya. Mana ini? [*mencari nota*]

Tuan Yang di-Pertua: Ketua Bentara Dewan yang paling minat mengikuti ucapan Yang Berhormat ini.

Dato Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Apa dia? Fasal dia bekas tentera. [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Kolonel.

Dato Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Mana ini [*mencari nota*]. Peranan dan pengorbanan bekas-bekas angkatan keselamatan serta peranan anggota-anggota keselamatan sedang berkhidmat kini dan yang akan berkhidmat pada masa akan datang tidak boleh sepatutnya dipandang cuma dengan sebelah mata.

Tuan Yang di-Pertua, peranan dan kerjaya sebagai anggota pasukan keselamatan pada hari ini sering dipandang sepi dan dipelekehkan oleh masyarakat. Rata-rata masyarakat menganggapkan kerjaya sebagai anggota pasukan keselamatan pada hari sebagai kerjaya yang, dengan izin, tidak *glamour*. Kalau dahulu *glamour* di sini. Dahulu kalau kita masuk tentera ramai perempuan-perempuan pun mahu sekarang ini sudah kurang. Fasal ada gaji, sekarang tidak ada gaji.

Tuan Yang di-Pertua: Saya pun dengar begitu, tetapi di Kelantan.

Dato Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Di Kelantan! Saya pun begitu berebut juga. [Ketawa] Termasuk cikgu besar. [Ketawa] Yang cuma layak diceburi oleh masyarakat kelas bawahan dan kurang kelulusan. Tanggapan ini lahir kerana masyarakat kita pada hari ini terlalu mementingkan semangat kebendaan yang sekali gus telah mengikis semangat patriotik rakyat kita.

Justeru, sekiranya bancian dibuat mengenai sebab-sebab mengapa seseorang itu menganggotai pasukan keselamatan saya percaya rata-rata adalah kerana mereka tidak mempunyai pilihan pekerjaan yang lain selain daripada menjadi anggota pasukan keselamatan seperti yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Rakyat adalah aset negara paling berharga, pembangunan modal insan dan anjakan minda dan pemikiran warga merupakan salah satu cabaran terbesar. Dalam konteks dunia global, modal insan bermutu tinggi adalah satu keperluan bukan lagi satu kemewahan.

Oleh yang demikian, usaha membangunkan modal insan berkualiti bagi anggota-anggota keselamatan dan bekas angkatan tentera, pasukan keselamatan hendaklah dipergiatkan. Di dalam membimbing bekas pasukan keselamatan, persatuan bekas tentera Malaysia menyokong supaya pendekatan pembangunan modal insan hendaklah dibuat secara *holistic* dan menekankan pembangunan ilmu pengetahuan, kemahiran modal kepintaran termasuklah ilmu sains teknologi dan keusahawanan dan juga membudayakan sikap progresif serta nilai etika dan moral yang tinggi.

Persatuan Bekas Tentera Malaysia tidak mahu ketinggalan melihat bekas-bekas pasukan keselamatan serta anggota-anggota pasukan keselamatan sendiri sebagaimana dari sumber modal insan negara, yang penting di dalam agenda pembangunan negara. Sebagai

merealisasikan teras pembangunan modal insan, Persatuan Bekas Tentera Malaysia berpandangan adalah menjadi peranan kerajaan untuk:

- (i) mengubah minda dan sikap masyarakat terhadap kerjaya pasukan keselamatan. Kerajaan perlu mengambil kira bahawa latihan-latihan kerjaya bagi anggota pasukan keselamatan adalah sebagai sebahagian daripada program pembangunan modal insan yang tidak boleh diketepikan dalam masa yang sama. Masyarakat perlu disedarkan mengenai nilai latihan dan pengalaman bekas-bekas angkatan tentera pasukan keselamatan yang boleh manfaat di dalam pembangunan negara bagi mencapai matlamat Rancangan Malaysia Kesembilan;
- (ii) anggota-anggota pasukan keselamatan hendaklah mempunyai kelulusan dan kebolehan yang tinggi, peralatan ketenteraan yang serba canggih yang dilengkapkan kepada pasukan keselamatan pada hari ini tidak akan bermakna dan akan menjadi 'gajah putih' sekiranya anggota-anggota tentera tidak mempunyai kelayakan dan kebolehan mengendalikannya. Tidak ada makna kerajaan membelanjakan berjuta-juta ringgit sekiranya peralatan tersebut tidak dapat di kendali oleh anggota-anggota pasukan keselamatan. Pengetahuan dan kemahiran ini akan memanfaatkan mereka setelah tamat perkhidmatan;
- (iii) bagi meningkatkan nilai modal insan di dalam pasukan keselamatan, anggota-anggota pasukan keselamatan hendaklah terus diberi peluang dan kemudahan untuk meningkatkan diri dalam pelajaran, sekali gus dengan kelulusan yang ada ini akan memartabatkan kerjaya sebagai anggota pasukan keselamatan setanding dengan orang awam. Malahan anggota pasukan keselamatan yang mempunyai kelayakan ini akan sekali gus mendapat peluang keutamaan pekerjaan yang lebih terjamin setelah meninggalkan perkhidmatan mereka nanti.

Selain dari itu kelulusan dan pengalaman yang berharga ini akan menambahkan minat lebih ramai masyarakat menganggotai pasukan keselamatan;

- (iv) penekanan penggabungan modal insan di dalam pasukan keselamatan akan turut memberi manfaat kepada negara setelah mereka ini berhenti. Di dalam hal ini adalah penting bagi agensi seperti PERHEBAT dan Jabatan Hal Ehwal Veteran turut sama membentuk modal insan bagi anggota-anggota tentera yang bakal dan akan bersara. PERHEBAT dan Jabatan Hal Ehwal Veteran perlu melihat semula peranan mereka

masing-masing bagi memantapkan program-program yang telah disusun agar mencapai matlamatnya;

- (v) pembangunan modal insan tidak hanya perlu dilihat dari sudut penyediaan latihan dan kemahiran semata-mata. Pendekatan yang perlu diambil hendaklah bukan sekadar menyediakan 'kail', tetapi juga menyumbang 'umpan' bagi membolehkan pengetahuan dan kemahiran itu dapat dimanfaatkan oleh bekas angkatan tentera di dalam menghadapi arus baru sebagai seorang awam.

Umpan yang saya maksudkan termasuklah modal, dana, bimbingan, pengetahuan, pemantauan serta lain-lain keistimewaan dan kemudahan-kemudahan seperti lesen, permit, keutamaan peluang-peluang perniagaan atau pekerjaan serta lain-lain perkhidmatan.

Oleh itu, saya berharap kepada pihak kementerian-kementerian hendaklah utamakan kemudahan-kemudahan ini kepada keluarga bekas angkatan tentera.

Tuan Yang di-Pertua, kita menyedari bahawa kebanyakan belia yang memilih untuk menganggotai angkatan tentera hari ini menganggapkan kerjaya tentera sebagai pilihan terakhir untuk mereka hidup makan gaji. Justeru itu bilangan mereka yang memilih kerjaya dalam angkatan tentera tidak seimbang dengan jumlah mereka yang berhenti dari angkatan tentera pada setiap tahun. Kekurangan anggota tentera di dalam angkatan tentera pada masa ini tidak harus dipandang remeh.

Bagi menarik minat anak-anak muda menceburi kerjaya-kerjaya di dalam angkatan tentera, kerajaan hendaklah mengambil pendekatan baru dengan bukan sahaja menawarkan gaji yang lumayan tetapi juga kemudahan-kemudahan istimewa termasuklah kemudahan biasiswa pelajaran di peringkat yang lebih tinggi sebagai pemangkin kepada modal insan di dalam angkatan tentera. Ganjaran dan keistimewaan itu bukan sekadar sewaktu dalam perkhidmatan, malahan ia hendak juga dilengkapi lain-lain faedah yang istimewa setelah tamat perkhidmatan. Bagi mencapai maksud ini, langkah yang perlu diambil oleh kerajaan khususnya Kementerian Pertahanan hendaklah meliputi pendekatan-pendekatan pengambilan anggota baru jangka panjang secara pakej yang meliputi bukan sahaja gaji, ganjaran faedah dan keistimewaan semasa menjadi seorang anggota tentera tetapi juga setelah berhenti dari angkatan tentera.

Tuan Yang di-Pertua, skim perkhidmatan angkatan tentera hari ini...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat memerlukan agak berapa banyak masa lagi?

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Lama ni, 20 minit. Boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Berapa minit, Yang Berhormat?

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: 20.

Tuan Yang di-Pertua: 20. 10 minit boleh?

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Mahu 'ekspres' sikitlah. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Sebab ada beberapa perkara saya terdengar, Yang Berhormat ada sedikit mengulangi. Jadi, kalau tinggalkan perkara-perkara itu boleh diijamatkan.

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Yang ini fasal yang ditanya jawab dulu. *[Ketawa]* Di mana tadi ...

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta maaf mengganggu, sebab tadi ada ...

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Tak apa. Boleh ganggu, tidak ada masalah. Saya suka orang ganggu.

Skim perkhidmatan angkatan tentera pada hari ini ...ini ulang balik. Sudah lupa setakat mana tadi. *[Ketawa]* Skim perkhidmatan angkatan tentera pada hari ini memberi peluang kepada anggota-anggota tentera bersara pada usia yang masih muda. Sekiranya seorang anggota tentera itu memilih untuk bersara setelah perkhidmatan selama 21 tahun, rata-rata usia anggota tentera ketika menamat perkhidmatan adalah dalam lingkungan umur 40 tahun. Ini adalah lingkungan usia yang produktif, masih kuat, bertenaga. Di mana jika pengalaman ketenteraan itu diguna dengan sebaiknya akan dapat menjadikan mereka seorang yang berjaya dalam bidang kerjaya seterusnya yang mereka ceburi. Dalam usia yang sebegini, kebanyakan anggota tentera yang berhenti akan tercari-cari hala tuju mereka, kerjaya mereka yang akan mereka lalui dalam mengharungi arus kehidupan mereka berhadapan dengan persekitaran baru. Dengan tekanan sosial dan ekonomi, kebanyakan mereka akan melalui kejutan budaya ketika mulai berhenti dari perkhidmatan tentera.

Di dalam keghairahan mereka hendak berhenti dari tentera, mereka cuma nampak rumput yang hijau di seberang padang hinggakan sering mereka lupa onak dan duri di sepanjang laluan. Dengan keyakinan dan jati diri yang rapuh dan tidak terbimbing dan dalam persekitaran yang asing, sering kali mereka tersesat di jalan dan hilang haluan. Ramai di antara mereka yang kecundang, rumput hijau yang di seberang padang cuma diibaratkan di balang kaca yang cuma dilihat boleh, tetapi tidak kesampaian.

Tuan Yang di-Pertua, setelah 50 tahun rakyat Malaysia dari pasukan keselamatan telah mengetepikan kepentingan aspirasi dan keselamatan ini sendiri bagi memperoleh dan melindungi kemerdekaan negara sejak zaman British, penjajah Jepun di perletakkan senjata komunis, terlalu banyak pengorbanan anggota-anggota pasukan keselamatan di dalam memastikan kedamaian dan kedaulatan negara terjamin, bukan sekadar peluh yang menitik, darah yang mengalir dan nyawa yang terkorban. Jepun mungkin telah menyerah kalah. Darurat mungkin telah berakhir. Penganas komunis mungkin telah meletakkan senjata. Namun yang masih tinggal kini, nun di luar sana masih ramai soldadu-soldadu yang

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tengah sedap bergurindam.

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Sikit lagi boleh tak?

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Boleh.

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Pasal dok tengah sedap, berhenti terkejut, boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Emmm...

Tuan Yang di-Pertua: Nun di sana...

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Nun di luar sana...*[Dewan riuh dengan ketawa]* masih ramai soldadu-soldadu yang kini telah tua dan lesu, ada yang berkaki palsu, yang meninggalkan balu, dan anak yang tertinggal piatu. Walau peperangan ada bermula dan berakhir, namun kebajikan bekas angkatan tentera tidak boleh turut berakhir. Tepuklah sikit. Silakan.

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat. Sebagai seorang bekas perajurit, pahlawan pejuang bangsa, pejuang negara, apa perasaan Yang Berhormat berhubung dengan filem "Lelaki Komunis Terakhir".

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Memang perasaan kita merasa seolah-olah kita dipermainkan. Jadi kita memang menentang keras dan kita berusaha supaya filem itu diharamkan. Walau bagaimanapun, kita haraplah kepada semua rakyat mesti menentang apa sahaja anasir-anasir komunis yang diketengahkan.

Sepatutnya filem komunis itu tidak wujud kerana kemungkinan mereka juga berjiwa komunis. Jadi kalau boleh buatlah filem-filem tentang pemimpin-pemimpin kita lagi banyak tetapi mengapa dibuat filem begitu. Sepatutnya Kementerian Keselamatan Dalam Negeri pun mesti bertindak. Jangan senang-senang dan sewenang-wenangnya meluluskan filem yang boleh membangkit semangat bekas-bekas angkatan tentera. Kadang-kadang bekas tentera merasa terhina, terasa perjuangannya tidak diambil berat, seolah-olah dipermain-mainkan oleh pihak-pihak tertentu. Itulah kita selalu dahulu kita ada Chin Peng hendak masuk ke Malaysia pun kita buat rusuhan di Pulau Pinang, lepas itu kita kena saman sebab kita tidak ada lesen.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Yang Berhormat, minta laluan. Saya hendak sambung sikit. Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Saya hendak sambung sikit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Adakah Yang Berhormat hendak beri laluan?

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Boleh.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Sambung pasal filem Lelaki Komunis Terakhir. Kita lihat memang Kementerian Dalam Negeri telah pun mengharamkan tetapi hari ini Ahli-ahli Parlimen dijemput untuk menonton filem tersebut dan lepas ini barangkali ahli Dewan Negara pula. Adakah Yang Berhormat sanggup untuk menonton filem tersebut? Terima kasih.

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Kita memang sanggup menonton, tengok bagaimanakah cara perfilemannya, ceritanya, gayanya dan sebagainya. Memang kita

kena sanggup tetapi kita tidak bolehlah bagi orang lain buat filem tu dan jual. Kita sanggup menonton bersama-sama.

Persatuan Bekas Tentera Malaysia menyanjung tinggi segala usaha kerajaan di dalam menjaga hal ehwal kebajikan bekas angkatan tentera khususnya dengan Penubuhan Jabatan Hal Ehwal Veteran dan juga PERHEBAT. Kebajikan bekas angkatan tentera adalah merupakan agenda utama perjuangan Persatuan Bekas Tentera. Namun begitu, Persatuan Bekas Tentera tidak boleh memainkan peranan yang efektif tanpa bantuan dan sokongan kerajaan khasnya dan masyarakat amnya. Untuk itu Persatuan Bekas Tentera Malaysia mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada kerajaan kerana telah membenarkan Persatuan Bekas Tentera Malaysia mengolah balik semula kutipan tabung Hari Pahlawan pada tahun ini. Dengan kebenaran persatuan dapat menarik nafas lega bagi meneruskan agenda kebajikan Persatuan Bekas Tentera dengan lebih terancang di masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam menjaga kebajikan bekas angkatan tentera pasukan keselamatan, Persatuan Bekas Tentera tidak harus dipandang sebagai sebuah *special group* dengan izin tetapi sebaliknya hendaklah dianggap sebagai sebuah badan pemangkin kepada segala usaha kerajaan di dalam menangani masalah bekas pasukan keselamatan dan mengelolakan program-program bekas angkatan tentera dan keselamatan berdasarkan konsep Rakan Pintar bagi memanfaatkan semua pihak. Kerajaan juga perlu melihat bahawa dengan penubuhan Jabatan Hal Ehwal Veteran dan PERHEBAT tidak bertujuan mengambil alih sepenuhnya peranan kebajikan bekas angkatan tentera pasukan keselamatan yang sejak selama ini menjadi teras perjuangan persatuan ini.

Selain dari Persatuan Bekas Tentera kita ada 16 lagi NGO atau kelab-kelab pasukan keselamatan di mana kelab ini mengikut unit-unit masing-masing seperti Kelab Bekas Komando Malaysia, Kelab Askar Melayu dan sebagainya. Jadi dengan adanya kelab-kelab ini maka lagi cepat sampai ke akar umbi kerana Persatuan Bekas Tentera Malaysia ada sebanyak 205 cawangan di seluruh negara. Kalau bahagian UMNO lebih kurang sama.

Jadi kekuatan kita memang ada tetapi tidak ada kuasa dan tidak berkuasa. Jadi tidak ada apa-apalah. Persatuan berharap pertamanya kita hendak supaya pihak kerajaan, saya mencadangkan kepada kerajaan supaya sebuah badan NGO ini, semua NGO-NGO ini kena buat satu Majlis Veteran ATM. Majlis ini akan memainkan peranan supaya tidak ada percanggahan ataupun pertindihan di antara NGO-NGO termasuklah PERHEBAT dan Jabatan Hal Ehwal Veteran. Kita hendak bekerjasama keseluruhan kerana tanpa bekerjasama tidak mungkin wawasan kerajaan mencapai matlamat iaitu satu anggota, satu kemahiran, satu pekerjaan dan satu rumah. Kalau dua rumah itu lagilah bagus.

Rancangan Malaysia Kesembilan juga telah menggariskan agenda perumahan negara dengan sasaran untuk membina 4,800 unit rumah kos rendah melalui program Perumahan Rakyat. Dari jumlah ini sebanyak kira-kira 29,000 unit adalah rancangan pembinaan rumah kos

sederhana dan kos rendah yang akan diperlengkapkan oleh kerajaan melalui Syarikat Perumahan Negara Berhad. Persatuan mengalu-alukan rancangan kerajaan yang menyediakan program perumahan rakyat ini. Di dalam hal ini kita sedar bahawa masih ramai di antara anggota-anggota tentera dan bekas angkatan tentera yang tidak memiliki rumah sendiri.

Kehidupan sebagai anggota tentera yang sering berpindah randah dengan pendapatan yang terhad serta sikap kurang berminat oleh anggota-anggota tentera itu sendiri adalah di antara punca yang menyebabkan banyak anggota-anggota tentera tidak berkemampuan untuk memiliki rumah sendiri. Apabila setelah tamat perkhidmatan, lebih menyedihkan lagi apabila setelah tamat perkhidmatan tanpa pendapatan yang tetap, permohonan mereka untuk mendapat kemudahan pinjaman untuk membeli rumah sering ditolak oleh pihak bank dan juga lain-lain badan.

Ini menyebabkan kemungkinan mereka tidak mencukupi untuk membayar rumah tersebut. Jika dibandingkan dengan negara-negara jiran, anggota-anggota tentera kita tidak diberi sebarang keistimewaan untuk memiliki rumah ataupun tanah sebagai hadiah persaraan. Oleh yang demikian selaras dengan Program Perumahan Rakyat dan matlamat kebajikan dengan menyediakan sebuah rumah kepada setiap anggota tentera dan bekas tentera, persatuan ingin mencadangkan kepada kerajaan juga mengambil kira atau menyediakan peruntukan khas dimuatkan di dalam Program Perumahan Rakyat RMK-9 bagi membolehkan anggota-anggota tentera dan bekas tentera memiliki sebuah rumah sebelum atau selepas persaraan.

Penubuhan sebuah Syarikat Perumahan Angkatan Tentera Berhad segera diperbadankan yang bertanggungjawab mendapatkan rumah dari mana-mana pihak Kerajaan Negeri ataupun Kerajaan Persekutuan bagi maksud membangunkan projek perumahan khas untuk anggota-anggota tentera dan bekas angkatan tentera dan mewujudkan satu dana perumahan bagi bekas angkatan tentera bagi memberikan kemudahan pinjaman yang lebih mudah.

Tuan Yang di-Pertua, usaha kerajaan di dalam membasmi kemiskinan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan adalah usaha murni yang menunjukkan komitmen dan kesungguhan kerajaan dalam hal ini. Kita harap agar kerajaan tidak akan mengabaikan golongan bekas angkatan tentera yang tergolong sebagai rakyat miskin berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK). Jabatan Hal Ehwal Veteran telah mengenal pasti empat kategori veteran meliputi ada yang kaya dan ada yang senang susah dan daif. Biarpun tidak dibanci secara formal, yang telah dibuat mengenai pecahan itu kita percaya sebahagian besar atau majoriti bekas angkatan tentera adalah terdiri daripada golongan yang kedua terakhir berdasarkan PGK baru.

Tidak keterlaluan jika ada di antara mereka yang susah dan daif itu adalah di antara mereka yang mendapat pencen bulanan yang rendah daripada sepatutnya. Bagi membolehkan

kerajaan mengurangkan kadar kemiskinan kepada 2.8% dan membasmi kemiskinan tegar pada tahun 2010 adalah wajar bagi kerajaan melihat semula kadar pencen yang sedia ada di mana masih ada di antara bekas tentera yang mendapat pencen di bawah paras kemiskinan sebanyak RM400 sebulan. Kebanyakan mereka ini adalah terdiri dari mereka yang bersara pada tahun 60-an di mana pencen mereka tidak selaras dengan mereka yang bersara pada tahun 80-an.

Sebagai langkah untuk membasmi kemiskinan di kalangan bekas-bekas tentera, Persatuan menaruh harapan kepada kerajaan agar mengkaji semula amaun pencen yang diberi kepada bekas-bekas tentera supaya jumlah pencen yang diterima tidak termasuk dalam kategori rakyat termiskin dan penyelarasan pencen, bekas-bekas angkatan tentera supaya mereka mendapat jumlah pencen yang lebih adil dan saksama tanpa mengambil kira tahun mereka berhenti dan perkhidmatan dalam angkatan tentera.

Tuan Yang di-Pertua, tempoh perkhidmatan angkatan tentera membolehkan anggota tentera bersara atau berhenti pada usia yang masih muda, banyak memberikan kesan sosial ekonomi kepada bekas angkatan tentera itu sendiri. Pada usia sedemikian, tanggungjawab mereka sebagai bapa, ibu atau pun ketua keluarga akan lebih terbeban dengan keluarga yang membesar. Anak-anak yang lahir selepas berhenti tentera, perbelanjaan persekolahan anak-anak dan belanja dapur yang mungkin bertambah. Pertambahan tanggungjawab itu tidak seimbang dengan pendapatan pencen yang diperolehi yang dikira setengah dari jumlah gaji semasa dalam perkhidmatan.

Oleh sebab mereka sudah tua, maka mereka tidak ada kesempatan untuk bekerja dan juga kadang-kadang anak mereka pun bukanlah ada kedudukan yang lebih atau pun ada yang tiada anak dan ada juga bekas tentera yang tidak kahwin pun. Agenda pendidikan kerajaan di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan...

Tuan Wan Nordin bin Che Murat: Minta laluan Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih Yang Berhormat. Di dalam dewan ini, kita sentiasa, Dato Muhammad bin Ghani kalau bercakap, dia membela nasib bekas-bekas tentera. Tuan Yang di-Pertua, banyak kejayaan, cerita-cerita kejayaan. *The succes story of* bekas-bekas tentera ini yang telah berjaya mencipta selepas mereka bersara menjadi usahawan-usahawan terkemuka. Walau macam mana pun, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kerana kita melihat Lembaga Tabung Angkatan Tentera telah menjadi satu kaum "*glamouric*" yang besar yang memainkan peranan yang bijak menguasai beberapa industri dan akhir-akhir ini, kita tahu bahawa LTAT telah mengambil alih beberapa stesen minyak, satu syarikat minyak yang besar.

Oleh sebab itu kita bersimpati dengan laungan-laungan yang sering kedengaran di dalam Dewan ini untuk mempertingkatkan lagi selepas keperwiraan dan kegagahan tentera-tentera kita supaya selepas mereka bersara mereka terus gagah dan keperwiraan mereka terserlah dalam masyarakat. Apa yang kita hendak cadangkan ialah dalam masa proses masa peralihan iaitu sebanyak enam bulan, bekas-bekas tentera yang akan bersara akan dihantar untuk mengikuti

kerjaya yang akan mereka ceburi selepas mereka bersara. Tetapi daripada jawapan-jawapan yang kita perolehi bahawa hanya segelintir bakal-bakal pesara ini mengambil bahagian.

Apa yang kita cadangkan supaya mungkin Persatuan Bekas Tentera boleh memainkan peranan dengan memberi maklumat-maklumat atau menjemput mereka-mereka di sektor-sektor tertentu untuk memberi penjelasan bahawa karier, memilih karier begini, beginilah akhirnya anda akan....dengan memberi rangsangan dan galakkan supaya tentera ini lebih minat berniaga kerana kebanyakan yang bersara itu akan mencapai usia kematangan di mana mereka dapat menentukan masa depan mereka.

Kita cadangkan supaya Persatuan Bekas Tentera menganjurkan kursus-kursus intensif untuk bakal-bakal pesara ini dan memperkenalkan mereka peluang profesion-profesion yang mungkin mereka boleh ceburi dengan menjemput pakar-pakar motivasi untuk meningkatkan minat mereka untuk mencebur diri bagi membaiki mereka dengan harapan bahawa mereka ini selepas keluar dari persaraan akan dapat berkhidmat memberi sumbangan kepada negara terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar, mereka boleh menjadi pemimpin-pemimpin bagi menggerakkan jentera ekonomi luar bandar untuk mempertingkatkan, mengurangkan jurang perbezaan pendapatan antara luar bandar dengan bandar. Maka saya minta pandangan Yang Dipertua Persatuan Bekas Tentera di dalam perkara ini. Terima kasih.

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Terima kasih di atas cadangan...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, selepas beri jawapan kepada penjelasan daripada Yang Berhormat Wan Nordin, selepas itu Yang Berhormat habiskan ucapan Yang Berhormat.

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Jadi memang cadangan pandangan Yang Berhormat itu baik sekali. Walau bagaimanapun, saya sebagai bekas hendak merencanakan masa depan itu semasa dalam angkatan tentera. Jadi kita dapati pihak tentera sendiri kadang-kadang apabila dia hendak berhenti, kalau dia kata dia tukang masak tetapi dia hendak berhenti, dia sudah jemu jadi tukang masak, dia pergi kursus peralihan bengkel kereta ke.. dan lain-lain kursus peralihan, perniagaan dan sebagainya. Jadi ini bererti saya akan cubalah sebaik mungkin kerana kita sendiri pun telah tubuh Dewan Perniagaan untuk memantapkan ekonomi bekas angkatan tentera kerana dari segi kebajikan pada masa kini, Jabatan Hal Veteran yang bertanggungjawab keseluruhannya.

Agenda pendidikan kerajaan dalam RMK-9 untuk membina lebih banyak sekolah dan peruntukkan pendidikan amatlah dialu-alukan. Dalam hal ini adalah menjadi harapan bekas anggota-anggota tentera pada kerajaan untuk meringankan beban mereka di dalam menanggung perbelanjaan persekolahan anak-anak dari peringkat rendah hinggalah ke peringkat yang lebih tinggi. Dalam merealisasikan RMK-9, saya ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya memperuntukkan pembinaan, memperuntukkan sekurang-kurangnya sebuah sekolah bestari secara berasrama dan bantuan penuh kerajaan untuk anak-anak bekas angkatan tentera dan

mewujudkan satu dana pendidikan bagi anak-anak bekas tentera termasuk meliputi anak-anak yang dilahirkan selepas mereka berhenti dari perkhidmatan. Jadi sekarang ini, kalau seseorang itu berhenti, masa dia berhenti katalah umur dia 30, anak dia satu orang atau dua orang. Apabila dia balik kampung, dia dapat anak lagi sepuluh, jadi kerajaan membantu dia tiga orang sahaja. Yang tujuh itu tiada bantu.

Jadi kita hendak sebab dia pun anak tentera, dan dahulu pun kalau balu tentera pun sudah dapat pencen, wajarlah memberi juga pada anak-anak yang kahwin selepas perkhidmatan dalam angkatan tentera. Tuan Yang di-Pertua, peranan Persatuan di dalam menangani kebajikan bekas tentera, anggota tentera mungkin bertindih dengan peranan yang dimainkan oleh Jabatan Hal Veteran dan PERHEBAT. Ini tidak boleh dielakkan memandangkan Persatuan Bekas Tentera Malaysia telah lama memainkan peranan, kebanyakan daripada peranan tersebut sehinggalah diambil alih oleh Jabatan Hal Veteran dan juga PERHEBAT. Peranan Persatuan tidak boleh dianggapkan sebagai sudah tidak berfungsi lagi malahan pengalaman Persatuan Bekas Tentera sekian lama di dalam menangani hal ehwal bekas tentera mestinya boleh membantu Jabatan Hal Veteran dan PERHEBAT di dalam melaksanakan peranan masing-masing.

Oleh yang demikian, adalah menjadi harapan Persatuan Bekas Tentera Malaysia untuk diberikan kepercayaan oleh kerajaan melalui Jabatan Hal Veteran dan PERHEBAT untuk turut melibatkan di program-program Modal Insan yang disusun bagi menjalankan kursus-kursus yang kini dilaksanakan oleh Jabatan Hal Veteran atau pun PERHEBAT dengan keahlian Persatuan Bekas Tentera Malaysia pada masa kini 170,000 orang. Persatuan Bekas Tentera mempunyai ahli yang terdiri daripada golongan profesional dan berpengalaman untuk menjalankan kursus-kursus tersebut berdasarkan ketetapan yang telah dan akan ditetapkan oleh Jabatan Hal Veteran dan juga PERHEBAT.

Peluang untuk turut serta di dalam membangunkan modal insan bagi bekas-bekas anggota tentera dengan menjalankan kursus-kursus yang berkaitan khasnya di dalam bidang keusahawanan membolehkan ahli-ahli Persatuan Bekas-Bekas Tentera yang berpengalaman dapat mewujudkan hubungan dengan pihak-pihak tertentu untuk menentukan keadaan bekas tentera itu supaya terlibat dalam Dewan Perniagaan Bekas Tentera sendiri adalah agenda-agenda Jabatan Hal Veteran dan juga PERHEBAT akan mewujudkan hubungan jaringan perniagaan serta peluang-peluang perniagaan di kalangan bekas-bekas angkatan tentera. Sebagai seorang...

Timbalan Yang di-Pertua: Tadi Yang Berhormat kata hendak sepuluh minit sahaja. Ada lagi?

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Ada sikit lagi. Sudah habis, dua sahaja atau tiga. Sebagai seorang bekas tentera, latihan ketenteraan yang diberi sedikit sebanyak memupuk semangat jati diri dan disiplin di kalangan kerjaya ketenteraan.

Latihan perang umpamanya, mungkin dilihat oleh anggota tentera sebagai ilmu untuk menawan musuh dan memerangi peperangan. Tidak ramai anggota tentera yang mungkin tahu bahawa ilmu perang itu sesungguhnya amat berguna di dalam bidang perniagaan dan keusahawanan. Ilmu perang sebenarnya banyak kegunaan di dalam bidang perniagaan dan keusahawanan.

Justeru itu, telah banyak tokoh-tokoh korporat dan usahawan yang berjaya diserata dunia yang mengamalkan prinsip peperangan. Saya berterima kasih kepada kerajaan telah menyusun pelbagai program usahawan dan peluang-peluang perniagaan kepada bakal-bakal pesara anggota tentera. Namun seperti mana sesuatu peperangan, biarlah banyak mana sekalipun ilmu pengetahuan diajar, masih ada yang kecundang. Begitu juga dunia perniagaan biar sebanyak mana sekalipun usaha kerajaan membimbing bekas-bekas tentera di bidang perniagaan dan keusahawanan, masih ramai yang kurang bernasib baik dan terpaksa gulung tikar.

Kami percaya Jabatan Hal Veteran dan PERHEBAT tidak mampu menangani masalah bekas-bekas tentera sepenuhnya, tanpa penglibatan Persatuan Bekas Tentera Malaysia. Kedua-dua agensi ini tidak mempunyai pejabat di setiap negeri, sedangkan Persatuan Bekas Tentera Malaysia sudah lama bertapak di setiap daerah dan juga DUN dan Parlimen. Dengan kedudukan ini, keupayaan Jabatan Veteran dan PERHEBAT adalah amat terhad untuk melaksanakan program-program yang disusun oleh mereka. Umpamanya hampir 70% anggota tentera yang berhenti dari angkatan tentera tidak menjalani latihan di PERHEBAT. Keadaan ini merugikan kerajaan. Dengan peruntukan yang begitu banyak, tetapi mendapat sambutan yang kurang menggalakkan. Adalah wajar sekiranya kerajaan membuat kajian mengapa keadaan ini berlaku dan mengambil pendekatan baru supaya lebih ramai anggota-anggota bakal bersara mengikuti kursus peralihan dikelolakan oleh PERHEBAT sebelum menamatkan perkhidmatan. Adakah punca utama kerana kerajaan melalui Jabatan seperti Veteran dan PERHEBAT tidak mempunyai program hingga ke akar umbi.

Sebagai NGO yang telah lama bertapak hampir setiap daerah di negara ini, Persatuan Bekas Tentera Malaysia menawarkan diri kepada kerajaan khususnya. Kos kepada Jabatan Hal Veteran PERHEBAT sebagai perantaraan di dalam program akar umbi yang sepatutnya diwujudkan oleh pihak kerajaan. Oleh sebab kerajaan memperuntukkan banyak peruntukan untuk PERHEBAT mengkhusus peralihan. Hanya 30% sahaja yang mengambil kursus dengan PERHEBAT. Bererti di sini, saya nak terangkan bahawa kadang-kadang kursus yang nak diadakan itu, guru lebih ramai daripada anak murid. Itu sebab perbelanjaan, kerajaan memperuntukkan pada tahun yang lepas sebanyak RM27,600,000. Jadi, yang kursus peralihannya, 791 orang sahaja. Jadi, perbelanjaan mengurus, gaji dan sebagainya terlampau banyak. Sebab apa, pekerjaanya terlalu ramai. Sepatutnya, yang berhenti tahun lepas 2,600 orang itu keseluruhannya berkursus dengan PERHEBAT. Barulah PERHEBAT itu menjadi

hebat. Dapatlah memberi ilmu pengetahuan agar wawasan kerajaan, satu anggota, satu kemahiran, satu pekerjaan, satu rumah akan tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, saya berkeyakinan penuh peruntukan dan perancangan Rancangan Malaysia Kesembilan ini memerlukan kesungguhan semua pihak. Malaysia sebagai sebuah negara membangun dan berwawasan jauh, perlu mampu menangani pelbagai perubahan besar dalam dunia global. Di samping memperbaiki dan meningkatkan persekitaran domestik negara. Seperti saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, kerjasama semua pihak adalah amat diperlukan. Dengan itu saya sebagai wakil golongan bekas angkatan tentera, sekali lagi beriltizam akan bersama-sama menjayakan misi negara yang tercinta ini ke arah negara cemerlang, gemilang dan terbilang. Dengan kata-kata itu Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong RMK-9. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Wakil bekas angkatan tentera yang cukup hebat. Silakan Yang Berhormat Puan Siti Zailah.

16.25 ptg.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana turut memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan Usul Rancangan Malaysia Kesembilan yang melibatkan peruntukan pembangunan melebihi RM200 bilion dan ini menunjukkan satu peningkatan RM30 bilion daripada RMK-8. Kita mengharapkan Rancangan Malaysia Yang Kesembilan ini tidak akan mengulangi kelemahan dan kekurangan yang terdapat dalam RMK-8 yang lalu di mana banyak projek-projek yang tertangguh, yang mana kita dapat maklumat lebih daripada 2,000 projek daripada RMK-8 yang tidak dapat disiapkan mengikut jadual yang menyebabkan kerajaan terpaksa menanggung beban yang besar untuk menyiapkan projek-projek tertangguh.

Saya ingin penjelasan daripada pihak kerajaan, berapakah kos yang terpaksa ditambah dalam peruntukan ini untuk membiayai projek yang tertangguh dalam RMK-8 yang lalu. Kita lihat bagaimana dalam kenyataan akhbar, bangunan ibu pejabat MATRADE yang dibina sejak tahun 1994, yang sepatutnya disiapkan pada tahun 1997, mengalami kelewatan 9 tahun. Bermakna binaan ini bermula daripada RMK-7. Tetapi sehingga sekarang, binaan begitu baru dapat disiapkan. Kita difahamkan bagaimana kerajaan terpaksa menanggung caj kelewatan melebihi RM95 juta di mana setiap hari, kerajaan terpaksa berbelanja RM41,750 sehari dalam tempoh 2,276 hari. Ini merupakan satu kerugian yang besar yang melibatkan dana negara.

Alangkah baiknya wang RM90 juta ini diagihkan kepada golongan miskin yang masih lagi ramai dalam negara kita. Tuan Yang di-Pertua, kita sekarang melalui fasa yang ke 15 tahun pertama wawasan 2020. Walaupun kita dapati ada peningkatan dari segi pendapatan isi rumah, daripada RM1,169 sebulan pendapatan isi rumah pada tahun 1990, kepada RM3,249 sebulan pada tahun 2004, saya ingin penjelasan daripada pihak kerajaan apakah hasil kajian yang telah

dibuat oleh pihak kerajaan. Berapa ramai sebenarnya golongan isi rumah yang benar-benar berpendapatan lebih daripada RM3,000 sebulan? Berapa peratus pendapatan mereka yang benar-benar mencapai tahap ini. Dan sebab kita lihat kemiskinan ini masih ketara sama ada di bandar dan di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, kita melihat bagaimana RMK-9 ini merupakan peluang yang cukup penting bagi kita untuk memperbaiki segala kelemahan yang ada. Setelah 48 tahun kita merdeka, dan setelah 8 kali Rancangan Malaysia yang kita telah lalui, namun kita belum berpuas hati terutama dari segi pencapaian kaum bumiputera di semua peringkat. Saya ingin penjelasan apakah pemantauan dibuat oleh pihak kerajaan? Apakah punca-punca berlakunya kelemahan sehingga menyebabkan berlakunya kelembapan pencapaian bumiputera terutama dari segi pencapaian ekuiti untuk mencapai *target* yang sebenar? Selepas 15 tahun pertama, untuk menuju kepada wawasan 2020, kita melihat pelbagai slogan dan tema yang telah diperkenalkan oleh kerajaan, termasuk 'Bersih, Cekap, Amanah', 'Kepimpinan Melalui Teladan', 'Penerapan Nilai-Nilai Islam' dan hingga kini 'Islam Hadhari'.

Saya ingin penjelasan, apakah slogan ini akan berubah pula dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh yang akan datang? Saya ingin penjelasan juga tentang hala tuju Wawasan 2020. Apa ke mana kita selepas 2020? Kenapa kita abaikan wawasan akhirat yang kita semua wajib akan lalui? Kita melihat sekarang ini, bagaimana fenomena yang berlaku dalam negara kita yang cukup menyayat hati. Masalah murtad yang semakin berleluasa, masalah peningkatan gejala sosial itu merupakan masalah yang sepatutnya diberi perhatian yang serius oleh pihak kerajaan.

Kita mengucapkan tahniah di atas usaha kerajaan di dalam merancang lima teras utama dalam Misi Nasional dan usaha menggarap kejayaan yang lebih unggul dan membina tamadun dan menjulang martabat negara. Kita harapkan lima teras yang menjadi fokus kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini menjadi kenyataan, bukan mimpi yang indah semata-mata.

Kenaikan harga minyak memberi kesan yang amat besar kepada kenaikan keperluan harian di pasaran. Ini juga memberi tekanan kepada kadar inflasi dalam negara kita. Kerajaan menyatakan bahawa harga minyak, harga tol tidak akan naik pada tahun ini, sekali gus memberi makna bahawa kemungkinan tahun akan datang semuanya akan naik kembali. Mungkin dalam tempoh rancangan yang kesembilan ini entah berapa kali lagi akan naik. Sebab kita lihat akibat daripada kenaikan harga minyak ini banyak memberi kesan kepada terutama pengguna-pengguna yang berada di luar bandar. Peningkatan kos hidup seharian melebihi RM200 sebulan akibat 30 sen kenaikan harga minyak.

Apa yang ingin saya minta penjelasan daripada kerajaan ialah apakah strategi kerajaan dalam menangani isu ini. Apakah kerajaan berusaha untuk menjimatkan subsidi kepada harga minyak tetapi di masa yang sama kerajaan tidak prihatin dari segi perbelanjaan terutamanya program-program yang tidak memberi manfaat kepada rakyat. Sebagai contoh sukan Formula One yang didedahkan dalam dewan ini, ia melibatkan kos melebihi 150 juta, sedangkan

pendapatan yang diperolehi daripada sukan Formula *One* ini tidak sampai 24 juta, bermakna kita mengalami kerugian enam kali ganda. Apakah kerajaan tidak berfikir dari segi jangka panjang supaya kita boleh memberi kesan yang besar, boleh menjimatkan kos tanggungan kerajaan, di masa yang sama boleh memberi keuntungan kepada rakyat.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Tuan Yang di-Pertua, mohon laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat sahabat saya. Saya ingin mendapat pandangan Yang Berhormat tentang hujah-hujah, persoalan-persoalan yang telah Yang Berhormat arahkan kepada pihak kerajaan.

Yang pertama apa pandangan Yang Berhormat tentang hakikat manusia atau pun kerajaan hanya boleh merancang tetapi untuk mencapai 100% satu perancangan ke arah kejayaan ditentukan oleh Tuhan. Lantaran itu, beberapa rancangan kerajaan selama ini sudah pasti ada ruang-ruang kelemahan yang disedari dan diperbetulkan oleh rancangan-rancangan kemudiannya oleh pihak kerajaan.

Yang ketiga, ada Yang Berhormat sentuh Formula *One*, dengan angka yang menyatakan modal yang ditaburkan sekitar 130 juta dan jualan tiketnya, hasilnya sekitar 24 juta. Itu dari segi angka, apa pandangan Yang Berhormat kerana dari segi putaran hasil yang diperolehi oleh kerajaan lantaran Formula *One* yang dianjurkan itu sebagai mana yang telah dinyatakan berlipat ganda sejumlah 300 juta, perkara itu juga harus diambil kira.

Yang keempat, apa pandangan Yang Berhormat kalau Yang Berhormat berada di tempat Perdana Menteri apakah saranan Yang Berhormat untuk menjayakan rancangan-rancangan yang akan datang. Pandangan Yang Berhormat mungkin diambil kira oleh pihak pemerintah. Terima kasih.

Puan Siti Zailah binti. Mohd. Yusoff: Terima kasih sahabat saya Datuk Yaakob. Tuan Yang di-Pertua, kalau kita melihat bagaimana fenomena yang ada dalam negara kita ini, memang kita menyedari apa sahaja perancangan yang dibuat ditentukan oleh Allah, tetapi kita manusia diberi akal fikiran untuk kita merancang supaya apa yang kita buat itu sesuai dengan keperluan. Keutamaan mesti didahulukan. Kita ada, kalau dari segi Islam afdal dengan tidak afdal, ada perkara yang perlu didahulukan, ada perkara yang perlu dikemudiankan.

Dalam konteks hari ini, kita lihat bagaimana rakyat kita tertekan dengan kenaikan pelbagai harga keperluan harian termasuk gula, ayam dan sebagainya. Tekanan kenaikan harga tol, harga minyak, banyak sekali kita lihat masalah yang berlaku dalam negara kita. Kita lihat Januari 2005 kenaikan harga ayam 14.6%, harga tol meningkat 10%, ini tahun 2005 ya. Harga diesel meningkat 6% begitu juga tambang pengangkutan awam 6.7%, begitu juga harga runcit petrol 7.4%. Semua ini menyumbang kepada peningkatan harga, kadar inflasi dalam negara.

Jadi dalam persoalan ini apa yang saya minta ialah, sebagai sebuah kerajaan yang begitu mengambil perhatian kepada rakyat supaya dipertimbangkanlah projek-projek yang lebih memberi keutamaan, yang lebih memberi manfaat kepada rakyat. Saya tidak menentang

program-program yang menggalakkan pelancongan dan sebagainya, tetapi dalam keadaan kita menghadapi tekanan ekonomi inflasi sekarang ini mungkin perkara-perkara yang kurang penting, mungkin kita boleh kurangkan. Itulah pandangan saya dan kalau saya tidak jadi Perdana Menteri, itu satu soalan yang tidak relevan.

Tuan Yang di-Pertua, jadi kalau kita lihat masalah ini menjadi ketara kerana punca di antaranya ialah kerana kenaikan harga minyak, jadi saya mengharapkan supaya Insya-Allah kita memanfaatkan segala keuntungan hasil yang kita perolehi oleh kerajaan ini supaya dapat dimanfaatkan kepada rakyat. Kita tengok bagaimana hasil gas sahaja sehingga tahun ini USD43.94 juta. Jadi keuntungan yang begini besar sekiranya kita boleh meringankan beban rakyat sangat-sangatlah amat baik untuk kita.

Saya bersetuju dengan rancangan kerajaan untuk menguruskan hak Akaun Awam secara berkhemah agar kos perbelanjaan dapat dijimatkan. Saya ingin penjelasan berapa jumlah hutang negara sehingga kini dan apakah strategi kerajaan untuk mengurus Akaun Awam secara berkhemah. Dan saya ingin penjelasan juga, supaya kenapa dalam melaksanakan tindakan terhadap sesuatu perkara, kerajaan lambat bertindak. Bagaimana dalam akhbar semalam mendedahkan Jabatan Alam Sekitar bertindak selepas 10 tahun, sedangkan perkara ini sudah banyak laporan yang diterima dan perkara ini sudah memberi kesan yang begitu besar, bagaimana pelupusan sisa yang sangat berbahaya ini, selepas 10 tahun baru bertindak. Dan kita lihat baru-baru ini bagaimana satu kampung di Johor terpaksa berpindah kerana masalah pencemaran alam sekitar. Dan banyak kita lihat kes-kes yang berlaku sebelum ini berpunca daripada ketidaktegasan kita atau pun kelewatan tindakan kita memberi kesan yang cukup besar.

Jadi saya harapkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini, supaya kita mengambil berat tentang dari segi masa supaya jangan lagi kita mengulangi kesilapan lama supaya tidak merugikan rakyat dan negara kita. Kita sentiasa didedahkan dengan kerugian syarikat yang dimiliki oleh kerajaan GLC dan yang paling menghairankan kita, sebahagian besarnya membawa kerugian kepada negara. Kenapa? Apa puncanya? Kita amat kecewa ke atas syarikat yang boleh memberi sumbangan kewangan kepada negara sentiasa mengalami kerugian, sedangkan syarikat swasta mengalami keuntungan. Jadi saya ingin penjelasan, apakah pemantauan dibuat kepada syarikat GLC ini. Dan kenapakah perkara ini sentiasa berlaku dan apakah tindakan yang telah diambil oleh kerajaan. Apakah mereka yang mengalami kerugian ini masih diberi ruang untuk mendapat projek dan sebagainya. Jadi perkara ini akan menjejaskan ekonomi negara kita. Janganlah kerana kita menjaga kepentingan golongan yang tertentu, rakyat menjadi korban. Akhirnya apabila berlaku satu kerugian, rakyat dan kerajaan menanggung beban.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh juga tentang bagaimana eksport kasar negara kita yang mana kita dijangka berkembang pada kadar 8.5% setahun. Saya ingin penjelasan daripada pihak kerajaan sejauh mana keuntungan yang dapat kita perolehi daripada pasaran terbuka, hubungan perjanjian bebas dagang antara kita dengan negara luar. Kita lihat

bagaimana Jepun mengeksport begitu banyak ratusan juta bahan automatif dia kepada negara kita, sedangkan kita mengeksport ke negaranya hanya bahan-bahan pertanian. Jadi sejauh mana dari segi keseimbangan dagangan ini memberi keseimbangan memberi keuntungan dari segi jangka panjang kepada negara kita.

Saya ingin menyentuh juga Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan kemajuan luar bandar dan wilayah. Yang mana kita lihat masalah yang ketara sekarang ini ialah ramai warga desa yang sedang menghadapi masalah terutama sekali remaja yang terlibat dengan dadah dan sebagainya.

Peranan kerajaan cukup penting dalam memastikan bahawa perkara ini tidak berleluasa. Gerakan Desa Wawasan sepatutnya menjadi satu platform yang penting untuk kita membangunkan desa dan kita lihat bagaimana Gerakan Desa Wawasan yang dilancarkan sejak Rancangan Malaysia Ketujuh sehingga sekarang, saya ingin tahu apakah pencapaian yang telah dicapai. Berapa peratus peningkatan pendapatan yang telah dapat kita tingkatkan di kalangan penduduk desa?

Kalau kita dapat bandingkan penjelasan yang dibuat oleh pihak kerajaan dalam Dewan ini beberapa hari yang lalu, bagaimana peruntukan yang begitu kecil hanya RM50 juta dalam masa lima tahun dalam Rancangan Malaysia Kesembilan untuk ribuan kampung di seluruh negara dan program yang dilaksanakan hanya dalam bentuk hadiah. Jadi saya kira perkara ini kita tidak boleh membuat ibarat "melepas batuk di tangga". Istilah satu perancangan yang kita buat mestilah benar-benar tersusun, benar-benar kemas supaya perkara ini tidak merugikan negara.

Kalau Formula One kita boleh peruntukkan ratusan juta, untuk membina desa hanya RM50 juta dalam rancangan lima tahun Rancangan Malaysia Kesembilan, cukup tidak logik. Jadi perkara ini saya harap mendapat jawapan yang jelas daripada pihak kementerian di mana hala tuju kita dalam mengembangkan dan membantu dalam kemajuan desa, terutama di luar bandar ini.

Saya ingin juga menyentuh tentang isu pengangguran dalam negara kita. Kita simpati bagaimana lebih daripada 50 ribu pengangguran yang terdiri daripada kalangan siswazah dan tambahan pula kita menghadapi tekanan apabila syarikat-syarikat terpaksa mengecilkan saiz pekerja mereka termasuk MAS baru-baru ini yang mengecilkan saiznya sehingga terpaksa mengurangkan pekerjaannya lebih daripada 6,500 kakitangan MAS. Walaupun kad pampasan diberi tetapi kita kena fikir dari segi jangka panjang.

Kebanyakan pekerja-pekerja ini adalah mereka yang sudah ada keluarga, mereka yang sudah berumur,. Bagaimana mereka untuk meneruskan persekolahan anak-anak mereka, untuk meneruskan hidup mereka dan saya harap supaya kerajaan memberi jalan penyelesaian yang terbaik untuk pekerja-pekerja. Kita tidak mahu ribuan rakyat asing datang bekerja dalam negara kita dapat menikmati segala kemewahan hasil daripada pekerja luar dalam sektor swasta tetapi

rakyat kita sendiri, kita tidak mahulah istilah yang dikatakan “kera di hutan disusukan, anak sendiri mati kelaparan”. Saya harap perkara itu tidak berlaku kepada rakyat dalam negara kita.

Kita melihat juga persoalan pendidikan yang menjadi teras utama juga dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini yang mana kita menyokong di atas usaha kerajaan untuk meletakkan masyarakat berminda kelas pertama supaya wujudnya masyarakat yang berpengetahuan, mempunyai daya saing, berbudaya kerja cemerlang, berintegriti dan memiliki kekuatan moral. Saya ingin penjelasan daripada kerajaan hasil daripada semangat Islam Hadhari yang telah diasaskan oleh kerajaan menjadi asas dalam pelaksanaan kerajaan ini, sejauh mana usaha ini dilaksanakan diambil perhatian oleh agensi-agensi kerajaan.

Kita melihat juga bagaimana masalah pelajaran Matematik dan Sains dalam Bahasa Inggeris menjadi isu yang kita rasa perlu diberi perhatian yang serius oleh pihak kerajaan. Banyak bumiputera terutama yang berada di luar-luar bandar menghadapi penurunan dari segi pencapaian Matematik dan Sains dalam Bahasa Inggeris. Ini saya dapat daripada guru-guru sekolah sendiri dan ibu bapa sendiri yang mengesahkan keluhan mereka hasil daripada pelaksanaan ini menyebabkan kita lihat yang ruginya adalah bangsa Melayu itu sendiri.

Jadi saya ingin penjelasan daripada kerajaan, adakah kerajaan bercadang untuk mengkaji semula dasar yang dibuat oleh kerajaan ini supaya apa yang kita buat ini tidak merugikan bangsa kita pada jangka masa akan datang. Memandangkan kita lihat belia merupakan satu aset yang penting kepada negara, saya ingin penjelasan, apakah program-program yang telah dilaksanakan oleh kerajaan ini, sejauh mana kejayaannya mampu menangani masalah belia hari ini terutama yang terlibat dengan masalah dadah, yang menjadi “mat rempit” ataupun yang menjadi lepak-lepak di sana sini, apa program terhadap golongan ini?

Biasanya kursus-kursus yang kita buat hanya melibatkan belia-belia yang memang mempunyai akhlak yang bagus tetapi di mana mereka ini yang lepak di kaki-kaki lima, yang naik motor, di mana, apa program untuk mereka? Sebab mereka inilah yang kita lihat di antara golongan yang membawa masalah dalam masyarakat hari ini yang terlibat dengan penagihan dadah dan sebagainya.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Yang Berhormat, mohon laluan. Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyentuh sedikit mengenai dengan masalah dadah dan peranan pusat serenti yang walaupun kita sudah mempunyai banyak pusat serenti tetapi kita masih gagal untuk memulihkan belia-belia atau mereka-mereka yang menagih dadah. Saya difahamkan bahawa di dalam negara kita terdapat beberapa ratus pusat pemulihan swasta. Tadi saya tidak diberi kesempatan untuk bertanya dalam persoalan mengenai dengan dadah tadi.

Jadi saya difahamkan pusat-pusat pemulihan swasta ini mempunyai *recovery rate* yang sangat tinggi. Maknanya penagih ini yang masuk ke dalam pusat pemulihan swasta akan keluar dan kemungkinan untuk mereka menagih semula itu adalah sangat rendah ataupun *relax rate*

yang agak rendah berbanding dengan apa yang berlaku di pusat serenti di mana *relax rate* ataupun penagihan semula yang berlaku adalah sehingga 70%.

Jadi apakah pihak kerajaan tidak mahu mengkaji bagaimanakah cara-cara pemulihan yang dibuat di pusat pemulihan swasta berbanding dengan apa yang sedang dibuat oleh pusat pemulihan serenti milik kerajaan dan mungkinkah juga satu kajian perlu dibuat tentang bagaimana sebenarnya pusat serenti ini dijalankan. Mungkinkah ada satu benda yang berlaku yang kita tidak tahu yang memerlukan satu kajian yang dibuat sebab kita tidak mahu setiap tahun kita menyediakan *budget* yang lebih besar untuk membina lebih banyak pusat serenti sehingga akhirnya semua belia-belua kita itu jadi penghuni kekal di dalam pusat serenti yang akhirnya akan merugikan bangsa kita sendiri. Jadi apa pandangan Yang Berhormat tentang perkara ini? Terima kasih.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Yang Berhormat Puan Wan Ubaidah. Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagaimana kita lihat keberkesanan pelatih-pelatih di pusat serenti ini kita lihat apabila mereka keluar dari pusat serenti, mereka masih menagih semula. Mungkin ada sesuatu yang tidak kena. Jadi kita sama-sama mengharapkan supaya kerajaan membuat pemantauan yang bersungguh-sungguh kenapa kalau ratusan pusat-pusat pemulihan swasta yang di luar sana mampu memulihkan penagih-penagih ini, kenapa kita yang berbelanja puluhan juta, hampir ratusan juta setahun untuk pusat serenti di seluruh negara tetapi kesannya tidak berkesan. Jadi mungkin ada sesuatu yang tidak kena.

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Jadi saya juga mengharapkan supaya satu pemantauan ataupun satu kajian terperinci dibuat oleh pihak kerajaan supaya wang yang kita laburkan untuk memulihkan penagih-penagih dadah ini tidak tersia begitu sahaja.

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Yang Berhormat, minta laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat. Saya sekadar hendak tahu, ada ataupun tidak cara lain yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Kelantan dalam mengendalikan kes-kes dadah ini? Terima kasih.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dadah ini satu di bawah tanggungjawab Agensi Dadah Kebangsaan di bawah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan tetapi kita sentiasa memberi sokongan dan memberi bantuan termasuk saya sendiri pun bersama dengan agensi dadah tempatan ke hulu ke hilir sama-sama membantu untuk kita menangani isu dadah. Walaupun perkara ini satu perkara yang masalah besar, terutama kalau kita lihat negeri-negeri yang bersempadan dengan negara jiran, jadi kerjasama ini di semua pihak. Bukan sahaja di pihak Agensi Dadah, malah di pihak penguatkuasaan sempadan dan sebagainya dan sebab itulah, saya sentiasa menyarankan pusat-pusat yang menjadi lokasi

utama penyebaran dadah ini seperti pusat-pusat hiburan, kelab-kelab malam supaya kita sentiasa awasi. Kalau boleh, pusat-pusat seperti ini kita tidak perlu perbanyakkan.

Saya terkejut apabila mendapat jawapan dalam Dewan ini, kelab malam yang diberi lesen oleh Kerajaan sehingga 4,510 di seluruh negara. Apa untungnya kepada negara banyak kelab malam? Kita hendak melahirkan masyarakat berminda kelas pertama. Kita hendak melahirkan satu generasi yang mempunyai.....

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Minta laluan sekali lagi Yang Berhormat.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:..... daya kerja yang cemerlang, memiliki kekuatan moral. Tetapi sekiranya ruang yang begini luas kita buka untuk mereka, maka sudah tentu, maka ini akan menjadi racun kepada bimbingan pendidikan yang kita bimbing mereka selama ini.

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Minta laluan sekali lagi Yang Berhormat.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Sila.

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat. Kelab malam, pusat hiburan, banyaknya dikunjungi oleh orang-orang bukan Melayu. Tetapi masalahnya, yang penagih dadah ini banyaknya di kalangan belia-belia Melayu. Jadi macam mana jadi macam ini? Kalaulah pusat hiburan itu sebagai sumber kepada penagihan dadah, sepatutnya yang banyak menagih dadah ini ialah belia-belia Cina, belia-belia India. Tetapi yang menjadi keadaan sebaliknya. Jadi, saya hendak tanyalah pandangan Yang Berhormat dalam hal ini.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Saya kira Yang Berhormat juga bertanggungjawab untuk menyelidiki kenapa fenomena ini berlaku. Jadi saya kira kelab malam ini bukan golongan Cina dan India sahaja, Melayu pun ramai yang mengunjungi kelab malam. Yang inilah yang kita harus memberi perhatian dan kita sama-sama bertanggungjawab bagaimana untuk menyelesaikan masalah ada di depan kita ini supaya tidak menjadi lebih kronik di masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meneruskan perbahasan saya berkenaan dengan program pembangunan wanita dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini. Sejauh manakah usaha dan keprihatinan Kerajaan terhadap kaum wanita, yang mana kita mengucapkan syabas di atas peruntukan dan perhatian yang diberi oleh Kerajaan terhadap kaum wanita. Cuma, saya ingin penjelasan tentang bagaimana eksploitasi terhadap wanita. Yang kita lihat hari ini amat memalukan kita sekiranya tindakan tidak diambil.

Kita lihat seolah-olah hari ini wanita dijadikan bahan iklan. Dalam media, dalam akhbar, dalam media elektronik, begitu juga menjadi tarikan dalam sukan-sukan utama, gadis litar dan sebagainya. Di mana maruah wanita Malaysia? Kenapa Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat terutamanya, tidak meletakkan satu dasar supaya wanita di Malaysia tidak dieksploitasi sebegini. Kenapa kita wanita.....

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Pohon laluan.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: dijadikan bahan iklan? Jadi saya rasa sebagai seorang wanita, saya rasa maruah wanita begitu rendah sekiranya kita biarkan fenomena ini terus berlaku dalam negara.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma ingin tahu apa pandangan Yang Berhormat terhadap uniform yang dipakai oleh gadis-gadis *Air Asia* yang merupakan sekarang ini penerbangan utama juga dalam negara kita.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya kami sudah acap kali, saya sudah penggal enam tahun saya berada dalam Dewan dan saya kira terlalu banyak saranan yang melibatkan pakaian pramugari sama ada MAS ataupun *Air Asia*. Tetapi tindakan masih tidak dibuat. Dalam kita melaungkan slogan Islam Hadhari, amat memalukan. Pakaian yang menjolok mata. Apa salahnya pramugari itu diberi pakaian seluar panjang. Pakai skirt yang begitu singkat. Lelaki disuruh pakai kot lengkap tetapi wanita separuh. Kenapa? Apa tujuannya? Orang menaiki kapal terbang bukan kerana pakaian pramugari dan ini salah satu juga eksploitasi terhadap wanita

Jadi saya mengharapkan Kerajaan mengambil serius terhadap perkara ini dan perkara ini adalah satu perkara seolah-olah kita meletakkan wanita ini sebagai bahan tarikan, tidak ada penghormatan terhadap maruah wanita itu sendiri. Bayangkan Yang Berhormat sekalian, kalau isteri saudara, kalau anak saudara yang ditontonkan aurat mereka sebagaimana dipakai oleh pramugari. Kita berasa malu bagaimana seolah-olah tidak ada harga diri.

Kenapa perkara ini kita laksanakan dalam keadaan kita hendak melahirkan satu bangsa yang mempunyai kekuatan moral yang tinggi. Jadi saya kira Kerajaan sebagai orang yang berkuasa dalam negara, mempunyai tanggungjawab dan berkuasa menentukan dasar ini. Insyallah, sekiranya kita benar-benar serius, perkara ini perlu diubah oleh Kerajaan, jangan biarkan berleluasa.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat, minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Dr. Puad.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat, sebenarnya apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat juga diperkatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain tetapi tahukah Yang Berhormat bahawa dalam perkara ini, kita tidak boleh mengatakan seolah-olah bahawa Kerajaan yang ingin menggalakkannya. Saya ambil contoh. Yang Berhormat tadi menyentuh tentang pakaian. Saya masih ingat lagi kalau di universiti dahulu, kita mendapati bahawa pelajar-pelajar Islam sebagai contoh, ramai yang tidak memakai hijab. Tetapi proses itu, proses kesedaran mendidik mereka untuk mengubahnya dan begitu juga apa yang telah dilakukan oleh Kerajaan apabila Kerajaan mengumumkan dasar Islamisasi, walaupun di peringkat awal disebut hanya dalam soal nilai-nilai dalam pentadbiran.

Tetapi akhirnya ada proses peningkatan yang melibatkan dalam soal hukum apabila Kerajaan menghentikan loteri kebajikan masyarakat sebagai contohnya. Dahulu di bawah Kementerian Kebajikan. Tetapi akhirnya diberhentikan yang mana saya ingat lagi, hujah yang digunakan ialah, ini adalah sesuai dengan dasar Islamisasi. Yang di peringkat awal hanya menyebut soal-soal nilai dalam pentadbiran. Sebab itu saya kata ini proses sebenarnya.

Tetapi tidak bolehlah kita hendak mengatakan semua Kerajaan, sikit-sikit Kerajaan. Tetapi apa yang kita lakukan. Kita mengatakan kita sebagai badan dakwah. Tidakkah ini juga menunjukkan bahawa kelemahan kita dari segi berdakwah, menyampaikan dakwah dengan penuh hikmah, menegur, mendidik, mengajak dan sebagainya supaya orang kembali kepada yang baik. Tetapi kalau setakat itu tidak betul, ini tidak betul, sana tidak betul dan sebagainya. Ini sebenarnya tidak menyelesaikan masalah. Jadi sebab itu, biarlah ada satu perasaan bahawa Islam Hadhari kita serius sebenarnya. Kita serius untuk membina satu tamadun, satu kekuatan.

Jadi semuanya ini melibatkan semua pihak. Jadi kalau setakat hendak tuduh, saya boleh tuduh bahawa ada juga pemimpin-pemimpin yang bercakap soal Islam, anak dia juga terlibat dadah. Anak dia juga terlibat dalam kumpulan-kumpulan rock dan sebagainya. Kalau hendak buktikan, kita boleh buktikan. Bercakap Islam bukan main hebat tetapi anak sendiri tidak terjaga, isteri sendiri tidak terjaga kalau hendak dibuktikan. Tetapi janganlah maksudnya seolah-olah kita sahaja yang baik, orang lain tidak baik. Apa pandangan Yang Berhormat.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Dr. Lee Chong Meng: Minta laluan *please*. Bukit Bintang. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat hendak bagi laluan kah?

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Okeylah.

Timbalan Yang di-Pertua: Bagi.

Datuk Dr. Lee Chong Meng: Ini kerana, Bukit Bintang adalah satu kawasan pelancongan. Hendak jelaskan tentang pusat hiburan. Saya setuju dengan Yang Berhormat. Tadi sebut bahawa kelab malam bukanlah punca untuk kes-kes rogol atau macam-macam yang tidak sihat berlaku di kelab malam. Sebenarnya, siapa hendak mendengar? Saya boleh jemput semua Ahli-ahli Yang Berhormat di sini, pergilah *night club* di Bukit Bintang. Kita melihat bahawa di dalam *night club* tidak ada masalah. Pusat hiburan untuk orang berhibur sahaja, untuk karaoke sahaja. Saya nampak di Bukit Bintang, saya selalu pergi tengok tidak ada masalah, betul. Kalau Bukit Bintang ada masalah, orang pelancong asing tidak akan datang. Jadi kalau pelancong asing tidak datang, *market* kita, pasaran kita terus mati.

Jadi pengusaha-pengusaha di Bukit Bintang kena tutup semua kedai. Jadi inilah satu masalah yang kita hadapi. Orang tidak faham. Tidak jelas tentang peranan yang dimainkan oleh pusat hiburan untuk mengatasi imej negara kita. Jadi Bukit Bintang satu kawasan yang baik. Orang selalu salah faham bila orang sebut Bukit Bintang - pelacuran. Apa ini?

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Datuk Dr. Lee Chong Meng: Seharusnya kita mesti berasa bangga kerana kita telah mewujudkan satu kawasan yang baik dan boleh menarik pelancong asing dari seluruh dunia termasuk orang Arab datang membeli makanan, berhibur, urut kaki, urut tradisional tidak ada masalah. Inilah satu penjelasan yang saya hendak buat. Sekian terima kasih.

Tuan Chiam Yong Tee: Saya juga minta laluan.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Tuan Chiam Yong Tee: Boleh? Baik, terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin hendak tambahlah sedikit kepada apa yang dikatakan oleh rakan saya Yang Berhormat daripada Bukit Bintang itu. Sebenarnya rakyat Malaysia ini terdiri daripada pelbagai agama dan kebudayaan dan tidak seharusnya kita pandang sahaja sesuatu isu itu daripada satu sudut sahaja. Jadi memanglah satu nilai yang komprehensif yang boleh diterima oleh semua kaum, semua pihak perlulah kita tonjolkan. Ini yang pertama.

Yang kedua, tentang masalah yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat tadi iaitu tentang pengangguran. Yang Berhormat menyalahkan pihak kerajaan kerana wujudnya ribuan pendatang daripada luar negara yang bekerja di negara kita. Tapi hakikatnya ialah mereka yang datang itu membuat kerja 3D iaitu *dirty, difficult and dangerous* yang rakyat negara kita tidak mahu buat. Jadi kalau dalam keadaan seperti ini betulkah kita menyalahkan pihak kerajaan kerana rakyat sendiri tidak mahu buat kerja 3D yang saya sebut tadi itu. Apa pandangan Yang Berhormat.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya ingin menjawab apa yang disebut oleh Yang Berhormat Tuan Chiam Yong Tee berkenaan dengan pengangguran terlebih dahulu. Bagaimana kita lihat rakyat negara kita yang bekerja di *Singapore* sahaja 350,000 orang dan ada di kalangan mereka yang melakukan kerja 3D. Mungkin satu kajian perlu kita buat kenapa, mungkin kerana gaji yang rendah menyebabkan rakyat kita rasa perkara ini tidak menarik minat mereka. Jadi mungkin sesuatu kita boleh buat untuk menyelesaikan isu pengangguran yang ada dalam negara kita.

Berkenaan dengan masalah orang bukan Islam saya faham sebab kita di Kelantan kita tidak menghalang orang bukan Islam untuk melaksanakan apa aktiviti mereka. Kedai arak yang menjual makanan orang bukan Islam kita tidak tutup. Begitu juga tempat-tempat penyembahan ibadah kita tidak halang. Yang saya maksudkan di sini ialah untuk orang Islam. Kalau Yang Berhormat kata urut kaki dan urut badan memang tidak ada masalah. Yang menjadi masalah urut batin yang diperkatakan beberapa hari dalam Dewan yang melibatkan gadis Islam. Ini yang saya perkatakan.

Jadi begitu juga tentang masalah pakaian. Pakaian ini memang walaupun kita ada hikmah dalam dakwah. Tetapi sebagai sebuah kerajaan kita boleh menguatkuasakan. Sebagai

contoh, pasukan polis telah melaksanakan satu peraturan supaya wanita memakai uniform menutup aurat. Boleh diterima oleh pasukan polis walaupun dia bukan Islam sebab ini satu uniform. Apa salahnya AirAsia memandangkan ini sebagai satu uniform.

Begitu juga kita lihat peraturan yang dibuat oleh kerajaan supaya semua penunggang motosikal memakai topi keledar. Sampai sekarang ada lagi orang kampung yang memakai topi keledar terbalik tapi boleh terima. Boleh terima. Maknanya perkara ini tidak menjadi masalah. Cuma sebagai sebuah kerajaan kita melaksanakan bidang kuasa yang kita ada. Bagi kami rakyat, mungkin kita tidak ada kuasa untuk penguatkuasaan tetapi penguasaan ini adalah terletak pada tangan kerajaan. Itulah saya kira jawapan secara umum daripada pandangan-pandangan semua Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, jadi saya mengharapkan supaya isu pengeksploitasian terhadap wanita ini diambil perhatian yang serius supaya wanita Malaysia tidak lagi menjadi bahan iklan ataupun menjadi alat untuk melariskan sesuatu jenama ataupun menjadi bahan tarikan pelancongan seperti gadis litar dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha membasmi kemiskinan tegar saya ingin penjelasan daripada pihak kerajaan, adakah kerajaan bercadang untuk mewajibkan gaji minimum kepada majikan yang membayar gaji kepada semua pekerja-pekerja di bawah mereka sebagaimana yang telah banyak dilaksanakan oleh negara-negara lain. Di sebabkan kerana tidak ada satu standard gaji minimum ini kita melihat akibatnya ramai majikan yang mengambil kesempatan ini, yang membayar gaji mengikut suka hati mereka yang menyebabkan kita lihat kemiskinan ini terus menular.

Jadi saya mengharapkan satu kajian dibuat oleh pihak kerajaan. Kalau boleh kita menetapkan satu standard minimum semua pekerja yang ada dalam negara kita supaya apa sahaja kerja walaupun dia bekerja sebagai tukang sapu dalam negara kita ini tapi dia mendapat pembelaan di atas satu dasar yang dibuat oleh kerajaan kerana ada satu standard gaji minimum untuk golongan pekerja bawahan ini.

Saya ingin juga menyentuh berkenaan dengan teras yang keempat iaitu meningkatkan lagi tahap kemampuan kualiti hidup rakyat di mana kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan bercadang menyediakan 43,800 buah rumah kos rendah yang akan dibina melalui Program Perumahan Rakyat. Saya bersetuju dengan apa pandangan yang dibuat oleh kerajaan cuma saya ingin penjelasan sejauh mana pemantauan yang dibuat terhadap pembinaan rumah-rumah kos rendah ini sebab kita lihat baru-baru ini dalam pilihan raya di Sarawak bagaimana rumah kos rendah ini dibuat menggunakan dinding asbestos yang cukup bahaya dan memang tidak kukuh tapi dijual dengan harga lebih daripada RM40,000.

Jadi saya harap perkara ini diambil perhatian oleh pihak kerajaan. Begitu juga tentang masalah kebajikan rakyat seperti masalah keperluan pusat-pusat kesihatan yang masih perlu ditambah terutama di kawasan luar bandar. Saya melihat sendiri bagaimana di kawasan Beting

Maru di Sarawak. Kliniknya hanya ada di seberang sungai. Bagaimana penduduk di sana mengadu ramai yang apabila hendak melahirkan anak terpaksa menyeberang sungai. Ramai yang bersalin dalam sampan Tuan Yang di-Pertua.

Jadi saya harap perkara ini diberi perhatian terutama dari segi pembinaan pusat-pusat kesihatan untuk rakyat diberi perhatian yang serius supaya perkara ini tidak berbahaya terutama kepada rakyat kita. Jadi saya rasa itu sahaja sedikit perbincangan daripada saya kerana saya hendak memberi ruang untuk sahabat-sahabat yang lain dan saya juga turut menyokong. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Ir. Hiang A Li: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dalam senarai saya ada nama Yang Berhormat Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain, Tuan Ir. Hiang A Li. Siapa hendak dahulu? Silakan Yang Berhormat Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain dan selepas itu saya minta Yang Berhormat Tuan Ir. Hiang A Li untuk bersedia.

5.09 ptg.

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat. Saya mengucapkan berbilang terima kasih kerana diberi kesempatan untuk berbahas Rancangan Malaysia Kesembilan bagi tempoh 2006-2010 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada 18 April yang lalu. Rancangan Malaysia Kesembilan adalah merupakan satu Misi Nasional ke arah menjadikan negara Malaysia sebuah negara maju dalam tahun 2020.

Rancangan Malaysia Kesembilan ini merangkumi strategi, program dan peruntukan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang lebih maju, saksama dan bersatu. Kita telah pun memasuki 15 tahun yang pertama dan kita kini memasuki 15 tahun kedua ke arah mencapai Wawasan 2020. Walau pun kita memasuki tahap yang kedua, tetapi objektif pertama kita ialah sama iaitu ke arah perpaduan negara, perubahan ekonomi dan keseimbangan sosial.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengimbuai kembali ketika tahap pertama kita memasuki fasa pertama Wawasan 2020 apabila bekas Perdana Menteri kita Yang Amat Berhormat Tun Mahathir Mohamed mula-mula memperkenalkan Wawasan 2020 atau mula-mula mengambil tampuk pemerintahan, apa yang diutarakan oleh bekas Perdana Menteri kita ialah membina modal insan.

Beliau telah memperkenalkan *punch card* untuk pegawai-pegawai kerajaan dan kemudian beliau telah memperkenalkan beberapa dasar seperti Dasar Pandang Ke Timur, penerapan nilai-nilai murni, semuanya adalah persediaan untuk membina insan Malaysia dalam persiapan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang maju. Saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu contoh-contoh yang diberi oleh bekas Perdana Menteri dalam mengutarakan penerapan nilai-nilai murni ini ialah negara-negara Timur seperti Jepun dan Korea.

Nilai-nilai yang perlu diterapkan yang cuba diterapkan oleh bekas Perdana Menteri ketika itu ialah perkara-perkara seperti berbudi pekerti mulia, tahap amanah yang tinggi, boleh dipercayai, rajin bekerja, ikhlas, *positive thinking* dan sebagainya. Setelah kita melalui beberapa tahun pelaksanaan tahap pertama itu, ekonomi kita juga semakin meningkat mulai tahun 1993 sehinggalah 1997 apabila kita mula menghadapi zaman gawat.

Apabila kita menghadapi zaman gawat, penerapan nilai-nilai murni yang diutarakan itu mula luntur dan sebelum kita memperkukuhkan nilai-nilai tersebut ke dalam jiwa rakyat Malaysia, dasar-dasar yang mula diutarakan itu semakin luntur. Dan saya berpendapat bahawa penerapan nilai-nilai ini pula diberi perhatian apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membentangkan RMK-9 yang lalu dalam tajuk modal insan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam melaksanakan RMK-9 ini, dua elemen yang penting ialah belia dan wanita. Saya mengambil kesempatan ini untuk menyentuh kumpulan belia dahulu di mana kumpulan ini adalah mereka yang berumur di antara 15 hingga 34 tahun. Kumpulan ini terdiri daripada 41.5% penduduk Malaysia. Cubalah kita bandingkan belia kita dengan belia-belia di luar negara. Belia kita masih lagi berbudaya melepak, masih lagi terlibat dengan jumlah yang besar dalam dadah, tidak minat bekerja, terlibat dalam mat motor, mat ragut dan ekoran daripada sikap belia ini, kita membawa masuk sebilangan besar pekerja-pekerja asing untuk menjana ekonomi kita dan apakah ini satu langkah yang bijaksana yang telah kita ambil.

Pada hari ini kita ke arah menjadikan Malaysia negara maju menjelang tahun 2020. Tetapi yang mendukung sebahagian besar daripada pembangunan ekonomi kita adalah rakyat-rakyat daripada Indonesia, Bangladesh, India dan hari ini China.

Tuan Yang di-Pertua, apakah sudah sampai masanya untuk kita membuat keputusan menghentikan pengambilan pekerja-pekerja ini dan mencari jalan seberapa boleh dan mengheret belia-belia kita ke ladang, ke bahagian pembinaan dan lain-lain supaya dari segi jangka panjang kita tidak lagi bergantung kepada pekerja-pekerja asing. Kita ambil contoh negara-negara yang maju yang kita jadikan contoh seperti Jepun, Korea dan sebagainya. Mereka membangun di atas titik peluh usaha rakyat mereka sendiri. Malah kalaupun kita hendak mengambil pekerja-pekerja asing ini saya berpendapat bahawa kita boleh mengambil pekerja-pekerja yang mahir sahaja. Tetapi pekerjaan-pekerjaan yang tidak memerlukan kemahiran, adalah dirasakan perlu kita mengheret belia kita untuk melakukan kerja-kerja tersebut.

Kita sebenarnya tidak terhutang budi apa-apa untuk memberi pekerjaan kepada orang-orang Indonesia, orang-orang India ataupun orang-orang Bangladesh dan sebagainya. Kita tidak boleh membandingkan dengan United Kingdom, mereka menjajah Malaysia, mereka menjajah India, Pakistan dan sebagainya. Kerana itulah pembangunan United Kingdom khususnya London datangnya daripada pekerja-pekerja asing daripada Timur, daripada Malaysia, daripada India, daripada Pakistan, China dan sebagainya.

Pengambilan pekerja-pekerja asing yang begitu banyak telah menimbulkan suatu keadaan yang tidak selesa untuk rakyat Malaysia sering kali kita akan mengaitkan kegiatan jenayah dengan pekerja-pekerja asing ini. Malah yang lebih mendukacitakan lagi keghairahan kita membawa pekerja-pekerja asing ini telah membawa kepada bidang-bidang pekerjaan yang tidak perlu hari ini. Sebagai contohnya apakah Malaysia perlu untuk mengambil orang-orang China dari Tanah Besar China bekerja sebagai tukang urut kaki sepanjang Jalan Bukit Bintang, Yang Berhormat sebut tadi kawasan pelancongan. Pergilah, sepanjang deretan di kiri kanan Bukit Bintang ada deretan kedai yang dipenuhi dengan pekerja-pekerja mengurut kaki bukan sahaja di Bukit Bintang malah di bandar-bandar besar yang lain dipenuhi oleh mereka pekerja-pekerja yang datang daripada Tanah Besar China.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat, minta laluan.

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Sila.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Sebenarnya isu pekerja asing ini sudah begitu banyak kita perkatakan dan kita memang tidak nampak ada formula sebenarnya bagaimana kita hendak menggantikan pekerja-pekerja daripada negara-negara seperti Indonesia yang disebut oleh Yang Berhormat tadi dengan pekerja kita sendiri sebab memang saya melihat keadaan sekarang ini seolah-olah bahawa orang tempatan memang tidak mahu terlibat dengan kerja-kerja sebagai buruh kasar apatah lagi pembantu rumah. Memang lagi sukar sekarang ini dan kita tengok sekarang ini pembantu rumah ini dengan gaya hidup yang sudah semakin baik ini, seorang pun tidak cukup,

Sekurang-kurang dua, satu rumah. Bahkan saya tengok ada orang kalau ikutkan keadaan kedudukan rumah itu macam hidup sederhana, Tuan Yang di-Pertua, tetapi ada dua pembantu rumah dari Indonesia. Mungkin ada yang tertentu boleh kita kurangkan tetapi macam pembantu rumah ini amat sukar. Memang tidak ada orang lain. Kalau hendak ambil dari India takut dia tidak boleh berbahasa Melayu dan mungkin dua, tiga tahun kita boleh naikkan pangkat daripada pembantu rumah kepada pembantu rumah bertaraf orang rumah. *[Ketawa]*

Sebab dia boleh satu bahasa dengan kita. Jadi, saya cuma hendak tanya Yang Berhormat, apakah Yang Berhormat rasa ada cara lain untuk kita hendak mengatasi masalah ini sebab Yang Berhormat bangkitkan perkara ini. Tentang tukang urut itu saya tidak tahu sebab saya, Tuan Yang di-Pertua, memang duduk di Bukit Bintang. Sepanjang tempoh Dewan Negara bersidang di Bukit Bintang lah tempat saya duduk. Tetapi memang saya mungkin kerana jenis tidak keluar daripada bilik hotel, tanyalah Yang Berhormat ini *[Ditujukan kepada Yang Berhormat Tay Puay Chuan]* *[Ketawa]* Jadi, saya tidak tahu, sebab itu bila Yang Berhormat Datuk Dr. Lee Chong Meng bangkitkan Bukit Bintang, Yang Berhormat bangkitkan Bukit Bintang, bahkan saya pun tidak tahu di bawah hotel saya itu ada kelab. Di panggil kelab apa? Kelab Q-Bar, Labana atau apa? *[Ketawa]* Saya pun tidak tahu.

Jadi, kalau kita sendiri buat tidak tahu, Tuan Yang di-Pertua, tidak ada benda sebenarnya. Bergantung kepada kita. Saya pun tidak tahu sepanjang jalan, yang disebut oleh Yang Berhormat, setahu saya, yang saya jumpa *Seven Eleven*, kedai kopi *Starbucks*. Itu sahaja yang saya jumpa.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: [*Bangun*]

Tuan Ismail bin Kassim: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Tajul, ada dua Yang Berhormat bangun ini. Siapa dahulu. [*Disampuk*] Yang Berhormat Tuan Ismail bin Kassim.

Tuan Ismail bin Kassim: Minta maaf! Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Saya amat tertarik hati dengan hujah Yang Berhormat berhubung dengan pendatang asing kerana walaupun saya bersetuju sebahagian besar daripada celahan yang dibuat oleh sahabat saya Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad tetapi kita lihat dari segi sifat sebenarnya. Kalau di bidang ataupun di sektor yang kritikal, kita boleh menerima kehadiran pendatang asing kerana kita tidak dapat menolak kehadiran mereka untuk bekerja di sesetengah sektor seperti sektor perladangan dan sesetengah sektor pengeluaran yang amat berat dan sesetengahnya tidak mahu dilakukan oleh rakyat negara kita.

Saya tidak tahu atas apa alasan tetapi ada di kalangan majikan dan juga kelulusan yang sewenang-wenang yang saya lihat tidak mengambil kira keperluan negara yang dibuat oleh kerajaan, saya rasa mengundang kepada 1.8 juta yang dilihat berdaftar, yang dapat kita kesan tetapi jumlah yang tinggal lebih ataupun yang datang secara haram, saya ingat dua kali ganda lebih daripada itu. Contohnya Yang Berhormat, kita lihat daripada sektor keselamatan, *Nepalese* – *Nepal* ini dikira sebagai bangsa yang mempunyai kemampuan untuk menjaga keselamatan, sebab itulah kebanyakan syarikat-syarikat keselamatan di negara kita, mereka memilih *Nepalese* ini untuk menjadi pak *guard* di semua premis-premis tertentu dan pak *guard* ini pun *hansom-hansom*, dan pada saya lebih banyak mengundang masalah sosial.

Nepalese yang ada sekarang ini bukan sama dengan *Nepalese* yang dulu, yang semasa terlibat dengan askar *Gurkha* yang diambil, ia tidak sama sebenarnya. Bukan semua *Nepalese* itu sama. Tetapi *Nepalese* yang diambil sekarang ini, *Nepalese* yang banyak mengundang kepada masalah negara. Di dalam sektor tertentu saya bersetuju untuk kita mengambil pekerja asing tetapi di setengah-setengah sektor kita boleh gunakan rakyat kita sendiri untuk kita mengendalikan negara kita.

Jadi, kalau biar sekarang, kita peroleh banyak masalah sosial yang Yang Berhormat bangkitkan tadi dan banyak kejadian-kejadian jenayah yang kejam, zalim yang tidak pernah berlaku di negara kita sebelum ini tetapi dengan kehadiran pendatang asing, sekarang ini kita lihat ada jenayah-jenayah yang cukup kejam dan tidak pernah terfikir oleh kita berlaku di negara kita. Apa pandangan Yang Berhormat berhubung perkara ini?

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Datuk Yaakob.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada sahabat saya. Soalan tambahan saya juga menyentuh soal tenaga buruh, tenaga asing iaitu Yang Berhormat menyatakan apa atau boleh atau tidak kita hantar pulang tenaga asing ini ke negara masing-masing dan memberi keutamaan kepada belia-belia kita. Jadi, persoalannya, Tuan Yang di-Pertua, yang saya ingin mendapat penjelasan, daripada tindakan kerajaan tahun lalu untuk secara sah memulangkan pendatang tanpa izin ini ke negara masing-masing sekiranya dalam tempoh enam bulan wujud satu kekecohan seolah-olah dalam sektor 3D tadi terganggu dari segi perencanaan pembinaan projek-projek swasta mahupun projek-projek kerajaan. Tidakkah ini merupakan salah satu impak negatif yang mungkin akan berlaku sekiranya usaha-usaha kita untuk mengembalikan mereka dengan mengambil tenaga-tenaga belia kita yang sememangnya tidak berminat sama sekali di dalam bidang 3D itu. Apa pandangan, Yang Berhormat?

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Terima kasih kepada Yang Berhormat, Yang Berhormat yang telah mengemukakan pandangan dan soalan. Saya juga kadang-kadang mempunyai pandangan seperti Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad. Tetapi persoalan saya ialah sampai bila kita akan meneruskan dasar kita begini iaitu kita hendak membangun negara kita, maka kita bawa masuk sebanyak mana pekerja daripada negara benua mana sekali pun.

Sehingga akhirnya bukan sahaja kita mengambil pekerja-pekerja untuk binaan, bukan sahaja kita mengambil orang gaji untuk menjaga rumah kita, kita mengambil pekerja asing untuk menjadi *security guard*, dan akhirnya saya berpendapat bahawa kita akan *employ* orang asing untuk menjaga keselamatan kita. Persoalannya tidakkah ada sesuatu perancangan supaya walaupun kita tidak boleh mengelak daripada mengambil pekerja asing ini, maknanya ada sesuatu dibuat seperti mana negara-negara maju.

Australia sebagai contoh, mereka juga mengambil pekerja asing tetapi pekerja asing yang diambil itu adalah pekerja yang rakyatnya tidak boleh lakukan dan *diinterview*, dipilih supaya pekerja asing ini apabila pergi ke negara mereka, menjadi pekerja yang membawa kebaikan untuk membangun negara, bukan akhirnya menjadi penjenayah kepada negara itu. Tetapi kita ini, pada peringkat awal pengambilan pekerja binaan dari Indonesia, itu memang bagus, kita ambil oleh kerana permintaan terlalu ramai maka kemasukan ini telah dieksploitasi oleh orang-orang tertentu yang berkuasa dan sebagainya kerana dia ada 'hun' lagi daripada seorang pekerja, dia ada untung lagi, maka pengambilan kemasukan ini tidak lagi menjadi satu perkara yang dibuat untuk membangun Malaysia tetapi dibuat untuk faedah-faedah individu dan akhirnya boleh mengancam negara. Ini yang saya sebutkan.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Mohon laluan, Yang Berhormat.

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Saya tidak habis lagi yang ketiga ini. Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Ismail bin Kassim, bersetuju bahawa kita mengambil untuk bidang-bidang tertentu. Saya bersetuju, saya tidak menafikan bahawa saya juga mempunyai

orang gaji yang bekerja di rumah tetapi kemasukan orang gaji dan sebagainya tidak boleh di bawa masuk secara ramai, secara kelompok yang besar, yang akhirnya mereka boleh membuat jenayah. Mesti dibawa masuk secara teratur, *diinterview*, dilihat personaliti. Bukan secara gopoh-gapah, bukan dibawa masuk dengan niat seramai yang masuk, lagi untung orang itu akan buat duit dan sebagainya. yang ini menjadi masalah kita yang menjadi budaya kita di Malaysia hari ini.

Soal yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Datuk Yaakob, kita tidak boleh menghentikan pengambilan pekerja ini serta-merta seperti yang dibuat hari itu. Sebab itu saya kata, kita mesti ada perancangan. Antara perancangan yang boleh kita buat ialah belia-belie kita yang ada ribuan di pusat-pusat serenti. Kita belanjakan duit yang banyak di pusat serenti. Tangkap mereka, heret mereka, bawa masuk dalam lori, pergi hantar ke ladang-ladang yang memerlukan pekerja. Sama ada dibayar gaji ataupun tidak dibayar gaji, manusia dadah ini sudah pun menjadi manusia tidak berguna.

Kita layan mereka secara kemanusiaan ataupun tidak secara kemanusiaan sudah tidak jadi perhitungan lagi kerana mereka sudah tergolong manusia yang tidak berguna. Ambil mereka, paksa mereka untuk bekerja di ladang-ladang yang boleh dibuat. Diberi mereka makan, disuntik mereka di peringkat awal dengan dadah supaya mereka boleh ada tenaga untuk buat kerja. Akhirnya kalau mereka tidak hidup pun, mereka mati pun, sekurang-kurangnya mereka sudah pun memberi khidmat kepada ladang-ladang dan negara kita.

Ini, kita mesti buat sesuatu. Kalau kita tidak buat, sebab itu kadang-kadang pemerintahan 'kuku besi', kekerasan ada baiknya daripada mengamalkan demokrasi yang akhirnya membawa padah kepada orang-orang yang baik ini. Itu pandangan saya.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih, Yang Berhormat kerana memberi laluan kepada saya. Saya tertarik apa yang disebut oleh Yang Berhormat tentang pekerja asing yang begitu ramai dalam negara kita. Kita menghadapi fenomena ini bukan sahaja di kalangan pekerja golongan 3D ini, tetapi golongan profesional. Contohnya, kita menggunakan ramai tenaga pakar dalam bidang kedokteran, yang bekerja di pusat-pusat kesihatan di seluruh negara. Maklumat yang kita dapat terima bagaimana perkhidmatan yang diberi ini tidak memuaskan dari segi bahasanya, perkhidmatannya dan bagaimana kerajaan membayar gaji yang lebih tinggi kepada doktor pakar daripada luar berbanding dengan doktor pakar tempatan, rakyat tempatan sendiri. Sedangkan mereka ini dari segi kerjanya, jauh lebih baik doktor tempatan dan perkara ini adalah satu *double standard* kerajaan terhadap doktor pakar kita sendiri. Adakah Yang Berhormat bersetuju sepatutnya pemantauan yang serius perlu dibuat terhadap doktor-doktor pakar yang diimport daripada luar ini. Apa pandangan Yang Berhormat.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Yang Berhormat, pekerja, doktor, masih diperlukan dengan banyaknya di Malaysia. Kita memerlukan doktor-doktor asing, sama ada daripada India, Pakistan atau Bangladesh. Tetapi saya juga bersetuju dengan pandangan Yang

Berhormat bahawa pemantauan teliti mesti diberi kepada doktor-doktor ini terutamanya dari segi kelulusan. Oleh kerana doktor-doktor yang datang ini kadang-kadang kelulusannya itu boleh diragui, bidang-bidang pengkhususan atau pun spesialisnya itu. Jadi, saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat, pihak Kementerian Kesihatan perlu memantau seteliti-telitinya kepada kumpulan doktor-doktor asing ini.

Saya sambung mengenai hujah saya mengenai dengan belia ini. Perkara yang menjadi masalah yang perlu kita fikirkan selama hari ini terhadap kumpulan ini ialah apakah sebenarnya cara berfikir belia kita hari ini. Datuk Azalina sebagai Menteri Belia dan Sukan, sama ada dibuat kajian ataupun tidak kepada ke arah mana belia kita, cara mana berfikir mereka. Adakah mereka bertembung dalam masyarakat Malaysia, satu yang di dokong oleh pihak pembangkang yang tidak mahu hiburan langsung, yang tidak mahu *night club* langsung, yang nak kena tutup semua langsung; dan satu lagi kumpulan majoriti yang mahu kepada keadaan realiti, kita perlu juga hiburan, kita perlu juga setakat hendak buka paha sikit - betis sikit ataupun adakah kita betul-betul terutamanya untuk orang Melayu, kita betul-betul hendak melaksanakan seperti mana yang dituntut oleh orang Islam. Kalau dituntut oleh agama Islam kita, hendak pakai seluar pun - kalau ikut Yang Berhormat saya tidak tahulah - tidak boleh, sebab dia nampak secara fizikalnya itu.

Jadi adakah pertembungan antara begini menjadikan belia Melayu khususnya, dengan izin dalam dilema dan akhirnya menjurus kepada apa pun tidak tahu hendak buat. Hendak hiburan pun tidak - melepak. *Last* sekali pergi dadah dan sebagainya.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Minta laluan Yang Berhormat. Saya hendak betulkan fakta sebab saya kira kalau tidak betulkan perkara ini jadi silap faham. Sebenarnya Islam tidak melarang hiburan, yang dilarang ialah hiburan yang mempunyai unsur-unsur yang negatif. Itu yang tidak disukai Islam. Pakaian - dari segi Islam tidak salah, kalau hendak pakai seluar pun tidak apa. Yang salahnya apabila kita menjolok mata, mendedahkan aurat. Itu saja yang salah. Jadi, tidak ada fesyen yang tertentu dalam Islam. Saya harap perkara ini jangan disalah-salah fahamkan.

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya pula - saya pun orang Islam. Pandangan saya pula, kalau saya tengok Yang Berhormat Ustazah, tengok Yang Berhormat Ustazah, tau-tau saya punya keinginan itu naik... [*Dewan riuh seketika*] Yang Berhormat pakai tudung apa semua. Haram dari segi Islam, pada sayalah. Tetapi kalau sekiranya saya melihat seorang pelajar ...

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Yang Berhormat, betul ke tidak naik ini [*Ketawa*] Saya minta penjelasan, betul ke tidak?

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Yang Berhormat, saya bagi contoh saja. Saya bagi contoh saja. Tetapi kalau sekiranya saya melihat seorang gadis, dia memanglah tidak tutup aurat, sebagai contohnya pelajar sekolah itu dia pakai skirt, tapi saya melihat dia itu sebagai biasa saja. Tidak ada apa pun. Saya rasa ...

Seorang Ahli: Tidak naiklah.

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Tak naiklah. Ya, macam Yang Berhormat kata tidak naik. Maknanya - saya ingat dari segi Islam pun tak salah, walaupun tidak menutup aurat.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Yang Berhormat, minta laluan.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Yang Berhormat, minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada dua Yang Berhormat bangun. Ya, Puan Siti Zailah.
[*Dewan riuh dengan ketawa*]

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Saya rasa sebagai Ahli Yang Berhormat, saya rasa bahasa 'naik' 'turun' ini tidak sesuai diperkatakan dalam Dewan yang mulia ini. Persoalannya apa dasar Yang Berhormat. Setiap sesuatu yang kita katakan mesti ada satu dasar. Apa dasar kita hendak mengatakan betul atau salah. Jadi, sekiranya Yang Berhormat kata nampak betis semua tidak apa, nama paha pun tak apa, sebagai seorang Islam, apa dasar kenyataan Yang Berhormat ini. Terima kasih.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Yang Berhormat, masalah yang timbul hari ini bukan - minta maaf. Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan. Terima kasih. Bukan masalah 'naik' 'turun' dan sebagainya. Yang dikatakan kawan saya tadi, masalah aurat. Yang pertama, cuma yang boleh kita buat hari ini, maknanya dasar telah dibuat. Umpamanya sekolah, saya tidak tahulah kalau di kawasan saya tidak terdapat orang Islam yang pergi ke sekolah dengan baju gaun. Semuanya bertudung, walaupun tudung itu bukan merupakan pakaian rasmi ataupun uniform sekolah, tetapi semuanya bertudung dan berbaju kurung. Malahan ramai juga bangsa lain juga ikut apa yang dibuat oleh orang Islam.

Cuma yang penting pada kita hari ini, maknanya kalau ada lagi yang hendak berskirt kerana kita tahu dasar sudah ada - bukan sahaja dasar, pegangan agama kita sudah ada, perkara ini kita serah kepada individu sendiri. Kata orang, mungkin dia masih lagi belum mendapat taufik dan hidayah daripada Allah S.W.T. dan mungkin perkara ini berlaku. Jadi tidak payahlah perkara ini terlampau sangat sampai - hari ini, kali ini saya tengok menjadikan ruang perkataan 'naik' dan 'turun' ini.

Tuan Ismail bin Kassim: Minta laluan. [*Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua: Minta Yang Berhormat Tajul Urus...

Datuk Dr. Lee Chong Meng: Minta laluan. Seorang yang bukan orang Islam. [*Ketawa*]
Minta maaf. Saya, walaupun saya bukan beragama Islam tetapi hormat agama Islam. Saya hendak minta penjelasan saja, perbezaan di antara rakyat di Turki yang beragama Islam 100 peratus. Saya melawat Turki, saya nampak di Turki tradisinya begitu moden. Wanita tidak bertudung dan lagi ada *dancer* yang popular di situ.

Jadi ini apakah perbezaan di antara Islam di Turki dan Islam di Malaysia. Saya tidak mempersoalkan tentang tradisi orang Melayu, saya tidak tahu kerana saya bukan orang Islam, minta maaf.

Timbalan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat. Yang Berhormat Tajul Urus, menjawab kepada semua soalan-soalan yang telah dibangkitkan tadi.

Tuan Ismail bin Kasim: Laluan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di Pertuan: Yang Berhormat jawab dahulu.

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Saya ingin menjawab mengenai Yang Berhormat yang mula-mula tadi ni. Saya bersetuju bahawa kita ada dasar, aurat tetap aurat itu saya setuju. Tetapi kita juga kena *respect* kepada individu itu. Maksud saya kita tidak boleh sangat mengamalkan *too busy body* dengan izin sehingga orang marah dan jemu kepada kita. Maksud saya kita terlalu kita tidak terang mana sangat, kita bercakap soal Islam kadang-kadang tu kita hendak ambil contoh bercakap banyaklah tentang Islam hendak ambil orang Arab, orang Lebanon dan ambil siapa orang Melayu kah? Tetapi saya hendak beritahu di sini pergilah melawat ke Jepun di mana mereka tidak pernah bercakap soal Islam tetapi jiwa mereka lebih indah dan lebih baik daripada orang Islam. Sebab apa? Sebab mereka mengamalkan kebaikan pertama untuk diri.

Jadi saya tidak menolak soal menutup aurat tetapi saya berpendapat kita juga mesti menerima realitinya kalau kanak-kanak hendak juga kebebasan, hiburan dan sebagainya. Maka kita perlu ada itu tetapi kalau sekiranya kita pun pernah pergi menunaikan fardu haji di Mekah dan sebagainya cuba kita lihat di negara Arab betapa tutupnya mereka tetapi perangai mereka *masya Allah* untuk saya sebutkan di sini. Bagaimana kita melihat orang-orang Arab yang bekerja di *airport*, budi bahasanya dan sebagainya. Kerana itulah saya berpendapat bahawa dalam soal kita menerima kenyataan bahawa kita seorang Islam perlu kepada pengamalan dan peraturan-peraturan Islam tetapi kita mestilah memberi sedikit kelonggaran kepada realiti dan juga kepada pilihan individu Islam setakat mana keupayaannya melaksanakan Islamnya itu. Saya bersetuju untuk

Puan Siw Chun a/p Eam: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Saya bersetuju untuk tidak menyebut naik turun lagilah.

Puan Siw Chun a/p Eam: Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma terkeliru sedikit di mana baik buruknya seseorang Yang Berhormat adakah berdasarkan kepada pakaian, tutup aurat atau tidak tutup aurat dan perkara ini menjadi satu isu semasa saya menganjurkan pesta '*Loy Kratong*' di mana pakaian kami memang kena buka sebelah. Sebelah, Yang Berhormat Ismail tahulah sebab dia selalu menghadiri majlis saya. [*Dewan ketawa*] Dan saya dipertikaikan.

Tuan Ismail bin Kasim: Jangan disalah anggap. Saya mewakili Yang Berhormat Menteri Besar. [*Ketawa*]

Puan Siw Chun a/p Eam: Dan menjadi satu isu dan saya memang tidak setuju kerana mempertikai bahawa kenapa di tempat orang awam saya membiarkan anak dara yang menyertai

pertandingan ratu cantik itu mendedahkan bahu mereka. Tidak adakah pakaian yang tertutup. Memang ada tetapi khas untuk ratu cantik *Loy Kratong* dia mesti pakai pakaian itu. Jadi bagi saya baik buruknya seseorang bukan berdasarkan kepada pakaian tetapi yang pentingnya amalan kita. Itu sahaja. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Yang Berhormat, yang dibicarakan ini pihak Yang Berhormat awal tadi pakaian berdasarkan Islam. Pakaian berdasarkan Islam di mana Islam menggariskan soal menutup aurat. Saya bersetuju juga dengan Yang Berhormat bahawa baik buruknya seseorang itu bukan bergantung kepada pakaian.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sudah cukuplah setakat itu. Sudah jelas penjelasan Yang Berhormat tadi. Yang Berhormat boleh sambung pagi besok. Ahli-ahli Yang Berhormat saya tangguhkan Dewan sehingga jam 10.00 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada jam 5.45 petang.